

HAD AL-KIFAYAH MAHASISWA PENGAJIAN TINGGI
DI BAITULMAAL MUAMALAT INDONESIA

NUR NAFIAH HERMANIANTO

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

***HAD AL-KIFĀYAH MAHASISWA PENGAJIAN TINGGI
DI BAITULMAAL MUAMALAT INDONESIA***

NUR NAFIAH HERMANIANTO

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
SYARIAH (EKONOMI ISLAM)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Nur Nafiah Hermanianto

No. Matrik: 17198971/1

Nama Ijazah: Sarjana Syariah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Had Al-Kifāyah Mahasiswa Pengajian Tinggi di Baitulmaal Muamalat

Indonesia Bidang Penyelidikan: *Zakat (221: Religion)*

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 20 Jun 2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 20 Jun 2024

Nama

Jawatan

HAD AL-KIFĀYAH MAHASISWA PENGAJIAN TINGGI DI BAITULMAAL MUAMALAT INDONESIA

ABSTRAK

Bantuan zakat pendidikan merupakan satu bentuk agihan bagi meringankan beban mahasiswa. Justeru itu, kajian ini mempunyai objektif untuk mencadangkan *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian perpustakaan dan kajian lapangan dilaksanakan. Dapatan daripada kajian yang dijalankan menunjukkan semua informan memiliki perbelanjaan yang defisit daripada bantuan yang diberi, namun jumlah kekurangan tersebut adalah pelbagai mengikut tempat kediaman semasa pengajian. Mahasiswa-mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga berdepan dengan defisit belanjawan yang sedikit berbanding mahasiswa/i yang tinggal di rumah sewa berikutan tidak perlu membayar sewa penempatan kerana tinggal bersama keluarga. Hasil daripada kajian ini memberikan cadangan *had al-kifāyah* yang berbeza untuk mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Adapun item *had al-kifāyah* yang dicadangkan ialah makan dan minum, pendidikan, pengangkutan, kesihatan serta keperluan harian selain makanan yang merangkumi keperluan penjagaan diri dan kos untuk melanggan internet. Tambahan untuk mahasiswa yang tinggal di rumah sewa ialah perlindungan. Nilai *had al-kifāyah* yang dicadangkan pada kajian ini merupakan cadangan untuk duit poket mahasiswa sahaja. Manakala untuk duit yuran pengajian mahasiswa terus dibayarkan kepada universiti. Adapun nilai duit poket yang dicadangkan untuk mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga ialah RM270 sebulan. Manakala nilai *had al-kifāyah* yang dicadangkan untuk mahasiswa yang tinggal di rumah sewa ialah RM405 sebulan. Kaedah yang digunakan untuk menentukan nilai *had al-kifāyah* yang dicadangkan ialah menggunakan median.

Kata kunci: Zakat pendidikan, mahasiswa Pengajian Tinggi, *had al-kifāyah* mahasiswa.

**HAD AL-KIFĀYAH FOR HIGHER EDUCATION STUDENTS
AT BAITULMAAL MUAMALAT INDONESIA**

ABSTRACT

Zakat for education is an alternative to ease the economical burden of higher education students. Therefore, this study has objective to propose the limit of *had al-kifāyah* that is relevant specifically for the higher education students. In order to achieve the objective, paper study and field research are carried out. The results of the study show that all informants have a deficit expenditure from the amount of money given, but the amount of the deficit is various according to the place of residence during the study. Students who live in family houses are faced with a small deficit of expenditure compared to students who live in the following rental houses do not have to pay placement rent because they live with family. The results of this study provide recommendations for different *had al-kifāyah* for students who live with their own family and students who live in rented houses. The proposed *had al-kifāyah* consider several costs such as foods and drinks, education, transportation, healthcare and daily needs other than food which includes personal care and internet/communication cost. Additional consideration for students living in rented houses is residencial. The *had al-kifāyah* value proposed in this study is a suggestion for student pocket money only. Meanwhile, student tuition fees continue to be paid to the university. As for the proposed amount of pocket money for students who live with their family, it is RM270 per month. While the proposed *had al-kifāyah* value for students living in rented houses is RM405 per month. The method used to determine the proposed *had al-kifāyah* value is the use of the median.

Keywords: Zakat for education, Higher Education students, *had al-kifāyah* for students.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji hanya untuk Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya disertasi ini berjaya disiapkan setelah menempuh pelbagai ujian dan cabaran. Di kesempatan ini, penghargaan yang tinggi ditujukan kepada Dr. Nor Aini Ali selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan. Beliau juga telah banyak memberi semangat, idea serta dorongan sehingga terhasilnya disertasi ini.

Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kerana sudi memberi kerjasama melalui segala maklumat yang diperlukan. Tanpa pertolongan dan keizinan yang dihulurkan sudah tentu kajian ini sukar untuk disempurnakan. Tidak lupa juga mahasiswa-mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia yang sudi menjadi informan bagi kajian ini serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Sumbangan daripada kalian amat saya hargai dan hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalaunya.

Ucapan tulus ikhlas penghargaan untuk ayah dan ibu yang tersayang kerana tidak pernah putus mendoakan, memberi semangat dan sokongan untuk meneruskan kajian ini. Buat suami tercinta Muhammad Yusuf, terima kasih atas kesabaran dan sokongan moral yang ditunjukkan sepanjang kajian ini dilakukan. Juga untuk anak-anak tersayang, Khadijah Sabia Yusuf, Fatimah Zafirah Yusuf dan Abdul Qoyyum Yusuf yang memberi kegembiraan serta menjadi penawar di kala susah dan senang dalam menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga penyelidik ucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat penyelidik di Institut Pengajian Siswazah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah membantu penyelidik dan memberikan sokongan kepada penyelidik. Penyelidik mendoakan semoga kalian berjaya di dunia dan akhirat. Akhir kata, diharapkan disertasi ini dapat dijadikan sumber ilmu yang berguna untuk tatapan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Salam,

Nur Nafiah Hermanianto
17198971/1
nafiah31@gmail.com

KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvi
BAB 1	1
PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	2
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop Kajian	6
1.8. Ulasan Kajian-kajian Lepas	7
1.8.1. Agihan Zakat Pendidikan Kepada Asnaf Fakir Miskin	7
1.8.2. <i>Had al-Kifāyah</i> Zakat.....	11

1.8.3. Pola Perbelanjaan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.....	12
1.9. Sistematika Penulisan.....	16
1.10. Kesimpulan.....	18

BAB 2

KONSEP AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN

MENURUT PEMIKIRAN SARJANA ISLAM.....	19
2.1. Pengenalan.....	19
2.2. Agihan Zakat Pendidikan Kepada Asnaf Fakir dan Miskin.....	19
2.3. Konsep <i>Had al-Kifāyah</i>	23
2.3.1. Pemberian Zakat Untuk Seumur Hidup	26
2.3.2. Pemberian Zakat Cukup Untuk Satu Tahun.....	29
2.3.3. Elemen <i>Had al-Kifāyah</i> Pendidikan.....	30
2.4. Kesimpulan.....	38

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN	39
3.1. Pengenalan.....	39
3.2. Reka Bentuk Kajian.....	39
3.3. Lokasi Kajian	39
3.4. Kaedah Pengumpulan Data	42
3.4.1. Pengumpulan Data Sekunder	42
3.4.2. Pengumpulan Data Primer	42
3.5. Kesahan Instrumen Kajian	47

3.6. Kaedah Penganalisaan Data	48
3.6.1. Analisis Data Sekunder	48
3.6.2. Analisis Data Primer	49
3.7. Kesimpulan.....	51

BAB 4

PELAKSANAAN PROGRAM BIASISWA

OLEH BAITULMAAL MUAMALAT INDONESIA (BMM).....53

4.1. Pengenalan.....	53
4.2. Pelaksanaan Program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) Kepada Asnaf Fakir dan Miskin.....	53
4.2.1. Kriteria Kelayakan Pemohon	54
4.2.2. Prosedur Agihan Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia ...	57
4.3. Pemantauan Ke Atas Program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).....	65
4.4. Kesimpulan.....	68

BAB 5

HAD AL-KIFĀYAH MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.....69

5.1. Pengenalan	69
5.2. Taburan Demografi Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).....	69
5.3. Bentuk Agihan Zakat Pendidikan di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).....	71

5.4. Penggunaan Wang Zakat oleh Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	73
5.5. Perbelanjaan Bulanan Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).....	78
5.6. Cadangan <i>Had Al-Kifāyah</i> Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi	90
5.7. Kesimpulan.....	102
BAB 6	
RUMUSAN DAN CADANGAN	103
6.1. Pengenalan.....	103
6.2. Rumusan Hasil Kajian.....	103
6.2.1. Konsep Agihan Zakat Pendidikan Menurut Pemikiran Sarjana Islam.....	104
6.2.2. Pelaksanaan Program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada Asnaf Fakir dan Miskin	105
6.2.3. <i>Had Al-Kifāyah</i> Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi	106
6.3. Cadangan.....	109
6.3.1. Institusi Zakat.....	109
6.3.2. Asnaf	110
6.3.3. Kajian Masa Hadapan	110
6.4. Kesimpulan.....	111
BIBLIOGRAFI	112

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Pembahagian Kelompok UKT	3
Jadual 3.1:	Senarai Universiti Yang Berkolaborasi Dengan Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM)	41
Jadual 3.2:	Maklumat Pelaksanaan Temu Bual Bersama Mahasiswa	44
Jadual 3.3:	Set Soalan-soalan Yang Ditanyakan Kepada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	45
Jadual 3.4:	Set Soalan-soalan Yang Ditanyakan Kepada Penerima Biasiswa Zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	46
Jadual 4.1:	Universiti Kolaborasi Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	59
Jadual 5.1:	Profil Demografi Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	70
Jadual 5.2:	Penggunaan Wang Zakat oleh Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	73
Jadual 5.3:	Perbelanjaan Sebenar Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (Bulanan)	79
Jadual 5.4:	Defisit Perbelanjaan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi berbanding Duit Zakat yang diterima.	81
Jadual 5.5:	Cadangan Ḥad Al-Kifāyah Bulanan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang Tinggal di Rumah Keluarga	90
Jadual 5.6:	Cadangan Ḥad Al-Kifāyah Bulanan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang Tinggal di Rumah Sewa	94
Jadual 5.7:	Perbelanjaan Sebenar Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (Bulanan)	100

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Carta Dapatan Kajian Lepas	16
Rajah 3.1:	Carta Organisasi Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	40
Rajah 3.2:	Peringkat-Peringkat Penganalisaan Data Primer	51
Rajah 4.1:	Kriteria Penerima Manfaat Biasiswa Baitulmaal Muamalat	55
Rajah 4.2:	Carta Aliran Prosedur Agihan Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)	58

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	Surat Permohonan Menjalankan Kajian	117
LAMPIRAN 2	Borang Pengesahan Pakar	119
LAMPIRAN 3	Soalan Temu Bual	121
LAMPIRAN 4	Contoh Transkripsi Temu Bual	125

SENARAI KEPENDEKAN

APIUM	Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
BAZNAS	Badan Amil Zakat Nasional
Bil	Bilangan
BKT	Biaya Kuliah Tunggal
BMM	Baitulmaal Muamalat Indonesia
Cet.	Cetakan
DPS	Dewan Pengawas Syariah
Ed.	Editor / Edisi
EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>
et al.	3 orang penyunting atau lebih
Ibid	Ibidem (pada tempat yang sama)
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAWHAR	Jabatan Waqaf Zakat dan Haji
Jil.	Jilid
LAZ	Lembaga Amil Zakat
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MYT	Malaysia Time
No.	Nombor
PTN	Perguruan Tinggi Negeri
RM	Ringgit Malaysia
Rp	Rupiah Indonesia
SAW	Šalla Allāhu ‘Alaihi Wasalam
SPP	Sumbangan Pembayaran Pendidikan
STEI	Sekolah Tinggi Ekonomi Islam
SWT	Subḥānahu Wata‘ālā
t.p	Tanpa Penerbit
t.tp	Tanpa Tempat Terbitan
t.t	Tanpa Tarikh
UiTM	Universiti Teknologi MARA

UKT	Uang Kuliah Tunggal
UNJ	Universitas Negeri Jakarta
WIB	Waktu Indonesia Barat
ZPP	Zakat Pulau Pinang

PANDUAN TRANSLITERASI

KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ء , ا	a , ’	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ة , ت	t , h	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h
ش	sh	و	w
ص	ṣ	ي	y

VOKAL

VOKAL PENDEK		VOKAL PANJANG	
ـ	a	ـ ، ا	ā
ـ	i	ـ	ī
ـ	u	ـ	ū

DIFTONG

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>
ف	aw	ي	iy / ī
ي	ay	و	Uww / ū

Sumber: Buku panduan penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam.

Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

BAB 1 **PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan pendahuluan kajian dengan menjelaskan latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian ini dijalankan, skop kajian, serta ulasan kajian-kajian lepas.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Zakat merupakan salah satu rukun Islam. Ianya wajib dilaksanakan oleh setiap muslim yang memiliki harta dengan persyaratan tertentu, iaitu telah mencapai nishab dan haul.

Zakat yang telah dikutip diagihkan kepada orang yang berhak menerimanya dengan persyaratan tertentu pula, iaitu 8 orang asnaf yang merangkumi fakir, miskin, amil zakat, yang dilembutkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekaan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk fi sabilillah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan.

Pendidikan pula merupakan salah satu usaha untuk mewujudkan sumber manusia yang berkualiti dalam pembangunan nasional. Namun, perkara yang seringkali menjadi masalah kepada mahasiswa ialah perihal kewangan.¹ Hal ini kerana mahasiswa belum bekerja, sehingga belum memiliki pendapatan bulanan yang tetap untuk menanggung kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat.² Umumnya, mereka hanya bergantung kepada biasiswa atau bantuan kewangan yang dibiayai oleh keluarga.³ Disinilah zakat berperanan menjadi salah satu solusi bagi meringankan beban mahasiswa

¹ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, “Pola Perbelanjaan Dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian di Kuala Terengganu, Terengganu,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 21, No 2 (2018), 45 – 57.

² Aisyah Abdul Rahman dan Wajeeha Zulkifly, “Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 19, No 2 (2016), 85 – 94.

³ Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 18, No 2 (2015), 33 – 44.

kerana hasil kutipan zakat juga akan disalurkan kepada mereka atas kapasiti sebagai golongan fakir atau miskin.⁴

Di Indonesia, agihan zakat untuk asnaf fakir dan miskin merupakan agihan zakat tertinggi. Berdasarkan bidang pula, agihan kepada bidang pendidikan kedua tertinggi setelah bidang sosial kemanusiaan.⁵ Pada tahun 2018, agihan zakat untuk pendidikan meningkat sebanyak 52.73 peratus iaitu kepada Rp 1.438 trilion berbanding Rp 941 miliar pada tahun 2017.⁶

Salah satu institusi zakat yang memberikan bantuan biasiswa kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi ialah Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Biasiswa yang diberikan kepada mahasiswa adalah berupa yuran pengajian dan duit poket bulanan. Pengagihan zakat kepada mahasiswa boleh memberi kesan bagi memenuhi keperluan mahasiswa.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Pendidikan merupakan keperluan asas bagi setiap insan. Namun, perkara yang seringkali menjadi masalah kepada mahasiswa ialah masalah kewangan.⁷ Untuk memenuhi keperluan pengajian dan keperluan asas semasa pengajian, mahasiswa memerlukan kewangan yang berterusan. Namun mereka belum bekerja, maka mereka belum memiliki pendapatan bulanan yang tetap untuk menanggung kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat.⁸ Umumnya, mereka hanya bergantung kepada biasiswa atau bantuan kewangan yang dibiayai oleh keluarga.⁹

⁴ *Ibid.*

⁵ BAZNAS, *Statistik Zakat Nasional 2018* (Bagian Liaison dan Pelaporan, 2019), 34.

⁶ *Ibid.*, 35.

⁷ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor, “Pola Perbelanjaan Dan Cadangan …, 45 – 57.

⁸ Aisyah Abdul Rahman dan Wajeeha Zulkifly, “Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 19, No 2 (2016), 85 – 94.

⁹ Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 18, No 2 (2015), 33 – 44.

Pada tahun 2013, Pengajian Tinggi di Indonesia mengalami perubahan sistem pembayaran yuran pengajian daripada Sumbangan Pembayaran Pendidikan (SPP) kepada Uang Kuliah Tunggal (UKT)¹⁰. Hal tersebut wujud dalam Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Nomor 55 Tahun 2013 tentang Biaya Kuliah Tunggal dan Uang Kuliah Tunggal Pada Perguruan Tinggi Negeri di Lingkungan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Pasal 1 pada peraturan tersebut menyatakan bahawa Biaya Kuliah Tunggal (BKT) merupakan keseluruhan biaya operasional setiap mahasiswa setiap semester pada jabatan di Perguruan Tinggi Negeri (PTN).¹¹ UKT adalah sebahagian BKT yang ditanggung setiap mahasiswa berdasarkan kemampuan ekonominya. Masih pada pasal yang sama, UKT ditetapkan berdasarkan BKT ditolak dengan kos yang ditanggung oleh kerajaan.

UKT dibahagikan kepada beberapa kelompok mengikut pendapatan ibu bapa dan kemampuan ekonomi ibu bapa atau penjaga. Ada PTN yang membahagikan kepada 5 kelompok UKT dan ada pula yang membahagikan kepada 8 kelompok UKT. Pembahagian kelompok UKT dapat dilihat pada Jadual 1.1 di bawah:

Jadual 1.1: Pembahagian Kelompok UKT

Kelompok UKT	Pendapatan Ibu Bapa/Penjaga
UKT Kelompok 1	Pendapatan \leq Rp 500,000
UKT Kelompok 2	Rp 500,001 - Rp 2,000,000
UKT Kelompok 3	Rp 2,500,001 - Rp 3,500,000
UKT Kelompok 4	Rp 3,500,001 - Rp 5,000,000
UKT Kelompok 5	Rp 5,000,001 - Rp 10,000,000
UKT Kelompok 6	Rp 10,000,001 - Rp 20,000,000
UKT Kelompok 7	Rp 20,000,001 - Rp 30,000,000
UKT Kelompok 8	Rp 30,000,000 < Pendapatan

Sumber: Laman sesawang Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia (2020).

UKT yang mula dilaksanakan pada tahun akademik 2013/2014 dilihat terlalu mahal berbanding sistem pembayaran yuran SPP. Salah satu universiti di Sumatera, iaitu

¹⁰ Uang Kuliah Tunggal (UKT) adalah yuran pengajian peringkat Pengajian Tinggi di Indonesia.

¹¹ Perguruan Tinggi Negeri adalah intitusi pengajian tinggi awam yang didirikan dan/atau diselenggarakan oleh kerajaan Indonesia. (Permendikbud RI Nombor 25 Tahun 2020)

Universiti Riau mengalami kenaikan yuran pengajian ketika peraturan UKT dilaksanakan. Kenaikan tersebut meningkat daripada sebelumnya iaitu hanya Rp 600,000¹² kepada Rp 4,500,000.¹³ Kenaikan yuran pengajian tersebut diperkuatkan lagi oleh kajian Sumarno¹⁴ pada tahun 2017 yang juga berlaku di Universiti Riau. Hasil kajian mendapati bahawa purata kos pendidikan mahasiswa mengalami peningkatan daripada Rp 3.578.950,77 untuk sistem yuran non-UKT kepada Rp 3.749.614,81 untuk sistem yuran UKT.

UKT merupakan sistem pembayaran yang menggunakan sistem kemas kini Biaya Pendidikan. Universiti diharuskan melakukan penilaian dan kemas kini BKT kepada Dikti setiap tahun. Permendikbud no. 55 tahun 2013 dan Permendikbud no. 73 tahun 2014 dengan kemas kini satu pasal dan perubahan lampiran menunjukkan memungkinkannya perubahan BKT dan UKT setiap tahun. Corak seperti ini menimbulkan kerisauan dalam kalangan mahasiswa. Terdapat ketidakpastian kenaikan kos pendidikan setiap tahunnya. Hal tersebut seperti dalam kajian yang dilakukan oleh Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Keluarga Mahasiswa (KM) Sekolah Vokasi Universiti Gadjah Mada (UGM) Yogyakarta pada tahun 2015. Dalam kajian tersebut, purata kenaikan UKT Sekolah Vokasi UGM pada tahun 2014 sebesar 65.71 peratus berbanding tahun 2013.¹⁵

Pada bulan Jun tahun 2020, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia mengeluarkan Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia Nomor 25 Tahun 2020 tentang Standar Satuan Biaya Operasional Pendidikan Tinggi Pada Perguruan Tinggi Negeri di Lingkungan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Dalam peraturan tersebut pasal 9 dikatakan bahawa apabila mahasiswa,

¹² Rp 1 bersamaan dengan RM0.0003, laman sesawang *convertworld*, dicapai 23 November 2023, <https://www.convertworld.com/en/currency/indonesia/idr-to-myr.html#1>.

¹³ “UKT Tak Transparan, Ribuan Mahasiswa Unri Demo Rektorat,” laman sesawang *Okezone*, dicapai 24 Januari 2021, <https://news.okezone.com/read/2013/10/08/373/878576/ukt-tak-transparan-ribuan-mahasiswa-unri-demo-rektorat>.

¹⁴ Sumarno, Gimin dan Syakdanur Nas, “Dampak Biaya Kuliah Tunggal Terhadap Kualitas Layanan Pendidikan,” *Kelola Jurnal Manajemen Pendidikan* Vol. 4 No. 2 (Juli – Desember 2017), 184 – 194.

¹⁵ “Kajian UKT – BEM KM Sekolah Vokasi UGM,” laman sesawang *studylibid*, dicapai 24 Januari 2021, <https://studylibid.com/doc/121351/kajian-ukt---bem-km-sekolah-vokasi-ugm>.

keluarga mahasiswa dan pihak lain yang membiayai mahasiswa sudah tidak berkeupayaan akibat bencana alam dan/atau non-alam, mahasiswa dapat mengajukan: pembebasan sementara UKT; penolakan UKT; perubahan kelompok UKT; atau pembayaran UKT secara mengansur.¹⁶ Berdasarkan hal tersebut bantuan keringanan yuran pengajian hanya diberikan kepada mahasiswa yang kemampuan ekonominya kurang. Manakala hasil kajian yang dijalankan oleh Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Seluruh Indonesia (SI) kepada 2,311 responden dari 132 kampus di 21 provinsi menyatakan bahwa 83 peratus mahasiswa ekonominya terkesan oleh wabak Covid-19,¹⁷ sehingga mahasiswa masih lagi menuntut keringanan yuran pengajian dapat diberikan kepada seluruh mahasiswa.

Berdasarkan isu kajian yang telah diuraikan, zakat berperanan menjadi salah satu solusi bagi meringankan beban mahasiswa kerana hasil kutipan zakat juga akan disalurkan kepada mahasiswa-mahasiswa atas kapasiti sebagai anak kepada golongan asnaf fakir atau miskin.

1.4 Objektif Kajian

1. Membincangkan pemikiran sarjana Islam tentang agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin.
2. Menganalisis pelaksanaan program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin.
3. Mencadangkan *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

¹⁶ Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2020, Permendikbud RI No. 25 Tahun 2020.

¹⁷ “BEM SI Minta Keringanan UKT Bagi Seluruh Mahasiswa,” laman sesawang *cnnindonesia.com*, dicapai 14 Maret 2021, <https://www.cnnindonesia.com/nasional/20200623162031-20-516558/bem-si-minta-keringanan-ukt-bagi-seluruh-mahasiswa>.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini menetapkan beberapa persoalan yang perlu dijawab. Antaranya ialah:

1. Apakah pandangan sarjana Islam tentang agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin?
2. Bagaimanakah pelaksanaan program Biasiswa di Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin?
3. Apakah item *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi?
4. Berapakah jumlah *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dijalankan dan hasilnya boleh dijadikan rujukan serta panduan kepada pentadbir institusi zakat di Indonesia amnya dan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) khususnya. Seterusnya ia diperlukan untuk mengenalpasti elemen keperluan dan jumlah had kifayah yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan asas oleh institusi zakat di Indonesia amnya serta Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) khususnya untuk menentukan jumlah wang agihan zakat yang mampu memenuhi *had al-kifāyah* mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Hasil dapatan kajian ini pula boleh menambah pengetahuan serta menjadi rujukan bagi kajian-kajian sejenis di masa hadapan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM) dan *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *Had al-kifāyah* yang dicadangkan pada kajian ini

ialah *had al-kifāyah* untuk duit poket mahasiswa. Bagi yuran pengajian, mahasiswa tidak mengeluarkan sebarang kos kerana telah dibiayai oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dan terus disalurkan kepada universiti.

Pemilihan Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM) adalah kerana institusi ini merupakan institusi yang memperuntukkan berasrama kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi beserta duit poket tertinggi berbanding institusi zakat lainnya di Indonesia. Informan pada kajian ini terdiri daripada mahasiswa Sarjana Muda empat universiti di Indonesia. Universiti Negeri Jakarta (UNJ) dipilih kerana berada di bandar dan mewakili universiti kerajaan. Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) SEBI dipilih kerana berada di bandar serta mewakili universiti bukan kerajaan. Manakala Universiti Halu Oleo dipilih kerana berada di luar bandar dan mewakili universiti kerajaan. Terakhir adalah Universiti Amikom Purwokerto yang dipilih kerana berada di luar bandar serta mewakili universiti bukan kerajaan.

1.8. Ulasan Kajian-kajian Lepas

Perbincangan berkaitan kajian lepas akan dipecahkan kepada tiga tema. Tema pertama adalah agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin. Manakala tema kedua adalah *had al-kifāyah* zakat. Terakhir ialah pola perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

1.8.1. Agihan Zakat Pendidikan Kepada Asnaf Fakir Miskin

Salah satu golongan asnaf yang berhak menerima zakat adalah asnaf fakir dan miskin. Terdapat dua kategori agihan bagi asnaf fakir dan miskin, iaitu agihan zakat penggunaan dan agihan zakat produktif. Menurut Abdul Wasik¹⁸ dan Haris Al Amin¹⁹ dalam kajian yang dijalankannya, agihan zakat penggunaan ialah agihan yang membentuk pemberian

¹⁸ Abdul Wasik, “Menelaah Kembali Prinsip Zakat Produktif (Upaya Mengubah Masyarakat Konsumtif Menuju Masyarakat Produktif),” *Jurnal Al Hukmi* Vol. 1, No. 2 (November 2020), 159 – 176.

¹⁹ Haris Al Amin, “Pengelolaan Zakat Konsumtif dan Zakat Produktif (Suatu Kajian Peningkatan Sektor Ekonomi Mikro dalam Islam),” *Jurnal Ekonomi dan Bisnis* (2015), 1 – 15.

langsung bagi memenuhi keperluan asas *mustahik*, seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Seterusnya, menurut hasil kajian oleh Siti Rahmah dan Jumi Herlita,²⁰ agihan zakat penggunaan dibahagi lagi kepada dua bentuk. Bentuk yang pertama ialah bersifat penggunaan tradisional, iaitu zakat dibahagikan kepada *mustahik* untuk dibahagikan langsung bagi memenuhi keperluan harian *mustahik*. Bentuk yang kedua ialah bersifat penggunaan kreatif, iaitu agihan zakat yang diwujudkan dalam bentuk lain daripada barang semulanya, seperti diberikan dalam bentuk alat-alat sekolah, biasiswa, alat pertanian dan lainnya.

Daripada dua bentuk agihan zakat, maka agihan zakat untuk pendidikan termasuk ke dalam bentuk agihan penggunaan kreatif. Cara yang biasa dilakukan adalah melalui bantuan pendidikan dan pemberian biasiswa kepada pelajar. Namun zakat yang diberikan kepada pelajar tentunya memiliki kriteria dan persyaratan yang harus ditepati. Hal tersebut seperti kajian yang dilakukan oleh Muhammad Choirin, et al.²¹, Muhammad Tho'in²², Arif Rahman Hakim, Suyud Arif dan Hidayah Baisa²³ yang mendapati kriteria penerima biasiswa zakat ialah pelajar daripada kalangan keluarga asnaf fakir dan miskin. Kajian yang dijalankan oleh Nurul Azma Abu Bakar, et al.²⁴ juga menyatakan bahawa pelajar calon penerima zakat perlu melalui proses permohonan dan juga temu duga bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut adalah betul daripada keluarga asnaf fakir dan miskin.

²⁰ Siti Rahmah dan Jumi Herlita, "Manajemen Pendistribusian Zakat di Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) Provinsi Kalimantan Selatan," *Jurnal Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah* Vol. 18, No. 1 (2019), 13 – 26.

²¹ Muhammad Choirin, Nono Hartono, Hidayaneu Farchatunnisa dan Arwa Violaditya Rarasocta, "Pengembangan Optimalisasi Zakat BUMN untuk Program Beasiswa," *Policy Brief* (Jun 2022), 36.

²² Muhammad Tho'in, "Pembentukan Pendidikan Melalui Sektor Zakat," *Jurnal Al-Amwal* Vol. 9, No. 2 (2017), 162 – 175.

²³ Arif Rahman Hakim, Suyud Arif dan Hidayah Baisa, "Peran Zakat dalam Pembangunan Pendidikan di Kota Bogor (Studi Kasus Pendayagunaan Zakat Pendidikan Dompet Peduli Ummat Daarut Tauhid Cabang Bogor)," *Al-Infaq: Jurnal Ekonomi Islam* Vol. 5, No. 2 (September 2014), 243 – 272.

²⁴ Nurul Azma Abu Bakar, Norashidah Hashim, Azizah Othman, Raziah Md Tahir, dan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan, "Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan," *International Journal of Islamic Business* Vol. 7, No. 1 (Jun 2022), 60 – 75.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar²⁵ mengenai dana zakat dalam pendidikan asnaf dan sumbangannya terhadap ekonomi Malaysia, mendapati bahawa golongan asnaf fakir dan miskin di Selangor menerima bantuan atau zakat pendidikan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam bentuk keperluan pendidikan, bantuan yuran sekolah rendah dan menengah, biasiswa pelajaran, serta sumbangan pakaian sekolah di awal tahun persekolahan.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Azman Ab Rahman²⁶ mengenai pengurusan agihan zakat pendidikan di Zakat Pulau Pinang (ZPP) mendapati Zakat Pulau Pinang (ZPP) memiliki beberapa skim agihan zakat pendidikan bagi asnaf fakir dan miskin. Skim tersebut ialah bantuan awal persekolahan bagi pelajar sekolah rendah dan menengah, bantuan pakaian seragam, bantuan permulaan ke IPT dalam negara bagi membantu mahasiswa dan mahasiswi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi dalam negara, bantuan kepada SAR bagi membantu para pelajar di Sekolah Menengah Agama Rakyat, biasiswa SMAI, serta bantuan tajaan Institusi Pengajian Tinggi yang diberikan sekali dalam setahun.

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pula, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Azizah Othman, et al.²⁷ yang memfokuskan kepada agihan zakat pendidikan secara menyeluruh di negeri Kedah mendapati bahawa LZNK mengagihkan zakat pendidikan kepada asnaf melalui 29 bentuk bantuan yang berbeza. Adapun bantuan zakat pendidikan yang diagihkan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi ialah dermasiswa untuk pelajar IPT tempatan, dermasiswa awal untuk pelajar IPT luar negara, dermasiswa untuk pelajar Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Mesir, Jordan, Syria, Yaman, Indonesia, Maghribi,

²⁵ Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, “Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia,” *Prosiding PERKEM* ke-9 (2014), 208 – 215.

²⁶ Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Azman Ab Rahman, “Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP),” *JFatwa* Vol. 17, No. 2 (2019), 141 – 173.

²⁷ Azizah Othman, Syarifah Md Yusof, Raziah Md Tahir, Norashidah Hashim dan Mardzelah Makhsin, “Kesan Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Anak-anak Asnaf di Negeri Kedah,” *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* Vol. 2, No. 2 (September 2020), 69 – 78.

dermasiswa untuk pelajar yang cemerlang, biasiswa untuk pelajar IPTA, biasiswa pelajar perubatan di Mesir, biasiswa pelajar Universiti Islam Antarbangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UNISHAMS), biasiswa untuk pelajar cemerlang serta bantuan tambang penuntut yang lulus dan tamat pengajian.

Pada zakat peringkat Universiti, daripada kajian yang dijalankan oleh Mohd Nasir Ayub, et al.²⁸ Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kedah, bahagian zakat, wakaf dan sedekah (ZAWAS) juga turut mengagihkan zakat pendidikan untuk mahasiswa UiTM Kedah. Zakat yang diagihkan kepada para mahasiswa ialah daripada bahagian asnaf fakir dan miskin. Adapun bentuk bantuan yang diberi ialah kewangan untuk sara hidup. Unit Zakat Universiti Selangor turut mengagihkan zakat pendidikan untuk mahasiswa Universiti Selangor seperti yang diperkatakan dalam kajian Mohd Azrin Abd Rahim.²⁹ Bentuk bantuan yang diberi kepada mahasiswa ialah bantuan yuran pengajian, sewa rumah, bantuan makanan serta elaun wang saku.

Seperti yang sudah dihuraikan di atas, kajian mengenai agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin telah banyak dilakukan oleh pengkaji sebelum-sebelumnya. Namun kebanyakannya kajian yang dijalankan adalah mengenai agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin secara umum. Manakala kajian ini lebih memfokuskan pada agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin di Institusi Pengajian Tinggi melalui program biasiswa. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini merupakan suatu landasan dan panduan yang membantu penulis dalam melakukan kajian ini.

²⁸ Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Najahuddin Lateh, Mohd Muhaizam Md Ishak, Muhammad Naim Anasat dan Mohd Nabil Hilmi, "Impak Agihan Zakat Pendapatan Dalam Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah," *Proceedings Borneo Islamic International Conference* Vol. 13 (2022), 113 – 118.

²⁹ Mohd Azrin Abd Rahim, Norliana Ahmad Shah, Ida Farina Muhd Yunus dan Norjiah Muslim, "Tahap Kesederhan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Peranan Unit Zakat di Negeri Selangor," *2nd International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development 2022 (ZAWED2022)* (Disember 2022), 1 – 17.

1.8.2. *Had al-Kifāyah* Zakat

Agihan zakat asnaf fakir dan miskin tidak terlepas daripada *had al-kifāyah*. Dalam kajian Mansor Sulaiman³⁰ menyebutkan bahawa *had al-kifāyah* ialah panduan yang dikemukakan Islam dalam menentukan taraf hidup minimum yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat. Menurut Hairunnizam Wahid dan Siti Norhidayah Hamzah,³¹ *had al-kifāyah* merupakan garis penentu seseorang mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Azman Ab Rahman, Tengku Mansur dan Zulhilmi Mohamed Nor³² mengenai penentuan *had kifāyah* zakat berdasarkan maqasid syariah mendapati bahawa pendekatan maqasid syariah berdasarkan kepada tahap keperluan manusia, iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* dilihat mampu menjadi kaedah alternatif yang berkesan dalam mengenalpasti *had kifāyah* zakat. Seterusnya elemen-elemen *had al-kifāyah* dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama ialah keperluan asas (*daruriyyat*) termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan serta pendidikan. Kategori kedua ialah keperluan tambahan (*hajiyyat*) yang meliputi perubatan, utiliti dan komunikasi. Terakhir ialah keperluan pelengkap (*tahsiniyyat*) iaitu membayar hutang.

Namun pada peringkat pengajian tinggi, kajian daripada Che Wan Maisarah, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali Mohd Noor³³ mendapati bahawa keperluan asas (*dharuriyyat*) pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ialah makanan, pendidikan, perlindungan, keperluan harian (penjagaan diri), pengangkutan, pakaian serta perubatan.

³⁰ Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin, dan Saharudin Ramli, “Had Al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization* Vol. 2, No 1 (2017), 44.

³¹ Hairunnizam Wahid dan Siti Norhidayah Hamzah, “Penentuan Had Kifayah Zakat: Satu Cadangan Dimensi Penentuan yang Baru,” *Prosiding PERKEM* ke-12 (2017), 331 – 352.

³² Azman Ab Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin dan Zulhilmi Mohamed Nor, “Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah,” *Jurnal Sains Insani* Vol. 2, No 1 (Jun, 2017), 48 – 53.

³³ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, “Pola Perbelanjaan Dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Di Kuala Terengganu, Terengganu,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 21, No 2 (2018), 45 – 57.

Banyak kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya mengenai *had al-kifayah*. Namun kajian ini lebih memfokuskan kepada *had al-kifayah* mahasiswa sarjana muda Institusi Pengajian Tinggi bagi mendapatkan elemen keperluan dan jumlah *had al-kifayah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini merupakan suatu landasan dan panduan yang membantu penulis dalam melakukan kajian ini.

1.8.3. Pola Perbelanjaan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi

Pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT), keperluan mahasiswa meliputi biaya pengajian, makanan dan minuman, pengangkutan, perlindungan, pakaian, kesihatan, komunikasi, hiburan dan keperluan lainnya, seperti dalam kajian yang dilakukan oleh Willya Rahma Nesy³⁴ dan Shandi Irma Kharismayanti³⁵. Keperluan tersebut selari dengan syarat penggunaan wang biasiswa Bidikmisi³⁶ yang dibenarkan oleh pihak penyelenggara biasiswa meliputi tujuh item. Ianya adalah untuk kos sara hidup, kos makan dan minum, kos pengangkutan, kos perhubungan, perlindungan, belanja buku dan bahan bacaan, serta barang untuk menyokong pengajian.³⁷

Bagi pola perbelanjaan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT), terdapat dua pola perbelanjaan, iaitu perbelanjaan makanan dan perbelanjaan bukan makanan. Dapatkan kajian bahawa perbelanjaan mahasiswa paling banyak tertumpu pada makanan

³⁴ Willya Rahma Nesy, Zulfa Eff Uli Ras dan Totoh Andayono, “Tinjauan Pemanfatan Beasiswa Bidikmisi dalam Keberlangsungan Studi Mahasiswa di Fakultas Teknik Universitas Negeri Padang,” *Jurnal CIVED* Vol 2, No 2 (Juni 2014), 420 – 427.

³⁵ Shandi Irma Kharismayanti, “Pola Penggunaan Dana dan Gaya Hidup Mahasiswa Penerima Beasiswa Bidikmisi di Fakultas Ekonomi Universitas Negeri Yogyakarta,” *Jurnal Pendidikan dan Ekonomi* Vol 6, No 4 (2017), 400 – 410.

³⁶ Bidikmisi adalah bantuan biaya pendidikan dari kerajaan Indonesia bagi calon mahasiswa tidak mampu secara ekonomi dan memiliki potensi akademik yang baik untuk menempuh pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada jabatan unggulan sampai lulus tepat waktu.

³⁷ Bustamil Arifin, “Penggunaan Beasiswa Bidikmisi Pada Mahasiswa FKIP UNTAN,” *Artikel Penelitian Universitas Tanjungpura* (2013), 1 – 20.

ialah daripada kajian Che Wan Maisarah³⁸, Kanting³⁹, Cicilia⁴⁰, Ida Shaheera⁴¹, Royal Bank of Scotland⁴², Preeveta Suresh dan Lai Wei Sieng⁴³ serta Noor Amira Syawani Abd Rahman et al.⁴⁴ Manakala kos sara hidup dan perlindungan menjadi perbelanjaan terbanyak oleh mahasiswa berbanding perbelanjaan makanan diungkapkan oleh Nurul Afifah Hasan⁴⁵. Adapula mahasiswa yang perbelanjaan tertingginya adalah yuran pengajian, seperti hasil kajian oleh Rubayah Yakob et al.⁴⁶

Hasil kajian daripada Sarah Atirah Saruchi⁴⁷ menunjukkan bahawa purata perbelanjaan mahasiswa sarjana muda Institusi Pengajian Tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia ialah RM974.88. Perbelanjaan tertinggi diperuntukkan untuk perbelanjaan makanan dengan 28.20 peratus, iaitu RM274.90. Menurut Siti Roedah Md Jemary⁴⁸ dalam kajiannya menyatakan bahawa keperluan makan dan minum mesti disediakan dengan sempurna oleh mahasiswa. Para mahasiswa tidak dapat menumpukan

³⁸ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, “Pola Perbelanjaan Dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Di Kuala Terengganu, Terengganu,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 21, No 2 (2018), 45 – 57.

³⁹ Kanting Sechaba Thobejane dan Olawale Fatoki, “Budgeting and Spending Habits of University Students in South Africa,” *Gender and Behaviour* Vol. 15, No. 3 (2017), 9414 – 9423.

⁴⁰ Cicilia Larasati Rembulan dan Kuncoro Dewi Rahmawati, “Spending Pattern on Young Adult,” Proceeding The 2nd International Conference on Entrepreneurship 2015, 166 – 175.

⁴¹ Ida Shaheera Bakhtiar, Mohd Haizal Jamaluddin, Muhammad Aizi Mat Salim dan Muhammad Noor Harun, “The Students Spending Patterns on Non-Academic Items Towards Food and Beverage Lead to Poor Financial Management,” *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, Volume 470, 60 – 62 .

⁴² Royal Bank of Scotland, “Student Living Index July 2020,” *Royal Bank of Scotland* (Julai 2020), 38.

⁴³ Preevetha Suresh dan Lai Wei Sieng, “Tingkah Laku Pelajar Universiti dalam Penggunaan, Perbelanjaan dan Pelaburan,” *Journal of Business Management and Accounting* Vol. 13, No. 1 (Januari 2023), 129 – 152.

⁴⁴ Noor Amira Syawani Abd Rahman, Mohd Rozaimy Ridzuan, Kong Lai Kuan dan Ju Soon Yew, “The Impact of UiTM Raub Campus upon Local Economy: A Study on Students’ Expenditure,” *GADING (online) Journal for Social Science, University Teknologi Mara Cawangan Pahang*, Vol. 22 (Special Issue) KONAKA, 2018, 93 – 96.

⁴⁵ Nurul Afifah Hasan, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia,” dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd Taqiuuddin Mohamad (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015), 89.

⁴⁶ Rubayah Yakob, Amir Asyraf Husni Nizad, Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah dan Roziana Baharin, “Indeks Sara Hidup Pelajar: Kajian Kes di Kolej Pendidikan Antarbangsa (INTEC),” *Jurnal Personalia Pelajar* 21 (1) (2018), 11 – 18.

⁴⁷ Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 18, No 2 (2015), 33 – 44.

⁴⁸ Siti Roedah Md Jemary, “Pendekatan Humanistik: Teori Hirarki Keperluan Maslow,” (makalah, Kertas Kerja Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2017), 1 – 10.

perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran mereka jika kurang mendapat makan sehingga boleh menjaskan kepada kesihatan dan akal mereka.

Seterusnya kajian daripada Muhammad Zaid Nuriyanto et al.⁴⁹ mengenai analisis pola perbelanjaan dan gaya hidup mahasiswa Pendidikan Geografi Universiti Jember sesi kemasukan 2018 mendapati bahawa mahasiswa yang tinggal di rumah sewa dan kerap makan di luar mengeluarkan perbelanjaan yang lebih tinggi dalam hal makanan berbanding mahasiswa lain yang memasak di rumah sewa. Untuk kategori pengangkutan, didapati pula bahawa mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga mengeluarkan perbelanjaan pengangkutan yang lebih tinggi berbanding mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Bahkan sebahagian mahasiswa yang tinggal di rumah sewa tidak mengeluarkan langsung perbelanjaan untuk pengangkutan.

Manakala untuk pola penggunaan wang biasiswa oleh mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terdapat dua pola. Pola yang pertama ialah wang biasiswa yang diterima oleh mahasiswa lebih banyak digunakan untuk keperluan pengajian bagi menyokong prestasi belajarnya, seperti untuk membeli buku rujukan, biaya fotostat material kuliah, kos mencetak tugas, dan membeli alat tulis berbanding untuk belanja keperluan harian. Hal tersebut berdasarkan kepada kajian Willya Rahma Nesya⁵⁰, Qhoirun Putri Rahayu⁵¹, dan Ainun Faikah⁵². Pola kedua pula ialah mahasiswa lebih banyak menggunakan wang biasiswanya untuk belanja keperluan harian, seperti makanan dan minuman, sewa tempat tinggal, pakaian, pengangkutan, dan hiburan

⁴⁹ Muhammad Zaid Nuriyanto, Zaenal Abidin, Alif Syahfiar, Fahrul Agil Firmansyah, Wawan Juli Fajar Rianto, Ica Prasetyono, Fahrizal Novan Pahlevi, Fahrudi Ahwan Ikhsan dan Fahmi Arif Kurnianto, “Analisis Pola Konsumsi dan Gaya Hidup Mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018,” *Jurnal Pembelajaran Geografi* Vol. 2, No. 2 (2019), 1 – 13.

⁵⁰ Willya Rahma Nesya, Zulfa Eff Uli Ras dan Totoh Andayono, “Tinjauan Pemanfatan Beasiswa Bidikmisi dalam Keberlangsungan Studi Mahasiswa di Fakultas Teknik Universitas Negeri Padang,” *Jurnal CIVED* Vol 2, no 2 (Juni 2014), 420 – 427.

⁵¹ Qhoirun Putri Rahayu dan I Made Suwanda, “Pola Penggunaan Beasiswa Bidikmisi Pada Mahasiswa di Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Surabaya Angkatan Tahun 2011,” *Jurnal Kajian Moral dan Kewarganegaraan* Vol 3, no 3 (2015), 1160 – 1174.

⁵² Ainun Faikah, Baharudin dan Safroni Isrososian, “Analisis Penggunaan Dana Beasiswa Bidikmisi dan Dampaknya Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa Bidikmisi,” *Jurnal SOCIETY* Vol 10, No 2 (Desember 2019), 95 – 109.

berbanding belanja keperluan akademik. Hal tersebut merupakan dapatan kajian daripada Shandi Irma Kharismayanti⁵³, Afton Ilman Huda⁵⁴ dan Mohd Nasir Ayub, et al.⁵⁵.

Manakala kajian daripada Mohamad Aidil Firdaus Selamat⁵⁶ menunjukkan bahawa corak perbelanjaan mahasiswa Johor di Mesir dan Jordan adalah berbeza. Mahasiswa di Mesir menggunakan bantuan zakat yang diberi untuk perbelanjaan pendidikan dan sara hidup. Manakala mahasiswa di Jordan menggunakan bantuan zakat yang diberi untuk perbelanjaan pendidikan sahaja. Ini kerana kos pendidikan di Jordan adalah lebih tinggi daripada kos pendidikan di Mesir. Dapatan lain pada kajian tersebut juga mendapati bahawa mahasiswa Johor di Mesir dan Jordan mengalami defisit perbelanjaan. Tambahan lagi, kajian daripada Norasibah Abdul Jalil et al.⁵⁷ mengenai analisis pendapatan, pengeluaran, dan tabungan mahasiswa mendapati bahawa status tabungan para mahasiswa adalah negatif. Ini bermakna sumber kewangan yang diterima oleh majoriti mahasiswa relatif rendah, hanya cukup untuk dua keperluan utama, iaitu makan dan minum dan perlindungan.

Banyak kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya bagi melihat pola perbelanjaan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Namun kajian ini lebih memfokuskan kepada pola perbelanjaan mahasiswa sarjana muda Institusi Pengajian Tinggi bagi mendapatkan elemen keperluan dan jumlah *had al-kifāyah* yang relevan

⁵³ Shandi Irma Kharismayanti, “Pola Penggunaan Dana dan Gaya Hidup Mahasiswa Penerima Beasiswa Bidikmisi di Fakultas Ekonomi Universitas Negeri Yogyakarta,” *Jurnal Pendidikan dan Ekonomi* Vol 6, no 4 (2017), 400 – 410.

⁵⁴ Afton Ilman Huda, Anwar dan M. Hadi Makmur, “Analisis Pemanfaatan Beasiswa Tahun 2010 Oleh Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Jember,” *Artikel Ilmiah Hasil Penelitian Mahasiswa I* (1) (2013), 1 – 5.

⁵⁵ Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Najahuddin Lateh, Mohd Muhaizam Md Ishak, Muhammad Naim Anasat dan Mohd Nabil Hilmi, “Impak Agihan Zakat Pendapatan Dalam Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,” *Proceedings Borneo Islamic International Conference* Vol. 13 (2022), 113 – 118.


⁵⁶ Mohamad Aidil Firdaus Selamat, “Corak Perbelanjaan Penerima Zakat Pendidikan Luar Negara di Bawah Majlis Agama Islam Johor,” (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2022)

⁵⁷ Norasibah Abdul Jalil, Norimah Rambeli, Asmawi Hashim, Emilda Hashim dan Normala Zulkifli, “The Income-Expenditure-Saving Analyses of the University Students,” *International Journal of Psychological Rehabilitation* Vol. 24, Issue 27, 2020. 7375 – 7383.

khusus kepada golongan mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini merupakan suatu landasan dan panduan yang membantu penulis dalam melakukan kajian ini.

Secara keseluruhannya, ulasan dapatan kajian-kajian lepas pada kajian ini seperti dalam rajah 1.1 di bawah:

Rajah 1.1: Carta Dapatan Kajian Lepas



Sumber: Olahan pengkaji

1.9. Sistematika Penulisan

Secara keseluruhannya, penulisan disertasi ini merangkumi enam bab seperti huraian berikut:

Bab 1 menghurai pendahuluan kajian dengan menjelaskan latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian ini dijalankan, skop kajian serta ulasan kajian-kajian lepas. Dalam bab ini, pembaca dapat memahami isi dan tujuan utama kajian ini dijalankan.

Pada Bab 2 akan didedahkan landasan teori mengenai zakat yang merangkumi agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin serta konsep *had al-kifāyah* untuk pendidikan.

Bab 3 akan menjelaskan mengenai metodologi kajian yang meliputi kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Bab 4 pula akan dihuraikan mengenai pelaksanaan program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin yang merangkumi kriteria kelayakan asnaf pemohon, prosedur agihan biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) serta pemantauan ke atas program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).

Bab 5 menjelaskan dapatan yang diperolehi pengkaji. Dalam bab ini akan menjelaskan hasil dapatan daripada pengumpulan data. Analisa turut dijalankan daripada hasil yang diperolehi. Segala dapatan dari hasil analisis data akan dihuraikan di dalam bab ini serta menjelaskan keseluruhan besar dapatan atau hasil kajian disusuli dengan perbincangan terperinci mengenai analisis perbelanjaan mahasiswa sarjana muda Institusi Pengajian Tinggi bagi menentukan *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

Bab 6 mengandungi rumusan dan cadangan bagi penyelidikan. Pengkaji akan merumuskan penemuan hasil penyelidikan. Serta cadangan penyelidikan lanjutan untuk penyelidik lain di masa hadapan.

1.10. Kesimpulan

Pada bab yang pertama ini, pengkaji telah menjelaskan beberapa perkara penting dalam menjalankan kajian ini. Isu-isu dan permasalahan kajian yang telah digariskan juga menjadi matlamat utama dalam kajian ini untuk mencari penyelesaian terbaik bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Kepentingan kajian dan skop kajian turut dijelaskan pada bab ini. Selain itu, sorotan terhadap beberapa kajian-kajian lepas berkaitan dengan topik pada kajian ini juga turut dibuat bagi menguatkan lagi kesinambungan dengan kajian ini.

BAB 2

KONSEP AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN MENURUT PEMIKIRAN SARJANA ISLAM

2.1. Pengenalan

Dalam bab ini akan didedahkan landasan teori mengenai zakat pendidikan yang merangkumi agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin, konsep had kifayah pendidikan, kadar kecukupan asnaf serta elemen-elemen daripada had kifayah pendidikan.

2.2. Agihan Zakat Pendidikan Kepada Asnaf Fakir dan Miskin

Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang mendapat bantuan daripada Baitulmal Muamalat Indonesia (BMM) dikategorikan sebagai penerima zakat di bawah program pendidikan. Peruntukan yang diambil untuk bantuan tersebut adalah daripada bahagian asnaf fakir dan miskin. Allah SWT telah menentukan semua golongan penerima zakat di dalam surah al-Tawbah ayat 60 seperti berikut:

• إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الْرِّقَابِ
وَالْعَرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Surah al-Tawbah 9: 60

Terjemahan: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Asnaf fakir dan miskin termasuk salah satu daripada golongan yang layak diberi bantuan daripada hasil zakat yang telah terkumpul. Hal ini seperti apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW melalui hadis di bawah:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا رضيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى الْيَمَنِ، فَقَالَ: ادْعُهُمْ إِلَى: شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ حَمْسَ صَلَواتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةً، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ، تُؤْخَدُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرْدَدُ عَلَى فُقَرَائِهِمْ)

Terjemahan: Dari Ibn 'Abbas RA bahawa Nabi SAW mengutus Mu'adh ke negeri Yaman ia meneruskan hadis itu dan didalamnya (beliau bersabda): "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan mereka zakat dari harta mereka yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan dibahagikan kepada orang-orang fakir di antara mereka.¹

Justeru itu, penting bagi masyarakat memahami konsep kemiskinan dan kekurangan sebenar yang terdapat dalam tafsiran asnaf fakir dan miskin. Fakir bererti orang yang tidak memiliki harta yang halal dan pekerjaan yang halal. Pekerjaan yang halal ialah mencari nafkah yang halal untuk memenuhi keperluan hidup.²

Yūsuf al-Qaraḍāwī³ menyebut dalam kitabnya, fakir ialah orang yang dalam keadaan memerlukan tetapi dapat menjaga diri daripada meminta-minta. Sedangkan yang dimaksudkan dengan miskin ialah orang yang dalam keadaan memerlukan tetapi suka meminta-minta.

Pengarang kepada kitab *Hāshiyah al-Bājūrī*⁴ turut menyuarakan pandangan beliau dalam hal yang sama, fakir di dalam zakat ialah orang yang tidak memiliki harta serta tidak memiliki pekerjaan untuk memenuhi keperluannya. Begitu juga dengan al-Nawawī⁵ berpandangan bahawa fakir ialah orang yang tidak memiliki harta halal dan pekerjaan yang halal. Maksud daripada pekerjaan ialah mencari nafkah untuk keperluan hidup.

¹ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Wujūb al-Zakāh, no. hadis 1395. Lihat Muhammad Bin Ismā'īl Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī al-Ja'fī, Ṣahīḥ al-Bukhārī (Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 2001), juz 2, 104.

² Muḥammad Nawawī bin 'Umar al-Jāwī al-Bantānī, Kāsyifah al-Sajā Sharḥ Saftnah al-Najā (t.t.p: Dār Ibnu Ḥazm, 1875), 6.

³ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Daw' al-Qur'añ wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 545.

⁴ Ibrāhīm Bin Muḥammad al-Bājūrī, *Hāshiyah al-Bājūrī* (Beirut: Dār Kutub Islāmiyyah, 1999), 1: 282.

⁵ Muḥammad Nawawī bin 'Umar al-Jāwī al-Bantānī, Kāsyifah al-Sajā Sharḥ Saftnah al-Najā (t.t.p: Dār Ibnu Ḥazm, 1875), 6.

Mazhab Hanafi⁶ pula, fakir ialah orang yang tidak memiliki apa-apa di bawah nilai nisab menurut hukum zakat yang sah dan miskin ialah mereka yang tidak memiliki apa-apa. Manakala menurut Hambali, Maliki dan Syafii⁷, fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta atau pendapatan yang layak dalam memenuhi keperluannya, iaitu makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala keperluan asas lainnya, baik untuk diri sendiri ataupun mereka yang menjadi tanggungannya. Misalnya orang memerlukan sepuluh setiap harinya, tetapi ia hanya memiliki dua, tiga, atau empat, maka ia termasuk dalam golongan fakir.

Sedangkan miskin menurut ketiga tersebut ialah mereka yang memiliki harta atau pendapatan yang layak dalam memenuhi keperluannya dan orang yang menjadi tanggungannya, tetapi tidak sepenuhnya tercukupi, seperti misalnya keperluan hariannya adalah sepuluh, tetapi ia hanya memiliki tujuh atau lapan.

Menurut BAZNAS Indonesia, asnaf fakir dan miskin memiliki perbezaan yang cukup signifikan. Tetapi dalam prosedur operasionalnya sering dipersamakan, iaitu mereka yang tidak memiliki pendapatan sama sekali, atau memilikinya akan tetapi sangat tidak mencukupi keperluan asas dirinya dan keluarga yang menjadi tanggungannya. Zakat yang diagihkan kepada kelompok ini bersifat penggunaan, iaitu untuk memenuhi keperluan asas sehari-harinya.⁸

Jadi secara rumusannya yang menjadi perbezaan antara fakir dan miskin ialah harta yang dimiliki untuk memenuhi keperluan dirinya dan keluarga yang menjadi tanggungannya. Golongan fakir, ia memiliki harta yang tidak mencapai separuh keperluannya. Manakala golongan miskin, ia memiliki harta yang dapat memenuhi separuh atau lebih keperluannya.

⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 546.

⁷ *Ibid.*

⁸ Didin Hafidhuddin, M. Fuad Nasar, Teten Kustiawan, Irfan Syauqi Beik dan Hilman Hakiem, *Fiqh Zakat Indonesia* (Jakarta: Badan Amil Zakat Nasional, 2015), 126.

Pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī⁹ apabila seseorang mengkhususkan diri mencari ilmu, maka boleh diberi zakat untuk memenuhi keperluan belanja buku-buku atau untuk kepentingan agama dan dunianya. Orang yang mencari ilmu patut diberi zakat kerana dia melaksanakan fardu kifayah sebab orang yang mencari ilmu faedah ilmunya itu tidak hanya untuk dirinya, tetapi juga untuk seluruh umat. Ia berhak ditolong dengan harta zakat, kerana ia termasuk kategori orang yang memerlukan pertolongan kaum muslimin dan juga orang yang dibutuhkan kaum muslimin itu sendiri kerana keilmuannya.¹⁰

Bantuan zakat dari segi pendidikan pula merupakan satu bentuk agihan yang sangat penting kerana ia boleh memberi kesan kepada ekonomi, sosial, dan nilai tamadun bangsa.¹¹ Dalam Islam pula, ilmu dianggap sebagai pintu iman dan menjadi dalil amal perbuatan. Ilmu pengetahuan yang dicari oleh kaum muslimin tidak terhad pada ilmu agama sahaja, akan tetapi mencakup semua ilmu yang bermanfaat. Sebab ilmu itu dibutuhkan oleh seluruh kaum muslimin dalam urusan dunia mereka. Sebagai contoh untuk memelihara kesihatan badan, memajukan perekonomian, kemakmuran serta agar dapat mengungguli musuh dalam bidang ketenteraan serta tujuan-tujuan lainnya. Dengan demikian mencari ilmu hukumnya fardu kifayah. Islam tidak berhenti sampai di situ, para ulama menyatakan bahawa orang fakir boleh mengambil zakat untuk membeli buku-buku yang dibolehkan untuk kemaslahatan agama dan dunianya.¹²

⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Ḏaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 570.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Azman Ab Rahman, Hasanah Abd. Khafidz, Zahari Mahad Musa, Irwan Mohd Subri, Nor Asiah Yaakub dan Siti Martiah Anwar, "Keperluan Kepada Skim Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat (SPH) atau Lifelong Learning untuk Fakir Miskin Menerusi Zakat," *Proceeding of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia* (2017), 27 – 31.

¹² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Ḏaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 570.

2.3. Konsep *Had al-Kifāyah*

Had al-kifāyah merupakan panduan yang dikemukakan Islam dalam menentukan taraf hidup minimum yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat.¹³ Keperluan-keperluan asas yang terdapat dalam penetapan *had al-kifāyah* zakat perlu dilihat dalam konteks syarak dan disesuaikan dengan keadaan semasa dan setempat. Pendekatan *maqāṣid al-sharī'ah* dilihat mampu mewujudkan satu model *had al-kifāyah* zakat yang bertepatan dengan kehendak Islam yang bersesuaian dengan keperluan semasa asnaf. Selain itu, penentuan *had al-kifāyah* yang berdasarkan *maqāṣid al-sharī'ah* boleh diwujudkan dengan membahagikan segala jenis keperluan manusia kepada item *darūriyyāt* (keperluan asasi), item *hājiyyāt* (keperluan tambahan) serta item *tahsīniyyāt* (keperluan pelengkap). Penilaian yang dibuat dalam menetapkan *had al-kifāyah* merangkumi enam aspek, iaitu makanan, perlindungan, pengangkutan, pendidikan, pakaian serta perubatan.¹⁴

Had al-kifāyah ialah kadar asas keperluan diri dan tanggungan minimum untuk menentukan kadar yang perlu diberi kepada penerima zakat dengan mengambil kira perbezaan tempat, masa, keperluan dan sosioekonomi.¹⁵ Manakala al-Shāṭibī¹⁶ menyatakan bahawa *had al-kifāyah* ialah sebuah ukuran keperluan yang sangat asas. *Had al-kifāyah* bukan hanya kecukupan yang asas sahaja, tetapi masuk dalam kategori keperluan tambahan yang menjadi penyokong kelancaran hidup manusia. *Had al-kifāyah* juga digunakan untuk menentukan kedudukan fakir dan miskin.¹⁷

¹³ Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin, dan Saharudin Ramli, “Had Al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization* Vol. 2, No 1 (2017), 44.

¹⁴ Azman Ab Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin dsn Zulhilmi Mohamed Nor, “Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah,” *Jurnal Sains Insani* 2, no. 1 (2017), 52.

¹⁵ Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji, *Manual Pengurusan Agihan Zakat* (Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, 2007), 15.

¹⁶ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Beirut: Dār al-Ma'ārif, t.t), 2/8-17.

¹⁷ Emie Sylviana Mohd Zahid, “Pengagihan Skim Bantuan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin Mengikut Konsep Had Kifayah,” 1 – 12.

Ibn ‘Ābidīn¹⁸ pula menyatakan bahawa *had al-kifāyah* adalah batasan minuman yang dapat menghindarkan manusia dari kesulitan hidup. *Had al-kifāyah* berperanan sebagai garis pemisah antara mereka yang layak menerima zakat dan mereka yang wajib membayar zakat.¹⁹ Barang siapa yang pendapatannya melebihi *had al-kifāyah* perlu mengeluarkan zakat manakala mereka yang kurang daripada had ini layak menerima zakat sehingga memenuhi tahap tertentu yang ditakrifkan sebagai *had al-kifāyah* itu sendiri.²⁰

Manakala Muḥammad Shawqī al-Fanjarī menyatakan bahawa *had al-kifāyah* merupakan kadar kecukupan ekonomi yang selayaknya untuk menjamin kelangsungan hidup seseorang individu serta mereka yang berada dalam tanggungannya. Seterusnya *had al-kifāyah* merupakan suatu garis penentu seorang itu telah mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan²¹ serta suatu batas kecukupan bagi seseorang yang membuatnya tidak meminta kepada orang lain.²² Kerana keperluannya sudah mencukupi, tidak kurang dan tidak lebih, sesuai dengan keperluan.²³

Kifayah dalam bahasa Arab berasal dari akar kata *kāfa - yakfī - kifāyah* yang bererti cukup, mencukupi suatu hal yang penting atau mencukupi keperluan untuk hidup dan tidak perlu bantuan orang lain. Dalam terminologi Arab, perkataan kifayah merujuk kepada dua hal utama iaitu makan dan kemandirian yang tidak perlu bantuan orang lain.²⁴

¹⁸ Muḥammad Āmīn bin Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Dur al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 2: 262.

¹⁹ Nurul Afifah Hasan, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia,” dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd Taqiuddin Mohamad (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan), 81.

²⁰ Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin, dan Saharudin Ramli, “Had Al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization* Vol. 2, No 1 (2017), 36.

²¹ *Ibid.*

²² Puskas BAZNAS, *Kajian Had Kifayah 2018* (Jakarta Pusat: Pusat Kajian Strategis Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), 2018), 5.

²³ Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawawī, *Majmū’ Sharh al-Muhadhdhab* (Beirut: Dār al-Fikr, Maktabah al-Irshād Jiddah, t.t), 6: 190.

²⁴ Muḥammad Mujid al-Dīn al-Fīrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Beirut: Dār al-Jail, t.t), 4/386, lihat juga Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Jeddah: Dār al-Šādir, t.t), 5/225-6.

Manakala *had al-kifāyah* dari sisi pandangan fuqaha ialah memenuhi keperluan asas bagi seseorang daripada makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya, iaitu daripada sesuatu yang mesti dimiliki berdasarkan keadaannya dan keadaan orang yang di bawah tanggungannya tanpa sebarang perkara yang melampau atau membazir dan kedekut.²⁵

Adanya had kifayah sangat membantu dalam rangka menggambarkan kadar kecukupan seseorang ataupun sebuah rumah tangga apakah tergolong *mustahik* fakir miskin atau sebaliknya pada sebuah keadaan dan wilayah tertentu. Hadis Rasulullah SAW berikut mendorong dirumuskannya *had al-kifāyah*:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَيْسَ الْمِسْكِينُ الَّذِي يَطْوُفُ عَلَى النَّاسِ، تَرْدُهُ الْلُّقْمَةُ وَاللُّقْمَتَانِ، وَالتَّمْرُ وَالتَّمْرَتَانِ، وَلَكِنَّ الْمِسْكِينُ الَّذِي لَا يَجِدُ غِنَّىٰ يُعْنِيهِ، وَلَا يُقْطَعُ بِهِ فَيُتَصَدَّقُ عَلَيْهِ، وَلَا يَقُولُ فَيَسْأَلُ النَّاسَ»

Terjemahan: “Bukanlah dikatakan miskin seseorang yang mendatangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua suap makanan dan sebutir dua butir buah kurma tapi yang dikatakan miskin adalah orang yang tidak memiliki kecukupan harta untuk memenuhi keperluan layak dan tidak melakukan sesuatu yang membuat orang bersedekah kepadanya tidak juga meminta-minta di hadapan manusia”.²⁶

Hadis di atas memberi pemahaman bahawa secara rumusannya *had al-kifāyah* ialah sebuah keadaan layak hidup seseorang serta mereka yang berada dalam tanggungannya. *Had al-kifāyah* juga merupakan tahap yang lebih tinggi dari batas minimum dan sifat *had al-kifāyah* dapat berubah sesuai dengan perubahan tempat dan masa.

Dalam menerangkan kadar kecukupan keperluan asas tersebut, terdapat pelbagai pandangan fuqaha mengenai nilai kecukupan kepada setiap aspek yang disebutkan. Mazhab Maliki dan mazhab Hambali menyatakan bahawa kadar kecukupan bagi fakir

²⁵ al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah (1427h: 35/5) memberi pengertian *al-kifāyah* dengan berpandukan kepada penggunaannya di sisi fuqaha.

²⁶ Riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Qawl Allāh Ta‘ālā wa Kamu al-Ghinā, no. hadis 1479. Lihat Muḥammad Bin Ismā‘il Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī al-Jā’fī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (Beirut: Dār Tawq al-Najāh, 2001), juz 2, 125. Riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Miskīn Alladhbā Lā Yajidu Ghinā wa Lā Yuṭṭan Lāhu Fayutaṣṣaddaqu ‘Alayh, no hadis 1039. Lihat Muslim Bin al-Ḥajjāj Abu al-Ḥasan al-Qushayrī al-Nīsābūrī, Ṣaḥīḥ Muslim (Beirut: Dar Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), juz 2, 719.

dan miskin ialah dengan memberi bekalan yang cukup untuk satu tahun. Manakala menurut mazhab Syafii ialah mengharuskan kadar kecukupan fakir dan miskin ialah mencukupi untuk seumur hidup.²⁷

Dapat disimpulkan bahawa mazhab fiqh mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan kadar zakat yang harus diberikan kepada fakir dan miskin. Terdapat dua pandangan yang asas, iaitu:²⁸

1. Fakir dan miskin diberi zakat secukupnya dan tidak ditentukan menurut besarnya harta zakat yang diperolehi.
2. Fakir dan miskin diberi dalam jumlah tertentu dan besarannya disesuaikan dengan bahagian *mustahik* zakat yang lain.

Merujuk kepada pandangan yang pertama, terdapat dua golongan pandangan yang mengatakan bahawa zakat diberi untuk mencukupi keperluan selama hidup. Golongan lain menyatakan bahawa pemberian zakat dibatasi cukup untuk satu tahun.

2.3.1. Pemberian Zakat Untuk Seumur Hidup

Menurut mazhab Syafii, orang miskin diberi zakat kerana asalnya miskin. Oleh itu diberi zakat untuk menghilangkan kemiskinannya. Maka ia harus diberi zakat untuk keperluan hidupnya secara berterusan, sehingga ia tidak lagi memerlukan zakat pada masa yang akan datang. Begitu juga dengan al-Nawawī berpandangan bahawa fakir dan miskin diberi zakat sehingga ia berkecukupan.²⁹ Mereka yang menyokong pandangan ini bersumberkan daripada hadis di bawah:

²⁷ Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakah: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 563-568.

²⁸ *Ibid.*, 563.

²⁹ *Ibid.*, 564.

عَنْ قَيْصَةَ بْنِ مُخَارِقِ الْهِلَالِيِّ. قَالَ: تَحْمَلْتُ حَمَالَةً. فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ أَسْأَلَهُ فِيهَا. فَقَالَ:

"أَقْرَمْ حَتَّى تَأْتِينَا الصَّدَقَةُ. فَنَأْمَرْ لَكَ إِبَهاً". قَالَ: ثُمَّ قَالَ: "يَا قَيْصَةَ! إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَجِدُ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةِ: رَجُلٌ تَحْمَلُ حَمَالَةً فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا ثُمَّ يُمْسِكُ. وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَنَاحْ مَالَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَاماً مِنْ عَيْشٍ (أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ). وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَقُومَ ثَلَاثَةَ مِنْ ذُوِي الْحِجَاجِ مِنْ قَوْمِهِ: لَقْدَ أَصَابَتْ قُلَانًا فَاقَةً. فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ. حَتَّى يُصِيبَ قِوَاماً مِنْ عَيْشٍ (أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ) فَمَا سِواهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ، يَا قَيْصَةَ! سُحْنًا يَأْكُلُهَا صَاحِبُهَا سُحْنًا)

Terjemahan: “Daripada Qabīshah bin Mukhāriq al-Hilālī berkata: Aku menghadapi kesulitan kewangan lalu aku mendatangi Rasulullah SAW dan meminta pertolongannya. Maka Rasulullah SAW bersabda: Tunggu sehingga kami menerima zakat dan kami akan memberi bahagianmu daripadanya. Kemudian Rasulullah SAW bersabda lagi: Wahai Qabīshah, sesungguhnya masalah ini (meminta pertolongan kewangan/zakat) tidak dibenarkan melainkan dalam tiga perkara: Seseorang yang menanggung hutang orang lain (menjadi penjamin), kemudian dia tidak mampu untuk membayarnya, maka dibenarkan bagi dia untuk meminta pertolongan sehingga cukup keperluannya. Seseorang yang ditimpa kesusahan kerana kehilangan harta, maka dibenarkan bagi dia meminta pertolongan sehingga cukup keperluannya. Seseorang yang terlalu miskin yang diperakui oleh tiga orang yang dipercaya dari kaumnya, maka dibenarkan bagi dia untuk meminta pertolongan sehingga cukup keperluannya. Maka permintaan selain daripada itu wahai Qabīshah merupakan satu perkara yang diharamkan dan hasil yang dimakan itu juga haram.”³⁰

Menurut pandangan al-Nawawī, Rasulullah SAW membolehkan perbuatan meminta-minta agar dapat memenuhi keperluan. Bagi orang yang tidak mampu berusaha kerana tidak memiliki kemahiran, kepada mereka diberi zakat yang dapat mencukupi kos hidup dan selama hidupnya. Apabila tidak dapat memberi kos hidup untuk seumur hidup, maka diberi apa yang diperlukan yang cukup untuk biaya hidup dalam satu tahun. Manakala zakat yang diberi untuk orang fakir atau miskin yang tidak mampu berusaha ialah bukan dalam bentuk wang, melainkan diberi sesuatu yang seharga dengan itu, contohnya ialah diberi rumah untuk disewakan agar hasil sewaan yang diperolehi dapat menampung keperluan hidup mereka. Apabila sumber penghasilan yang diberi masih lagi

³⁰ Riwayat Muslim, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Taḥilla Lahu al-Mas’alah, no hadis 1044. Lihat Muslim Bin al-Hajjāj Abu al-Ḥasan al-Qushayrī al-Nīsābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dar Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), juz 2, 722.

tidak mencukupi sampai batas ketentuan, maka boleh ditambah daripada zakat sehingga mencukupi. Al-Māwardī menyatakan bahawa apabila dia memperoleh 90 dan itu tidak mencukupi kecuali 100, maka hendaklah ditambahkan lagi 10.³¹

Pendapat Hambali diriwayatkan memiliki pandangan yang sama dengan pandangan Syafii, ia membolehkan orang miskin mengambil zakat untuk seluruh keperluan hidupnya selamanya, namun zakat yang diambil seperti kedai, binatang ternak dan lainnya.³² Hal ini sepadan dengan apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW melalui hadis di bawah:

عَنْ قَيْصِرَةَ بْنِ الْمُخَارِقِ الْهِلَالِيِّ، تَحْمَلْتُ بِحَمَالَةٍ، فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْأَلَهُ فِيهَا، فَقَالَ: (نُؤْدِيهَا عَنْكَ وَنُخْرِجُهَا مِنْ نَعْمِ الصَّدَقَةِ) وَقَالَ مَرَّةً: (وَنُخْرِجُهَا إِذَا جَاءَنَا الصَّدَقَةُ - أَوْ إِذَا جَاءَ نَعْمِ الصَّدَقَةِ -) وَقَالَ: (يَا قَيْصِرَةَ، إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَصْلُحُ وَقَالَ مَرَّةً: (خَرَّمْتُ إِلَّا فِي ثَلَاثَةِ، رَجُلٌ تَحْمَلُ بِحَمَالَةٍ حَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُؤْدِيهَا ثُمَّ يُمْسِكُ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ حَاجَةٌ وَفَاقَةٌ حَتَّى يَشْهَدَ لَهُ ثَلَاثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَاجِ) وَقَالَ مَرَّةً: (رَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ أَوْ حَاجَةٌ حَتَّى يَشْهَدَ لَهُ، أَوْ يُكَلِّمَ ثَلَاثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَاجِ مِنْ قَوْمِهِ أَنَّهُ قَدْ أَصَابَتْهُ حَاجَةٌ أَوْ فَاقَةٌ إِلَّا فَدَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ، فَيَسْأَلُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَاماً مِنْ عَيْشٍ أَوْ سَدَادًا مِنْ عَيْشٍ ثُمَّ يُمْسِكُ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاهَتْ مَالُهُ حَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ، فَيَسْأَلُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَاماً مِنْ عَيْشٍ أَوْ سَدَادًا مِنْ عَيْشٍ ثُمَّ يُمْسِكُ، وَمَا كَانَ سِوَى ذَلِكَ مِنَ الْمَسْأَلَةِ سُخْتُ)

Terjemahan: Daripada Qabīshah bin Mukhāriq al-Hilālī, saya mempunyai banyak tanggungan, lalu saya mendatangi Rasulullah SAW dan meminta bantuan, Lalu beliau bersabda: “Kami akan menyelesaikan tanggunganmu dan mengambilkan dari ternak-ternak sedekah” Pada lain masa, bersabda: “Kami akan membantumu jika sedekah telah datang atau jika atau kita mendapatkan ternak-ternak sedekah”. Lalu beliau bersabda: “Wahai Qabīshah, meminta-minta itu tidak boleh, dalam lain masa diharamkan kecuali dalam tiga keadaan, iaitu keadaan seseorang kerana mempunyai tanggungan maka dibolehkan untuk meminta-minta sampai dia mampu untuk menyelesaikan tanggungannya lantas berhenti. Seseorang yang sedang terdesak kerana keperluan dan kefakiran hingga disaksikan oleh tiga orang dari kaumnya yang berakal, dalam masa yang lain, Seseorang yang sedang terdesak kerana kefakiran dan keperluan hingga tiga orang berakal dari kaumnya bersaksi atau mengucapkan ucapan bahawa ia terdesak keperluan atau kefakiran, sehingga meminta dihalalkan baginya, lalu dia meminta hingga memperoleh penyokong

³¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakah: Dirārah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 565.

³² *Ibid.*, 566.

hidup atau kecukupan hidupnya lantas ia menahan diri, dan ketiga, seseorang yang tertimpa musibah (bankrap) sehingga menghabiskan hartanya, maka meminta dibolehkan baginya hingga memperoleh penyokong atau kecukupan hidup lalu ia menahan diri, adapun selain dari tiga keadaan tersebut meminta-minta adalah haram.”³³

2.3.2. Pemberian Zakat Cukup Untuk Satu Tahun

Mazhab Maliki, mazhab Hambali dan lain-lain ahli fiqh berpandangan bahawa orang fakir dan miskin diberi zakat yang dapat mencukupi dirinya dan orang-orang yang menjadi tanggungannya untuk masa satu tahun. Hal tersebut kerana kebiasaan masa satu tahun itu adalah batas pertengahan yang diminta seseorang sebagai jaminan hidup dirinya dan keluarganya. Ini berdasarkan petunjuk Rasulullah SAW yang membenarkan apabila seseorang dapat menyimpan untuk keperluan keluarganya untuk masa satu tahun.³⁴

Manakala Azman Ab Rahman,³⁵ Puskas BAZNAS,³⁶ dan JAWHAR³⁷ menyatakan bahawa *had al-kifayah* ditentukan berdasarkan *maqāṣid al-sharī'ah* pada tiga tahap keperluan manusia yang meliputi lima pemeliharaan, iaitu memelihara jiwa (*hifz al-nafs*), memelihara agama (*hifz al-dīn*), memelihara harta (*hifz al-māl*), memelihara akal (*hifz al-'aql*) dan memelihara keturunan (*hifz al-nasl*). Oleh BAZNAS, kelima hal tersebut kemudian diterjemahkan ke dalam tujuh elemen, iaitu elemen makanan dan minuman, elemen ibadah, elemen pakaian, elemen tempat tinggal, elemen pendidikan, elemen kesihatan, dan elemen pengangkutan.³⁸ JAWHAR pula menetapkan

³³ Riwayat Aḥmad, *Musnad al-Makkiyyīn*, Hadīth Qabīshah Bin Mukhāriq, no hadis 15916. Lihat Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 2001), juz 25, 257.

³⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1973), juz 1, 566.

³⁵ Azman Ab Rahman, Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin, Zulhilmi Mohamed Nor, “Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah,” *Jurnal Sains Insani* Vol 2, No 1 (2017), 48-53.

³⁶ Puskas BAZNAS, *Kajian Had Kifayah 2018* (Jakarta Pusat: Pusat Kajian Strategis Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), 2018), 7.

³⁷ Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji, *Manual Pengurusan Agihan Zakat* (Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, 2007), 17.

³⁸ Puskas BAZNAS, *Kajian Had Kifayah 2018* (Jakarta Pusat: Pusat Kajian Strategis Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), 2018), 7.

keperluan asas yang diambil kira dalam penentuan *had al-kifāyah* ialah perlindungan, makanan dan minuman, pakaian, perubatan, pendidikan serta pengangkutan.³⁹

2.3.3. Elemen *Had al-Kifāyah* Pendidikan

Elemen yang pertama dari *had al-kifāyah* ialah makan dan minum. Makanan merupakan keperluan utama bagi setiap individu yang mesti dimiliki seseorang bagi menjamin *hifz al-nafs* (memelihara nyawa) kerana tanpa makan yang cukup, manusia tidak dapat meneruskan aktiviti kehidupan termasuklah beribadah. Ia juga termasuk dalam kategori kemudahan atas hidup seseorang individu.⁴⁰

Barang siapa yang tidak memiliki kecukupan makan untuk dirinya dan orang yang menjadi tanggungannya, maka ia termasuk golongan fakir. Namun para fuqaha berbeza pandangan mengenai kadar kecukupan untuk elemen makan dan minum ini. Pandangan yang pertama ialah pandangan al-Ghazālī⁴¹ dari mazhab Syafii yang menyatakan bahawa kadar kecukupan minimum makan dan minum bagi seseorang ialah adanya satu *mud* makanan asasi untuk sehari semalam. Mereka yang menyokong pandangan ini bersumberkan daripada hadis di bawah:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (إِنَّ لَابْنِ آدَمَ حَقًّا فِي سِوِيْ هَذِهِ الْخِصَالِ، بَيْتٌ يَسْكُنُهُ وَثَوْبٌ يُوَارِي عَوْرَتَهُ وَجَلْفُ الْحَبْزِ وَالْمَاءِ).

Terjemahan: Telah bercerita kepada kami Abdullah bin Humayad, Abd Al-Samad bin Abd Al-Warith memberitahu kami, begitu juga Hurayth bin Al-Saib lalu mengatakan bahawa saya mendengar Hasan berkata kepada saya bahawa Humran bin Aban, daripada Uthman bin Affan bahawa Nabi SAW bersabda, “Tidak berhak anak Adam melainkan untuk hal-hal berikut iaitu sebuah rumah yang boleh diduduki, pakaian yang dapat menyembunyikan auratnya dengan sopan, serta roti dan air yang boleh mengisi perut.”⁴²

³⁹ Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji, *Manual Pengurusan Agihan Zakat* (Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, 2007), 18.

⁴⁰ Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, “Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Vol 1 (Juni, 2019), 23 – 41.

⁴¹ Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya ‘Ulum al-Din* (Beirut: Dar Ibn Hazam, 2005) 1562.

⁴² Riwayat al-Tirmidhī, Abwāb al-Zuhdī ‘an Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam, Bāb Minhu, no hadis 2341. Lihat Muḥammad Bin Īsā Bin Sawrah Bin Mūsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998), juz 4, 150.

Namun kadar kecukupan ini apabila digunakan tidak boleh membantu menyelesaikan masalah kefakiran. Ini kerana hadis tersebut ditafsirkan bagi menunjukkan cara untuk mencapai sifat zuhud. Oleh kerana itu, penetapan *had al-kifāyah* untuk elemen makanan lebih sesuai jika ditentukan berdasarkan kepatutan di setiap masa dan penempatan.

Keperluan untuk makan dan minum dapat dikatakan sebagai keperluan sara hidup tertinggi yang dikeluarkan oleh mahasiswa. Siti Roedah Md Jemary⁴³ menyatakan bahawa keperluan makan dan minum mesti disediakan dengan sempurna oleh mahasiswa. Para mahasiswa tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran mereka jika kurang mendapat makan sehingga boleh menjelaskan kepada kesihatan dan akal mereka.

Elemen yang kedua ialah elemen pakaian. Bagi seorang muslim, tatacara untuk berpakaian telah diatur oleh Allah SWT seperti dalam surah al-A'raf ayat 26:

يَبْنِيَّ عَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَارِي سُوَءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ الْتَّقْوَىٰ ذَلِكَ
خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ عَائِدَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

Surah al-A'rāf 7: 26

Terjemahan: “Wahai anak cucu Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi aurat kamu dan untuk perhiasan bagi kamu. Tetapi pakaian takwa, itulah yang lebih baik. Demikianlah sebahagian tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka ingat.”

Ayat di atas menjelaskan matlamat Allah SWT dalam menurunkan pakaian untuk manusia, iaitu sebagai kewajipan manusia untuk menutup auratnya dengan pakaian. Namun para fuqaha tidak menghadkan pakaian hanya untuk menutup aurat sahaja. Tetapi pakaian yang digunakan bagi melindungi diri daripada kepanasan dan kesejukan. Termasuk pula pakaian yang dipergunakan bagi tujuan menambah kecantikan dan

⁴³ Siti Roedah Md Jemary, “Pendekatan Humanistik: Teori Hirarki Keperluan Maslow,” (makalah, Kertas Kerja Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2017), 1 – 10.

keselesaan. Pandangan ini dipersetujui oleh sebahagian fuqaha daripada mazhab Syafii yang menyatakan bahawa seandainya seseorang memiliki tempat tinggal atau pakaian yang cantik namun ia fakir, maka hal tersebut tidak menghalang untuk dikategorikan sebagai fakir disebabkan oleh keperluannya.⁴⁴ Oleh itu, penetapan *had al-kifāyah* untuk elemen pakaian perlu bersesuaian dengan jantina, tempat dan '*urf*.

Pakaian untuk para mahasiswa pula ialah pakaian untuk pergi ke pusat pengajian dan pakaian basahan harian seperti yang dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Norasibah et al.⁴⁵ Manakala Mohamad Aidil Firdaus Selamat⁴⁶ dalam kajiannya mencadangkan nilai had kifayah pakaian pelajar RM 130 sudah dapat memenuhi keperluan *darūriyyāt* bagi pakaian mahasiswa yang tinggal di negara yang memiliki pertukaran musim.

Elemen yang ketiga ialah perlindungan atau tempat tinggal. Tidak dapat disyakkan lagi bahawa tempat tinggal merupakan keperluan asas. Allah SWT menyatakannya dalam surah al-Nahl ayat 80:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ جُلُودِ الْأَنْعَمِ بُيُوتًا
تَسْتَخْفُونَهَا يَوْمَ طَعْنَكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا أَثَاثًا
وَمَتَّعًا إِلَى حِينٍ ﴿٨٠﴾

Surah al-Nahl 16: 80

Terjemahan: “Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan Ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (di bawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (Ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakan) hingga ke suatu masa.”

⁴⁴ Muḥammad bin Yazīd al-Rubaṭī al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah* (t.tp: Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 2009), 578.

⁴⁵ Norasibah Abdul Jalil, Hamidah Yusof, Norlela Ahmad dan Khalizul Khalid, “Pengurusan Pendapatan Perbelanjaan dalam Kalangan Pelajar Celik Ekonomi,” *Management Research Journal* Vol. 2, no. 1 (2013), 19-30.

⁴⁶ Mohamad Aidil Firdaus Selamat, “Corak Perbelanjaan Penerima Zakat Pendidikan Luar Negara di Bawah Majlis Agama Islam Johor,” (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2022), 153.

Ibnu Kathīr⁴⁷ dalam kitab tafsirnya menjelaskan bahawa Allah SWT telah memberikan nikmat kepada hamba-Nya berupa rumah sebagai tempat tinggal bagi mereka. Tempat tinggal itu pula bagi memberikan ketenangan kepada mereka, iaitu sebagai tempat berteduh dari panas dan hujan juga sebagai tempat berlindung daripada bahaya di luar rumah.

Ayat tersebut juga menjelaskan bahawa keperluan akan rumah sebagai tempat tinggal tidak hanya bangunan rumahnya sahaja, tetapi juga perkakas rumah yang bisa didapatkan dari bulu binatang ternak. Sehingga dapat disimpulkan bahawa *had al-kifāyah* untuk tempat tinggal ialah rumah sebagai tempat berlindung dan perkakas rumah sebagai keperluan pelengkap.

Bagi para mahasiswa, perlindungan adalah suatu keperluan yang perlu diutamakan. Perkara tersebut seperti yang diperkatakan oleh Juliati Jusoh⁴⁸ dalam kajiannya iaitu sekiranya keperluan tempat tinggal tidak dapat dipenuhi dengan sempurna, maka para mahasiswa akan kurang bermotivasi dan berminat terhadap pelajaran mereka kerana terganggu dengan masalah seperti mudah sakit dan kurang tidur yang disebabkan tempat tinggal yang kurang selesa serta kurang mendapatkan makanan yang sihat.

Elemen yang seterusnya ialah pendidikan. Pendidikan pada hari ini menjadi satu keperluan yang penting. Tingginya kedudukan ilmu pengetahuan ini juga disebutkan dalam firman Allah SWT di bawah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَأَفْسِحُوا يَقْسِحَ اللَّهُ لَكُمْ
وَإِذَا قِيلَ أَذْشِرُوا فَلَاذْشِرُوا يَرْفَعَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ ﴿١١﴾

⁴⁷ Ibn Kathīr al-Qurayshī al-Dimashqī al-Faqīh al-Shāfi‘ī, *Tafsīr Ibn Kathīr* (Kaherah: t.p, 1933), 5: 90.

⁴⁸ Juliati Jusoh, “Corak Perbelanjaan Pelajar dalam Kalangan Pelajar Sijil Modular Kebangsaan (SMK) Hiasan Pakaian Kolej Komuniti Temerloh,” (makalah, Persidangan Pendidikan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, 2013), 74 – 88.

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) – beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Dalam sebuah Riwayat hadis, Rasulullah SAW juga mewajibkan kita sebagai umatnya untuk menuntut ilmu, seperti hadis di bawah:

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ، وَوَاضِعُ الْعِلْمِ عِنْدَ غَيْرِ أَهْلِهِ كَمْقَلَدٌ لِخَنَازِيرِ الْجَوَهْرِ وَاللُّؤْلُؤِ وَالْذَّهَبِ»

Terjemahan: “Rasulullah SAW bersabda: Menuntut ilmu diwajibkan bagi seorang Muslim dan Muslimat.”⁴⁹

Para fuqaha berselisih pendapat sesama mereka dalam menentukan latar belakang pendidikan asnaf. Sebahagian mereka hanya mengkhususkan kepada pendidikan agama sahaja. Manakala sebahagian fuqaha lagi lebih umum dengan tidak mengira sama ada pendidikan agama atau sebaliknya.

Pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī, apabila seseorang mengkhususkan diri mencari ilmu, maka boleh diberi zakat untuk memenuhi keperluan belanja buku-buku atau untuk kepentingan agama dan dunianya. Orang yang mencari ilmu patut diberi zakat kerana dia melaksanakan fardu kifayah kerana faedah ilmunya itu tidak hanya untuk dirinya, tetapi juga untuk seluruh umat. Ia berhak ditolong dengan harta zakat, kerana ia termasuk kategori orang yang memerlukan pertolongan kaum muslimin dan juga orang yang diperlukan kaum muslimin itu sendiri kerana keilmuannya.⁵⁰

⁴⁹ Riwayat Ibnu Mājah, *Iftitāḥ al-Kitāb fī al-Īmān wa Faḍā’il al-Šaḥābah wa al-‘Ilmi*, no. hadis 224. Lihat Ibnu Mājah Abū ‘Abd Allāh Bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibnu Mājah* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), juz 1, 81.

⁵⁰ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Filsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1973), juz 1, 570.

Pendidikan masa kini lebih dikenali sebagai pendidikan abad ke-21 yang lebih memerlukan sokongan peralatan-peralatan terkini dalam pembelajaran, teknologi, akses kepada Internet dan sebagainya.⁵¹ Hal tersebut juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Alecia Puyu Anak Seman dan Anuar Ahmad.⁵² Dapatan kajian menyatakan bahawa kebanyakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang berada pada peringkat umur 20-29 tahun banyak membelanjakan wang mereka untuk bil telefon (Internet). Hal itu kerana mereka lebih celik komputer dan mengikuti perkembangan semasa di mana mereka banyak mencari nota, bahan rujukan pengajian dan maklumat secara dalam talian. Oleh itu, menurut Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman dan Mohd Izhar Arif Mohd Kasim⁵³, penggunaan Internet dan media sosial pada zaman ini sudah menjadi keperluan asas dalam kehidupan masyarakat terutamanya kepada golongan muda.

Elemen *had al-kifāyah* yang kelima ialah kesihatan. Kesihatan merupakan keperluan yang termasuk dalam kategori *hifz al-nafs* (memelihara nyawa) dan *hifz al-dīn* (memelihara agama). Badan yang sihat akan menjamin kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah seperti solat, puasa dan haji. Begitu juga keperluan untuk memelihara kesihatan adalah untuk menjamin tubuh yang sihat dan kuat akan mampu untuk mencari nafkah bagi diri dan tanggungannya.⁵⁴

Kesihatan merupakan nikmat yang dipinjamkan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, nikmat kesihatan wajib disyukuri dan dijaga. Namun, masih banyak manusia yang terkadang masih mengabaikan dan melupakan nikmat kesihatan. Atas asas ini, maka

⁵¹ Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali, “Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21,” (makalah, Proceeding of The International Conference On Islamic Civilization and Technology Management Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), 2019), 87 – 105.

⁵² Alecia Puyu Anak Seman dan Anuar Ahmad, “Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA dan IPTS,” (makalah, International Conference On Global Education V “Global Education, Common Wealth and Cultural Diversity, 2017), 2388 – 2405.

⁵³ Muhammad Adnan Pitchan, Siti Nur Husna Abd Rahman dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, “Teori Al-Daruriyyat dan Penggunaan Media Sosial: Satu Perbincangan Konsep,” *Malaysian Journal of Communication* Vol. 34, No. 4 (2018), 75 – 92.

⁵⁴ Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, “Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Vol 1 (Juni, 2019), 23 – 41.

kesihatan adalah perkara yang sangat penting bagi manusia. Al-Ramli⁵⁵ fuqaha daripada mazhab Syafii menyatakan bahawa jika ada seorang doktor yang memerlukan buku perubatan dan alat-alat perubatan untuk merawat manusia. Maka segala kos yang diperlukan untuk semua itu tidak perlu dikeluarkan menggunakan wang sendiri, tetapi ia dibolehkan untuk membelynanya menggunakan wang zakat. Adapun untuk fakir dan miskin yang memerlukan rawatan, tetapi tidak mendapatkan rawatan percuma di hospital kerajaan disebabkan terlalu ramai pesakit yang perlu dirawat sehingga menyebabkan hospital penuh. Maka dalam hal seperti ini boleh menggunakan wang zakat untuk merawat fakir dan miskin di hospital swasta.

Sebagai seorang manusia, para mahasiswa juga memerlukan kepada keperluan kesihatan. Kajian daripada Che Wan Maisarah, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali⁵⁶, serta kajian Fairus Muhamad Darus et al.⁵⁷ menyatakan bahawa kebanyakan mahasiswa hanya membelanjakan wang mereka untuk kesihatan kurang daripada RM20 sebulan. Bahkan terdapat juga sebahagian mahasiswa yang tidak mengeluarkan langsung belanja untuk kesihatan. Adapun bagi mahasiswa yang membelanjakan wang yang agak besar sebanyak RM50 ke atas adalah disebabkan membeli makanan tambahan seperti ubat minda. Hasil analisis daripada kajian-kajian tersebut juga mendapati bahawa mahasiswa kurang membelanjakan wang mereka untuk tujuan kesihatan berkemungkinan kerana perbelanjaan untuk kesihatan telah termasuk dalam yuran pengajian.

Elemen *had al-kifāyah* yang terakhir ialah pengangkutan. Pengangkutan termasuk dalam kategori keperluan *hājiyyāt*, iaitu bagi memudahkan menjalani kehidupan dan mengelakkan daripada kesulitan serta kesukaran dalam kehidupan. Keperluan

⁵⁵ Shihāb al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 2003), 3: 119.

⁵⁶ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, “Pola Perbelanjaan Dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Di Kuala Terengganu, Terengganu,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 21, No 2 (2018), 45 – 57.

⁵⁷ Fairus Muhamad Darus, Nur Hayati Abdul Rahman, Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri dan Siti Asmah Yunos, “Corak Perbelanjaan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang,” (makalah, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, 22-23 Oktober 2008), 1 – 5.

pengangkutan pada masa sekarang bukan lagi untuk menunjukkan kemewahan, melainkan ia telah menjadi keperluan yang perlu ada bagi individu dan tanggungannya. Pengangkutan diperlukan untuk memudahkan ke tempat kerja, mendapatkan bahan makanan, pergi menuntut ilmu dan sebagainya.⁵⁸

Pada zaman dahulu, pengangkutan yang paling umum ialah haiwan tunggangan seperti dalam firman Allah SWT di bawah:

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَنْعَمَ لِرَكْبَوْا مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٧٩﴾
وَلَكُمْ فِيهَا مَتَنْفِعٌ
وَلِتَبْلُغُوا عَلَيْهَا حَاجَةً فِي صُدُورِكُمْ وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

Surah Ghafir 40: 79-80

Terjemahan: “Allah yang menjadikan haiwan ternak bagi kamu; sebahagian di antaranya untuk kamu menunggangnya, dan sebahagian lagi untuk kamu makan. Dan kamu pula mendapatkan berbagai faedah pada haiwan ternak itu, dan supaya kamu dapat memenuhi sesuatu hajat yang ada dalam hati kamu dengan menggunakan haiwan itu; dan di atas haiwan-haiwan ternak itu, serta di atas kapal-kapal, kamu diangkut.”

Daripada ayat tersebut sudah dijelaskan bahawa pengangkutan adalah salah satu aspek keperluan bagi manusia. Al-Qurṭubī menyatakan bahawa walaupun seseorang itu memiliki kuda tetapi dia tidak mampu untuk memenuhi keperluan dirinya dan keluarga yang menjadi tanggungannya, maka tidak menghalang dia untuk mendapatkan bahagian daripada zakat. Hal ini kerana kenderaan tersebut sangat penting dalam menyokong kehidupannya.

Pengangkutan bagi mahasiswa pula ialah pengangkutan bagi tujuan pergi ke pusat pengajian. Fairus Muhamad Darus et al⁵⁹ menyatakan dalam kajiannya bahawa mahasiswa yang tinggal di dalam universiti kurang membelanjakan wang mereka untuk keperluan pengangkutan. Hal ini kerana jarak tempat pengajian yang dekat dan boleh

⁵⁸ Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, “Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Vol 1 (Juni, 2019), 23 – 41.

⁵⁹ Fairus Muhamad Darus, Nur Hayati Abdul Rahman, Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri dan Siti Asmah Yunos, “Corak Perbelanjaan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang,” (makalah, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, 22-23 Oktober 2008), 1 – 5.

dicapai dengan berjalan kaki. Manakala bagi mahasiswa yang tinggal di luar universiti mereka perlu menyediakan kos untuk minyak petrol bagi yang berkenderaan sendiri sama ada motosikal atau kereta. Kos-kos lain yang perlu ditanggung seperti kos membaiki kenderaan serta kos tambang pengangkutan awam pergi dan balik daripada rumah ke pusat pengajian bagi yang tidak memiliki kenderaan. Kajian daripada Alecia Puyu Anak Seman dan Anuar Ahmad⁶⁰ turut menyatakan hal yang sama, iaitu mahasiswa yang tinggal di luar universiti banyak membelanjakan wang mereka untuk pengangkutan kerana jarak tempat tinggal mereka yang jauh daripada pusat pengajian.

2.4. Kesimpulan

Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang mendapat bantuan daripada Baitulmal Muamalat Indonesia (BMM) dikategorikan sebagai penerima zakat di bawah program pendidikan. Peruntukan yang diambil untuk bantuan tersebut adalah daripada bahagian asnaf fakir dan miskin. Namun agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin tidak terlepas dari *had al-kifāyah* pendidikan atau batas kecukupan hidup seorang mahasiswa. Terdapat enam elemen *had al-kifāyah* pendidikan untuk mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, iaitu makan dan minum, pendidikan, pengangkutan, perlindungan, kesihatan serta pakaian.

⁶⁰ Alecia Puyu Anak Seman dan Anuar Ahmad, “Pola Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA dan IPTS,” (makalah, International Conference On Global Education V “Global Education, Common Wealth and Cultural Diversity, 2017), 2388 – 2405.

BAB 3 **METODOLOGI KAJIAN**

3.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian yang dilakukan. Pada bab ini akan diuraikan mengenai reka bentuk kajian, lokasi kajian, persampelan dan informan kajian, instrument kajian, kesahan instrument kajian serta kaedah analisis data yang digunakan.

3.2. Reka Bentuk Kajian

Bentuk dalam kajian ini adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan bertujuan untuk mendapatkan data sekunder yang diperlukan. Data sekunder ini diperolehi daripada bahan yang diterbitkan seperti artikel-artikel jurnal serta dokumen-dokumen terbitan institusi zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Manakala kajian lapangan dijalankan di Baitulmaal Muamalat Indonesia, Universiti Negeri Jakarta (UNJ), Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi, Universiti Amikom Purwokerto dan Universiti Halu Oleo (UHO). Sehubungan itu, pengumpulan data dan penganalisaan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kualitatif.

3.3. Lokasi Kajian


Kajian lapangan disertasi ini dijalankan di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) merupakan Lembaga Amil Zakat nasional (LAZNAS) yang ditubuhkan pada tahun 2000 dan disahkan oleh kerajaan Indonesia dengan tugas utama mengumpul dan mengagihkan dana Zakat, Infak, Sedekah, dan Dana Sosial Keagamaan lainnya (ZIS DSKL). Selain itu, Baitulmaal Muamalat

Indonesia (BMM) juga merupakan Nazhir rasmi yang mengurus dan membangun wakaf produktif ekonomi.¹

Pada tahun 2019 Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) memperluas jaringan dengan membuka Kantor Perwakilan di Aceh dan Daerah Istimewa Yogyakarta (DIY). Tahun 2020 pula Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) Kembali membuka Kantor Wilayah Perwakilan Jawa Barat dan pada tahun 2021 Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) membuka Kantor Perwakilan Wilayah Jawa Timur, Sulawesi Selatan, dan Sumatera Utara.²

Secara keseluruhannya, sistem pentadbiran agihan zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ditadbir urus seperti dalam rajah 3.1 di bawah:

Rajah 3.1: Carta Organisasi Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)



Sumber: Laman Sesawang Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).

¹ Company Profile Baitulmaal Muamalat Indonesia 2021.

² Ibid.

Rajah di atas menjelaskan tentang bahagian-bahagian yang menguruskan agihan zakat di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Jika melihat kepada rajah tersebut, pengurusan agihan zakat pendidikan terletak di bawah pengurusan unit Pendayagunaan Zakat.

Justeru itu, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dipilih kerana merupakan institusi zakat yang memberikan biasiswa kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia dengan duit poket tertinggi di antara institusi zakat lainnya di Indonesia. Manakala hasil penelitian daripada temu bual dengan Ketua Bahagian Pengagihan dan Pendayagunaan Zakat adalah agihan zakat kepada golongan mahasiswa yang mengambil bidang teknologi maklumat, ekonomi syariah dan pendidikan. Pengkaji telah memilih beberapa buah universiti yang berkolaborasi dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia sebagai lokasi kajian. Segala maklumat universiti yang telah dipilih adalah seperti Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1: Senarai Universiti Yang Berkolaborasi Dengan Baitulmaal Muamalat, Indonesia (BMM)

BIL	NAMA UNIVERSITI	LOKASI
1	Universiti Negeri Jakarta	DKI Jakarta
2	Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi	Depok
3	Universiti Halu Oleo	Kendari
4	Universiti Amikom Purwokerto	Kabupaten Banyumas

Sumber: Temu bual.

Universiti Negeri Jakarta (UNJ) dipilih kerana berada di bandar dan mewakili universiti kerajaan. Untuk Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi dipilih kerana berada di bandar serta mewakili daripada universiti bukan kerajaan. Manakala Universiti Halu Oleo dipilih kerana berada di luar baandar dan mewakili daripada universiti kerajaan. Terakhir Universiti Amikom Purwokerto dipilih kerana berada di luar bandar serta mewakili daripada universiti bukan kerajaan.

3.4. Kaedah Pengumpulan Data

Data yang digunakan dalam kajian ini ialah data sekunder dan data primer. Kedua-dua jenis data ini dikumpulkan bagi memenuhi objektif pada kajian ini.

3.4.1. Pengumpulan Data Sekunder

Data sekunder pada kajian ini didapati daripada bahan-bahan yang telah diterbitkan dan tidak diterbitkan yang terdapat di perpustakaan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Seterusnya data sekunder diperoleh pula daripada dokumen-dokumen terbitan institusi zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), seperti laporan tahunan dan data penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia. Sebahagian bahan juga didapatkan melalui capaian internet. Kajian perpustakaan menggunakan instrumen dokumentasi ini dilakukan bagi memenuhi objektif pertama, iaitu membincangkan pemikiran sarjana Islam tentang agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin.

3.4.2. Pengumpulan Data Primer

Data primer dikumpul melalui temu bual. Temu bual dalam kajian ini dibuat kepada informan yang memiliki autoriti di Baitulmaal Muamalat Indonesia dan kepada mahasiswa penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).

3.4.2.1. Metode Temu Bual

Metode temu bual adalah metode pengumpulan data dengan bertanya jawab secara langsung antara pengkaji dengan informan yang ditemu bual.³ Dengan temu bual, pengkaji akan mengetahui hal-hal yang lebih mendalam tentang informan dalam menginterpretasikan situasi dan fenomena yang terjadi.⁴

Temu bual dalam kajian ini dibuat kepada informan yang memiliki autoriti di Baitulmaal Muamalat Indonesia, iaitu Ketua Bahagian Pengagihan dan Pendayagunaan Zakat, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), Encik Jahidin. Temu bual dilaksanakan

³ *Ibid*, 91.

⁴ Sugiyono, *Metode Penelitian Pendidikan Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D* (Bandung: Penerbit Alfabeta, 2015), 318.

pada hari Rabu, 13 April 2022 pada pukul 10.10 – 11.26 MYT⁵ dalam tempoh 1 jam 16 minit. Aplikasi *Zoom Meeting* merupakan alat utama yang digunakan pengkaji untuk melakukan temu bual dengan informan. Semasa temu bual dijalankan, pengkaji merakam temu bual menggunakan butang perakam yang terdapat pada *Zoom Meeting* bagi tujuan penganalisaan data.

Tujuan dari metode temu bual kepada Ketua Bahagian Pengagihan dan Pendayagunaan Zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) adalah bagi mengumpulkan maklumat mengenai sejarah penubuhan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), program agihan zakat pendidikan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi serta pelaksanaan program Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin. Temu bual dijalankan bagi mencapai objektif kedua, iaitu menjelaskan pelaksanaan program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin.

Sebelum temu bual dijalankan, terdapat satu perkara penting yang perlu dilakukan, iaitu mendapatkan kebenaran daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk menjalankan kajian terhadap institusi tersebut. Permohonan tersebut dilakukan dengan cara menghantar surat akuan calon ijazah tinggi, surat permohonan menjalankan kajian yang didapati daripada pihak Fakulti Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, serta proposal penyelidikan kepada kerani di institusi tersebut melalui e-mail. Maklum balas persetujuan diterima selepas tiga minggu permohonan tersebut dihantar melalui e-mail.

Temu bual yang seterusnya ialah kepada mahasiswa penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Temu bual dibuat kepada seramai 20 orang mahasiswa daripada empat universiti di Indonesia, iaitu Universiti Negeri Jakarta (UNJ), Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi, Universiti Halu Oleo (UHO) serta

⁵ Temu bual dijalankan daripada Bogor, Indonesia. Masa Malaysia (MYT) adalah masa di Bogor + 1 jam.

Universiti Amikom Purwokerto. Daripada setiap universiti diwakilkan oleh lima orang informan. Temu bual kepada keseluruhan informan dijalankan dalam tempoh satu bulan selama bulan Januari 2023. Segala maklumat pelaksanaan temu bual Bersama mahasiswa adalah seperti Jadual 3.2 berikut:

**Jadual 3.2: Maklumat Pelaksanaan Temu Bual Bersama Mahasiswa
Institusi Pengajian Tinggi**

No	Informan	Tarikh	Masa (MYT)⁶	Tempoh
1	Informan 1	13 Januari 2023	10.15 – 11.01	46 Minit
2	Informan 2	13 Januari 2023	14.40 – 15.26	46 Minit
3	Informan 3	13 Januari 2023	21.30 – 22.18	48 Minit
4	Informan 4	19 Januari 2023	14.40 – 15.25	45 Minit
5	Informan 5	21 Januari 2023	08.40 – 09.26	46 Minit
6	Informan 6	1 Januari 2023	10.00 – 10.53	53 Minit
7	Informan 7	1 Januari 2023	14.00 – 14.41	41 Minit
8	Informan 8	2 Januari 2023	12.10 – 12.59	49 Minit
9	Informan 9	2 Januari 2023	21.00 – 21.45	45 Minit
10	Informan 10	7 Januari 2023	17.30 – 18.24	54 Minit
11	Informan 11	5 Januari 2023	11.50 – 12.32	42 Minit
12	Informan 12	5 Januari 2023	20.30 – 21.18	48 Minit
13	Informan 13	7 Januari 2023	19.50 – 20.32	42 Minit
14	Informan 14	8 Januari 2023	14.10 – 14.52	42 Minit
15	Informan 15	18 Januari 2023	17.30 – 18.12	42 Minit
16	Informan 16	3 Januari 2023	14.00 – 14.44	44 Minit
17	Informan 17	3 Januari 2023	21.00 – 21.43	43 Minit
18	Informan 18	4 Januari 2023	14.40 – 15.29	49 Minit
19	Informan 19	12 Januari 2023	16.10 – 16.51	41 Minit
20	Informan 20	31 Januari 2023	14.00 – 14.43	43 Minit

Sumber: Olahan Pengkaji.

Temu bual dijalankan bagi mencapai objektif ketiga, iaitu mencadangkan *had al-kifayah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi dengan menganalisa perbelanjaan bulanan mahasiswa. Kaedah persampelan yang digunakan pada kajian ini adalah persampelan kelompok dan persampelan bertujuan. Kelompok sampel dibahagi berdasarkan lokasi universiti

⁶ Temu bual dijalankan daripada Bogor, Indonesia. Masa Malaysia (MYT) adalah masa di Bogor + 1 jam.

penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), iaitu bandar dan luar bandar serta universiti kerajaan dan universiti bukan kerajaan.

Secara rumusannya, soalan temu bual yang dibuat dipecahkan kepada dua set soalan. Set soalan yang pertama adalah soalan-soalan yang ditanyakan kepada Ketua Bahagian Pengagihan dan Pendayagunaan Zakat, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Set soalan yang kedua pula ialah soalan yang ditanyakan kepada mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).

Segala maklumat berkaitan soalan-soalan yang ditanyakan boleh dilihat pada jadual di bawah:

Jadual 3.3: Set Soalan-soalan Yang Ditanyakan Kepada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Bhg.	Tema Soalan
A	Latar belakang Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)
B	Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia
C	Pemantauan Ke Atas Penerima Biasiswa Zakat

Sumber: Ilustrasi Pengkaji.

Bahagian A daripada set soalan kepada Ketua Bahagian Pengagihan dan Pendayagunaan Zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah untuk mendapatkan latar belakang Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Latar belakang Baitulmaal Muamalat Indonesia perlu ditanyakan bagi mengetahui sejarah penubuhan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) serta program agihan zakat pendidikan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

Soalan bahagian B pula ialah bagi mendapatkan informasi mengenai pelaksanaan biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin. Matlamat daripada soalan bahagian B ialah untuk mengetahui prosedur pelaksanaan biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), kriteria penerima biasiswa, universiti

yang kolaborasi dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), serta manfaat yang diberikan kepada penerima biasiswa.

Manakala soalan bahagian C ialah untuk mendapatkan informasi mengenai pemantauan beraswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Matlamat daripada soalan bahagian C ialah untuk mengetahui prosedur pelaksanaan pemantauan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada penerima beraswa.

Jadual 3.4: Set Soalan-soalan Yang Ditanyakan Kepada Penerima Biasiswa Zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Bhg.	Tema Soalan
A	Demografi Responden
B	Sumber Kewangan Untuk Pengajian
C	Pola Penggunaan Bantuan Zakat
D	Perbelanjaan Bulanan Informan

Sumber: Ilustrasi Pengkaji.

Bahagian A daripada set soalan yang ditanyakan kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi ialah untuk mendapatkan informasi demografi responden seperti jantina, universiti serta fakulti. Hal tersebut perlu ditanyakan bagi mengetahui informasi umum daripada informan.

Soalan bahagian B pula ialah bagi mendapatkan informasi sumber kewangan untuk pengajian informan. Matlamat daripada soalan bahagian ini ialah untuk mengetahui sumber kewangan informan daripada biasiswa zakat, biasiswa non zakat, ibu bapa, serta bekerja sambilan.

Seterusnya ialah soalan bahagian C dibina bagi mendapatkan informasi penggunaan wang zakat oleh mahasiswa. Kategori yang ditanyakan ialah makan dan minum, pendidikan, langganan internet dan telefon, kesihatan, pengangkutan, perlindungan, penjagaan diri, serta pakaian.

Manakala soalan bahagian D ialah untuk mendapatkan informasi mengenai perbelanjaan bulanan sebenar mahasiswa secara keseluruhan. Kategori yang ditanyakan

pada bahagian ini ialah makan dan minum, pendidikan, langganan internet dan telefon, kesihatan, pengangkutan, perlindungan, penjagaan diri, serta pakaian. Informasi yang didapat daripada bahagian ini menjadi asas untuk analisa *had al-kifāyah* mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

3.5. Kesahan Instrumen Kajian

Menurut Noraini Idris, sebelum proses pengumpulan data dijalankan, kesahan perlu dilakukan terlebih dahulu ke atas instrumen kajian yang digunakan untuk menilai sejauh mana instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya perlu diukur.⁷ Bagi kajian ini, hanya instrumen temu bual sahaja yang memerlukan kesahan daripada pakar dalam bidang kajian yang dijalankan. Ini kerana instrumen temu bual digunakan sebagai alat untuk mengumpulkan semua data primer yang diperlukan. Kesahan yang dilakukan bertujuan untuk memastikan semua soalan-soalan temu bual yang ditanyakan kepada informan mampu untuk menjawab semua persoalan kajian yang digariskan bagi mencapai objektif kedua dan ketiga dari penyelidikan ini yang memerlukan hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan.

Oleh itu, pengkaji telah menyiapkan inventori soalan temu bual yang telah disahkan oleh penyelia. Komen yang diterima daripada pakar diambil kira dan diguna pakai bagi memantapkan lagi maksud dan kandungan soalan temu bual sebenar yang digunakan. Hasil perbincangan bersama panel pakar bidang zakat daripada jabatan Ekonomi Syariah, IPB Universiti terdapat beberapa perkara yang perlu dibaiki terhadap soalan-soalan temu bual. Bagi set soalan untuk Ketua Bahagian Pengagihan dan Pendayagunaan Zakat, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), komen yang diberikan oleh pakar ialah penambahan soalan mengenai asnaf fi sabilillah serta soalan mengenai

⁷ Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd, 2010), 440.

kriteria kejayaan program basiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Sejurus inventori soalan temu bual diperbaiki dan disahkan kembali oleh penyelia, barulah pengkaji melaksanakan temu bual pada bulan April 2022 bagi temu bual dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dan Januari 2023 bagi temu bual dengan mahasiswa penerima basiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).

Manakala bagi set soalan kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, terdapat beberapa komen yang diberikan. Komen pertama ialah soalan no. 2 pada bahagian B (sumber kewangan mahasiswa) kata tajaan tukar kepada basiswa non zakat. Kedua ialah soalan bahagian C (pola penggunaan wang zakat) no. 1, soalan yang ditanyakan mengenai penggunaan wang zakat terlalu bersifat umum, padahal soalan-soalan seterusnya sudah menanyakan secara spesifik penggunaan wang zakatnya, sehingga pengkaji menghapus soalan tersebut. Seterusnya ialah soalan bahagian D (perbelanjaan bulanan informan) no. 11, kata pengangkutan harian tukar kepada pengangkutan bulanan, kerana perbelanjaan yang ditanyakan adalah perbelanjaan bulanan. Seterusnya ialah soalan bahagian D no. 12 mengenai perbelanjaan pakaian, soalan mengenai pakaian ada pada bahagian perbelanjaan bulanan tetapi tidak ada dalam bahagian pola penggunaan wang zakat, sehingga pengkaji menambahkan soalan mengenai pakaian pada bahagian C (pola penggunaan wang zakat).

3.6. Kaedah Penganalisaan Data

Kaedah analisis data kajian yang digunakan pada kajian ini bergantung kepada jenis data, sama ada data sekunder mahupun data primer.

3.6.1. Analisis Data Sekunder

Data sekunder pada kajian ini dianalisis menggunakan analisis kandungan dan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif. Data sekunder daripada kajian kepustakaan dikumpul, dikategorikan, dan seterusnya dikelaskan mengikut tema tertentu dan dibuat

rumusan mengenainya. Analisis kandungan dilakukan terhadap bahan-bahan yang dikumpulkan untuk kajian ini, iaitu artikel-artikel jurnal.

3.6.2. Analisis Data Primer

Segala maklumat yang diperolehi daripada temu bual terhadap Ketua Jabatan Pengagihan dan Daya Guna Zakat, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) serta daripada temu bual terhadap mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif. Setelah semua informan berjaya ditemubual, langkah pertama yang diambil sebelum memulakan penganalisaan data ialah membuat transkripsi temu bual, iaitu menterjemahkan segala maklumat daripada rakaman temu bual kepada penulisan. Pengkaji mengambil masa selama dua bulan daripada bulan Januari sehingga bulan Februari 2023 untuk menyiapkan semua transkripsi temu bual dengan mahasiswa.

Proses yang seterusnya yang dilakukan oleh pengkaji ialah membaca semua data dan transkripsi temu bual yang telah dibuat. Matlamat daripada proses ini ialah untuk mendapatkan gambaran umum tentang informasi serta merenungkan maknanya secara keseluruhan.⁸

Proses yang ketiga yang dilakukan oleh pengkaji ialah proses pengekodan. Semasa pengekodan dibuat, pengkaji membaca transkripsi temu bual secara berulang kali bagi membuat kod-kod. Selepas kod-kod dibuat, pengkaji menyatukan kod-kod yang sama dalam satu bahagian yang khas dan dibuat dalam jadual. Pengkaji kemudiannya memberi nama setiap bahagian kod bersesuaian dengan isi yang terkandung di dalamnya seperti perkara-perkara berkaitan berapa banyak kos yang dikeluarkan untuk membeli buku rujukan, membeli alat tulis dan mencetak tugas yang diberi tajuk kod pengeluaran belanja bagi pendidikan dan lain-lain lagi. Kod-kod


⁸ John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (London: SAGE Publications, Inc, 2009), 172 – 173.

tersebut meliputi pengeluaran belanja makan dan minum, kekerapan makan, pengeluaran belanja pendidikan, pengeluaran belanja untuk melanggan internet, pengeluaran belanja pengangkutan, pengeluaran belanja perlindungan, pengeluaran belanja untuk utiliti, pengeluaran belanja kesihatan, pengeluaran belanja penjagaan diri dan pengeluaran belanja pakaian.

Pada proses yang keempat, pengkaji sudah beralih daripada memberi perhatian kepada kerja-kerja pengkodan kepada kerja-kerja mencari tema. Kod-kod yang telah dibuat digunakan untuk membuat tema atau kategori. Tema-tema ini adalah tema-tema yang muncul sebagai temuan utama dalam kajian ini. Tema-tema tersebut meliputi pelaksanaan program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), kriteria-kriteria kelayakan penerima, prosedur agihan biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin, pemantauan ke atas program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), latar belakang mahasiswa, penggunaan wang zakat oleh mahasiswa, serta jenis perbelanjaan mahasiswa.

Proses yang terakhir ialah persembahan data. Pada peringkat ini pengkaji menyusun data dalam susunan maklumat yang padat atau bermakna supaya kesimpulan dapat dibuat dengan mudah. Pada peringkat ini pengkaji mempersebahkan data dengan cara yang bersistematik dan jelas untuk memaparkan data agar mudah difahami. Persebahaan data pula dilakukan dengan menggunakan perkataan, rajah, jadual dan bentuk huraihan. Pada peringkat ini pula pengkaji akan mentafsir dan megulas dapatan kajian berdasarkan kepada data-data yang diperolehi. Peringkat-peringkat penganalisaan data primer pada kajian ini adalah seperti yang dipaparkan dalam gambar rajah 3.2 di bawah ini:

Rajah 3.2: Peringkat-Peringkat Penganalisaan Data Primer



Sumber: *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*.⁹

3.7. Kesimpulan

Dalam kajian ini, kaedah penyelidikan kualitatif digunakan. Bagi data-data primer, kaedah yang digunakan ialah temu bual semi struktur. Manakala untuk mendapatkan data-data sekunder pula ialah melalui kaedah analisis kandungan daripada bahan yang diterbitkan dan tidak diterbitkan. Seorang informan yang berautoriti di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ditemu bual bagi mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan agihan zakat pendidikan kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

⁹ John W. Creswell, *Research Design* : , 172.

Sedangkan seramai dua puluh orang informan pula ditemui bual dari kalangan mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Data yang diperolehi daripada temu bual dengan informan yang berautoriti di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mencapai objektif kedua, iaitu menjelaskan pelaksanaan program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin. Manakala data yang diperolehi daripada temu bual dengan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi dianalisis menggunakan analisis tematik dan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif bagi mencapai objektif ketiga, iaitu mencadangkan *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

BAB 4
PELAKSANAAN PROGRAM BIASISWA
OLEH BAITULMAAL MUAMALAT INDONESIA (BMM)
KEPADASNAF FAKIR DAN MISKIN

4.1. Pengenalan

Pada bab 4 ini akan dihuraikan mengenai pelaksanaan program basiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin yang meliputi kriteria kelayakan pemohon, prosedur agihan basiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia serta pemantauan ke atas program basiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia.

4.2. Pelaksanaan Program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Kepada Asnaf Fakir dan Miskin

Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) merupakan Lembaga Amil Zakat nasional (LAZNAS) yang ditubuhkan pada tahun 2000 dan disahkan oleh kerajaan Indonesia dengan tugas utama mengumpul dan mengagihkan dana Zakat, Infak, Sedekah, dan Dana Sosial Keagamaan lainnya (ZIS DSKL). Selain itu, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga merupakan *Nazhir* rasmi yang mengurus dan membangun wakaf produktif ekonomi.¹

Terdapat lima program agihan zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) di bawah kategori pendidikan. Namun hanya satu bentuk bantuan sahaja yang menjadi fokus kajian ini kerana ianya diperuntukan bagi mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, iaitu Biasiswa Baitulmaal Muamalat.

Biasiswa Baitulmaal Muamalat ialah sebuah program daya guna zakat bagi *mustahik* dalam bidang pendidikan untuk tahap sarjana muda. Biasiswa Baitulmaal Muamalat diberi kepada mahasiswa-mahasiswa daripada keluarga fakir dan miskin yang

¹ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.


memiliki prestasi di universitinya. Program ini memiliki matlamat untuk menjadikan mahasiswa agar memiliki jiwa kepimpinan dengan nilai ke-Islaman serta memiliki kemampuan intelektual yang cakap dan menjadi penghafal Al-Qur'an yang bermanfaat untuk agama dan umat.

Biasiswa Baitulmaal Muamalat mula dilaksanakan pada tahun 2019 dengan tempoh masa dua tahun sehingga tahun 2021. Biasiswa Baitulmaal Muamalat diperuntukan bagi mahasiswa sarjana muda semester lima yang termasuk dalam asnaf fakir dan miskin.

4.2.1. Kriteria Kelayakan Pemohon

Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) telah menggariskan beberapa kriteria dalam membuat pertimbangan untuk menentukan sama ada pemohon tersebut layak atau tidak untuk menerima biasiswa Baitulmaal Muamalat. Kriteria-kriteria yang diletakkan oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) adalah ditentukan mengikut ketepatan dan keputusan yang disepakati dalam musyawarat ahli Lembaga Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) itu sendiri. Berikut adalah kriteria-kriteria yang telah diputuskan seperti dalam Rajah 4.1 di bawah:

Rajah 4.1: Kriteria Penerima Manfaat Biasiswa Baitulmaal Muamalat



Sumber: Temu bual²

Secara jelasnya, rajah 4.1 di atas menerangkan tentang kriteria-kriteria yang harus dipenuhi oleh setiap asnaf yang akan membuat permohonan. Kriteria-kriteria yang diletakkan di atas akan diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) sebelum membuat keputusan bagi mahasiswa yang berhak mendapatkan biasiswa Baitulmaal Muamalat. Elemen pertama yang diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah mahasiswa berasal daripada keluarga miskin yang dibuktikan

² Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

dengan Surat Keterangan Tidak Mampu (SKTM)³. Pemilihan ini dibuat kerana biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) diambil daripada bahagian asnaf fakir dan miskin. Apa yang dibuat oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) selari dengan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Tho'in⁴, Arif Rahman Hakim, Suyud Arif dan Hidayah Baisa⁵ yang menyatakan bahawa kriteria mahasiswa yang layak menerima biasiswa zakat ialah mahasiswa daripada keluarga fakir dan miskin.

Manakala elemen kedua yang akan diambil kira ialah tahap pencapaian akademik asnaf, iaitu memiliki purata gred kumulatif minimum 3.0. Kriteria tahap pencapaian akademik asnaf diletakkan bagi mengawal mahasiswa yang akan menerima biasiswa Baitulmaal Muamalat ialah mahasiswa yang memiliki prestasi akademik yang baik.

Elemen seterusnya yang akan diambil kira ialah asnaf yang layak membuat permohonan adalah mahasiswa yang berada pada semester empat akhir atau semester lima awal. Hal tersebut kerana Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) hanya memberikan biasiswa dalam tempoh masa dua tahun sahaja, iaitu daripada semester lima sampai mahasiswa lulus daripada universiti di semester lapan. Namun apabila sekiranya terdapat mahasiswa yang mengambil masa untuk menghabiskan pengajian mereka melebihi daripada semester lapan, maka mereka ini perlu mencari sumber kewangan selain daripada bantuan zakat seperti bekerja sambilan atau mengharapkan sepenuhnya kepada ibu bapa untuk menampung kos pendidikan mereka.

Elemen keempat yang akan diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah penampilan asnaf. Asnaf yang akan membuat permohonan diwajibkan

³ Surat Keterangan Tidak Mampu (SKTM) ialah surat dari pejabat kerajaan yang menandakan bahawa ia adalah dari kalangan miskin.

⁴ Muhammad Tho'in, "Pembentukan Pendidikan Melalui Sektor Zakat," *Jurnal Al-Amwal* Vol. 9, No. 2 (2017), 162 – 175.

⁵ Arif Rahman Hakim, Suyud Arif dan Hidayah Baisa, "Peran Zakat dalam Pembangunan Pendidikan di Kota Bogor (Studi Kasus Pendayagunaan Zakat Pendidikan Dompet Peduli Ummat Daarut Tauhid Cabang Bogor)," *Al-Infaq: Jurnal Ekonomi Islam* Vol. 5, No. 2 (September 2014), 243 – 272.

untuk berpakaian berlandaskan Syariah dan tidak merokok dalam kehidupan sehari-harinya. Kriteria tersebut diletakkan bagi mengawal mahasiswa yang akan menerima bbiasa Baitulmaal Muamalat ialah mahasiswa yang memiliki akhlak yang baik.


Manakala elemen kelima yang akan diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah aktiviti asnaf. Asnaf yang akan membuat permohonan diharuskan untuk aktif dalam persatuan mahasiswa baik di peringkat universiti ataupun persatuan mahasiswa di luar universiti.

Elemen terakhir yang diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah status bbiasa asnaf. Asnaf yang akan membuat permohonan bbiasa Baitulmaal Muamalat tidak dibenarkan menerima sebarang bbiasa lain bagi mengelakkan menerima dua bbiasa secara bersamaan.

4.2.2. Prosedur Agihan Biasa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia

Terdapat empat peringkat pemilihan bagi setiap permohonan zakat di bawah kategori pendidikan Institusi Pengajian Tinggi sebelum ianya diagihkan kepada asnaf yang layak. Matlamat dilakukannya pemilihan mahasiswa ialah agar agihan zakat pendidikan menepati diberikan kepada asnaf yang layak sehingga matlamat dan manfaat daripada program bbiasa zakat dapat betul-betul diterima oleh mahasiswa yang membutuhkan bantuan dana pendidikan. Bagaimana agihan kepada asnaf fakir dan miskin di Institusi Pengajian Tinggi dijalankan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2 berikut:

Rajah 4.2: Carta Aliran Prosedur Agihan Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)



Sumber: Temu bual⁶

Rajah 4.2 di atas telah menjelaskan berkenaan prosedur-prosedur agihan yang dijalankan oleh bahagian agihan zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Peringkat pertama daripada prosedur agihan Biasiswa Baitulmaal Muamalat ialah penetapan universiti. Terdapat dua kriteria yang ditetapkan dalam memilih universiti. Kriteria pertama ialah universiti yang terakreditasi minimum B oleh BAN-PT⁷. Kriteria yang kedua ialah universiti tersebut memiliki fokus di bidang teknologi maklumat, ekonomi syariah, dan pendidikan.⁸

Berdasarkan kriteria tersebut, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) menetapkan 20 universiti di Indonesia yang bekolaborasi dengan Baitulmaal Muamalat

⁶ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

⁷ BAN-PT (Badan Akreditasi Nasional Perguruan tinggi) ialah institusi yang memberi akreditasi kepada Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia.

⁸ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

Indonesia (BMM) dalam mengagihkan Biasiswa Baitulmaal Muamalat (rujuk Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Universiti Kolaborasi Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

NO	UNIVERSITI KERJASAMA
1	Universiti Indonesia (UI)
2	Universiti Amikom Purwokerto
3	Universiti Amikom Yogyakarta
4	IPB Universiti
5	Institut Tazkia
6	Institut Teknologi Bandung (ITB)
7	Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) SEBI
8	Universiti Muhammadiyah Prof. Dr. HAMKA (UHAMKA)
9	Universiti Islam Negeri (UIN) Sumatera Utara
10	Universiti Airlangga (Unair)
11	Universiti Diponegoro
12	Universiti Gadjah Mada
13	Universiti Halu Oleo
14	Universiti Hasanuddin
15	Universiti Islam Indonesia
16	Universiti Islam Malang
17	Universiti Muhammadiyah Malang
18	Universiti Negeri Jakarta (UNJ)
19	Universiti Sumatera Utara (USU)
20	Universiti Telkom

Sumber: Temu bual⁹

Kolaborasi antara Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dengan universiti ada tiga. Pertama ialah proses pemilihan dokumen asnaf pemohon. Universiti melakukan sosialisasi program biasiswa kepada mahasiswa, mengumpulkan dokumen-dokumen dari pemohon, membuat pemilihan dokumen pemohon, serta menentukan pemohon yang layak secara pengurusan dokumen untuk seterusnya temu duga dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Walaupun begitu, berdasarkan temu bual dengan mahasiswa, universiti kurang menguar-uarkan iklan biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia di kalangan mahasiswa, sehingga mahasiswa mendapatkan maklumat

⁹ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

mengenai biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) daripada kawannya. Hal tersebut seperti respon yang diberikan oleh informan 5 dalam kenyataan berikut:

“Saya tahu biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dari kawan saya di persatuan mahasiswa. Jadi saya cadang iklan penerimaan biasiswa tu diuar-uarkan secara luas kepada para mahasiswa.”¹⁰

Kolaborasi yang kedua ialah bimbingan akademik. Universiti sentiasa memantau pencapaian akademik penerima manfaat biasiswa dan secara berkala melaporkan keputusan akademik mahasiswa penerima manfaat biasiswa sebagai pertanggungjawapan bimbingan akademik yang dilakukan oleh universiti. Kolaborasi yang ketiga ialah dalam hal pembayaran yuran pengajian penerima manfaat biasiswa. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) membayar terus kepada universiti wang yuran mahasiswa penerima manfaat biasiswa. Agihan zakat pendidikan berupa yuran pengajian yang terus dibayarkan kepada universiti dinilai telah menepati. Hal tersebut dapat mencegah mahasiswa mengguna pakai wang yuran pengajian tersebut untuk keperluan selain daripada pembayaran yuran pengajian.¹¹

Tahap yang kedua ialah pemilihan penerima manfaat. Pemilihan penerima manfaat ini meliputi pemilihan dokumen dan temu duga. Untuk pemilihan dokumen Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) berkolaborasi dengan pihak universiti untuk mengumpulkan dan memilih dokumen pemohon. Terdapat tujuh syarat dokumen yang harus disediakan oleh pemohon, iaitu:¹²

1. Biodata.
2. Fotostat kad pengenal atau kad pelajar sebagai identiti.
3. Fotostat kad keluarga¹³ sebagai identiti juga.

¹⁰ Informan 5 (Mahasiswa Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkai, 21 Januari 2023.

¹¹ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

¹² Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

¹³ Kad keluarga ialah kad pengenalan yang mengandungi nama-nama dan identiti ahli keluarga.

4. Surat Keterangan Tidak Mampu (SKTM)¹⁴ yang digunakan sebagai instrumen kesahan bahawa ia berasal dari keluarga miskin.
5. Fotostat keputusan akademik dua semester terakhir bagi mengesahkan purata nilai gred kumulatif dengan nilai minimum 3.0.
6. Surat rekomendasi dari fakulti atau universiti bagi mengesahkan bahawa mahasiswa tersebut tidak menerima biasiswa lain.
7. Gambar rumah tempat tinggal orang tua bagi mengesahkan bahawa mahasiswa tersebut benar dari kalangan miskin.

Selepas pemohon dinyatakan layak daripada dokumen yang diberi, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) melakukan temu duga dengan pemohon bagi mendalami dan mengesahkan dokumen-dokumen pemohon serta meninjau ketepatan pemohon dengan kriteria yang ditetapkan. Seterusnya Baitulmaal Mumalat Indonesia (BMM) melakukan mesyuarat bagi menetapkan mahasiswa yang layak menerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Tahap pemilihan yang terakhir ialah penandatanganan kolaborasi dan akad biasiswa antara Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dengan mahasiswa penerima manfaat.

Biasiswa Baitulmaal Muamalat diagihkan daripada bahagian asnaf fakir dan miskin. Kedua asnaf tersebut dipilih kerana Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mengkhususkan agihan biasiswa zakatnya kepada keluarga miskin. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak mengambil daripada bahagian asnaf fi sabilillah kerana secara makna dan kriteria dia akan meluas. Menurut Suruhanjaya Fatwa Majelis Ulama Indonesia dalam Fatwa No. 19 Tahun 1996 merumuskan bahawa memberikan wang zakat untuk keperluan pendidikan termasuk dalam asnaf fi sabilillah dengan alasan bahawa pengertian fi sabilillah menurut sebahagian ulama fiqh dari beberapa mazhab

¹⁴ Surat Keterangan Tidak Mampu (SKTM) ialah surat dari pejabat kerajaan yang menandakan bahawa ia adalah dari kalangan miskin.

dan ulama tafsir adalah “lafaznya umum”.¹⁵ Dalam fatwa tersebut, biasiswa zakat diberi dengan syarat penerima biasiswa zakat memiliki prestasi akademik, diutamakan bagi mereka yang miskin, serta mempelajari ilmu pengetahuan yang memberi manfaat bagi bangsa Indonesia.¹⁶ Jadi secara makna dan kriteria, mahasiswa yang sedang mempelajari ilmu berhak mendapatkan zakat dari bahagian asnaf fi sabillah. Tetapi Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mengkhususkan biasiswa zakatnya hanya untuk mahasiswa dari keluarga miskin.¹⁷

Manfaat yang diterima oleh penerima biasiswa ialah dana pendidikan sesuai jumlah yuran pengajian dengan batas maksimum RM1,500 per semester per mahasiswa, duit poket RM210 per bulan per mahasiswa, serta bimbingan berkala. Baitulmaal Muamalat Indonesia menentukan jumlah dana pendidikan yang diberi dengan batas maksimum RM1,500 berdasarkan purata yuran pengajian di universiti-universiti. Apabila yuran mahasiswa kurang daripada RM1,500, maka dibayar sesuai jumlah yuran mahasiswa tersebut. Namun apabila yuran mahasiswa lebih daripada RM1,500, maka dibayar hanya RM1,500 dan untuk lebihnya ditampung oleh mahasiswa.¹⁸

Manfaat kedua ialah duit poket. Mahasiswa penerima manfaat Biasiswa Baitulmaal Muamalat mendapatkan duit poket RM210 per bulan per mahasiswa yang dibayar melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam akaun bank mahasiswa. Informan mahasiswa pun memberikan kenyataan bahawa ia mendapatkan duit poket RM210 perbulan seperti respon yang diberikan oleh informan 20 dalam kenyataan berikut:

“Saya dapat duit poket daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia RM210 perbulan.”¹⁹

¹⁵ Fatwa Majelis Ulama Indonesia, 1996, (Fatwa No. 19, 1996)

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

¹⁸ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

¹⁹ Informan 20 (Mahasiswa Universiti Amikom Purwokerto), dalam temu bual bersama pengkaji, 31 Januari 2023.

Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) menentukan jumlah duit poket yang diberi berdasarkan purata keperluan mahasiswa yang dianalisis daripada kajian internal Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) oleh ahli Lembaga Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak membuat kajian lapangan dalam penetapan jumlah duit poket yang diberi sehingga Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak melihat perbelanjaan sebenar mahasiswa-mahasiswa mahupun masyarakat. Untuk bandar-bandar seperti Jakarta, Bandung, Medan dan Makasar, kos sara hidupnya lebih besar berbanding luar bandar seperti Yogyakarta, Malang, Kendari, dan lainnya. Elemen yang diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dalam menentukan duit poket yang diberi ialah elemen makanan, pengangkutan, serta kos buku dan alat tulis atau kos pendidikan.²⁰

Penentuan elemen keperluan dasar mahasiswa yang diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) berbeza dengan *had al-kifayah* yang telah ditentukan oleh BAZNAS²¹. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) hanya menggunakan tiga item dari tujuh item yang ditetapkan oleh BAZNAS, iaitu makanan, pendidikan serta pengangkutan dan tidak mengguna pakai item perlindungan, pakaian, ibadah, serta kesihatan. Hal tersebut kerana untuk kesihatan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) memiliki andaian bahawa tiap-tiap kampus mempunyai klinik kesihatan yang percuma bagi mahasiswanya. Manakala untuk pakaian, Baitulmaal Muamalat Indonesia tidak mengambil kira kerana belum menjadi keutamaan bagi Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).²²

Seterusnya, manfaat yang diterima oleh mahasiswa ialah bimbingan berkala. Terdapat tujuh bimbingan yang diterima oleh penerima manfaat biasiswa. Bimbingan

²⁰ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

²¹ BAZNAS ialah Badan Amil Zakat Nasional

²² Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

yang pertama ialah bimbingan kepimpinan. Kegiatan yang dilakukan terkait bimbingan kepimpinan ialah perbincangan kumpulan, latihan, ceramah inspirasi serta lawatan kepada tokoh. Bimbingan yang kedua ialah bimbingan ke-Islaman. Bimbingan ke-Islaman yang diberi oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah bimbingan Tahsin Al-Qur'an. Matlamat dari bimbingan Tahsin ialah agar mahasiswa dapat membaca Al-Qur'an dengan betul. Selain daripada bimbingan Tahsin Al-Qur'an, mahasiswa juga mendapatkan bimbingan syariah seperti bimbingan syariah di Dewan Pengawas Syariah (DPS) Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).²³

Bimbingan yang seterusnya ialah bimbingan kesukarelawanan. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) memberi cabaran kepada mahasiswa untuk membuat projek sosial dan aktiviti sosial di wilayah atau kampus masing-masing. Projek dan aktiviti sosial yang dibuat oleh mahasiswa ialah perpustakaan kecil, kumpulan sosial, pengumpulan dana, dan lainnya. Bimbingan yang keempat ialah bimbingan Ekonomi Syariah. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) merupakan bahagian daripada ekosistem Ekonomi Syariah, sehingga mahasiswa juga diberi pemahaman mengenai Ekonomi Syariah. Mahasiswa diberi bimbingan mengenai asas perbankan syariah, bimbingan Ekonomi Syariah secara umum dan lainnya.²⁴

Bimbingan yang kelima ialah bimbingan penulisan. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mencabar mahasiswa untuk menulis di media-media dalam talian yang percuma dari pendapat dan fikiran-fikiran mereka dan mereka melaporkan kepada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) sebagai pembimbang. Bimbingan yang seterusnya ialah bimbingan karakter. Bimbingan karakter diberi dalam bentuk seminar yang diisi oleh para pembimbang bimbingan karakter dari Baitulmaal Muamalat

²³ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

²⁴ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

Indonesia (BMM). Bimbingan yang terakhir ialah penguatan institusi, iaitu pengenalan mengenai Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).²⁵

4.3. Pemantauan Ke Atas Program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) melakukan pemantauan kepada mahasiswa penerima manfaat biasiswa zakat secara berkala. Pemantauan yang dilakukan oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) termasuk pula penilaian kepada para mahasiswa yang menerima biasiswa Baitulmaal Muamalat. Dalam konteks pemantauan dan penilaian, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) membuat instrumen laporan dalam talian. Mahasiswa dibuatkan pautan untuk laporan aktiviti bulanan setiap bulan. Perkara yang dilaporkan ialah aktiviti organisasi, aktiviti akademik serta aktiviti sosial.

²⁶ Selain daripada laporan dalam talian, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga melakukan perkongsian yang mendalam dengan mahasiswa penerima manfaat biasiswa. Dalam perkongsian yang mendalam mahasiswa diberi kesempatan untuk bercerita dan bertanya. Bagi mahasiswa yang malu untuk bercerita dalam forum perkongsian mendalam, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga menyediakan bimbingan personal dengan para pembimbing di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).²⁷

Selain daripada pemantauan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga melakukan penilaian kepada para mahasiswa penerima biasiswa zakat. Penilaian dilakukan dengan dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah penilaian kumpulan perkampus selepas mahasiswa melakukan aktiviti, misalnya aktiviti kesukarelawanan atau aktiviti rancangan bual bicara (*talkshow*). Manakala kaedah yang kedua ialah

²⁵ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

²⁶ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

²⁷ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

penilaian secara personal apabila ada mahasiswa yang menyalahi peraturan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), seperti *dating* atau merokok, ataupun purata nilai gred kumulatifnya tidak mencapai 3.0. Untuk mahasiswa yang tidak mencapai purata nilai gred kumulatif minimum, iaitu 3.0, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) akan melakukan bimbingan kepada mahasiswa agar mahasiswa dapat membuat pemberian nilai di semester hadapan. Namun apabila mahasiswa melakukan kesalahan besar seperti *dating* ataupun merokok, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) akan terus memutuskan biasiswa zakat mahasiswa tersebut.²⁸

Seterusnya Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) menetapkan empat kriteria keberhasilan program biasiswa zakat. Kriteria yang pertama ialah mahasiswa dapat menamatkan pengajiannya daripada universiti pada masa yang tepat, iaitu dalam masa empat tahun. Hal itu kerana matlamat daripada program biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah membantu mahasiswa dari keluarga fakir dan miskin untuk dapat menamatkan pengajiannya di Institusi Pengajian Tinggi.²⁹ Daripada analisis yang dijalankan oleh pengkaji, program biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dapat dinilai berjaya kerana semua mahasiswa telah menamatkan pengajiannya di Institusi Pengajian Tinggi tepat pada masanya iaitu akhir daripada semester lapan pengajian.

Kriteria yang kedua ialah mahasiswa memiliki jiwa kepimpinan yang baik. Kriteria seterusnya adalah memiliki pengetahuan ke-Islaman. Dalam hal pengetahuan ke-Islaman, mahasiswa minimum boleh membaca Al-Qur'an dengan pemahaman-pemahaman Islam yang baik. Manakala kriteria yang terakhir ialah menjadi mahasiswa yang berkarakter, iaitu disiplin dan tangguh.³⁰

²⁸ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

²⁹ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

³⁰ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

Dalam mengagihkan bbiasiswa zakat, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mengalami tiga cabaran. Cabaran yang pertama ialah bbiasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) diagihkan semasa pandemik covid 19, sehingga Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak dapat melakukan bimbingan secara bersemuka dengan mahasiswa penerima bbiasiswa zakat. Sedangkan bimbingan bersemuka adalah diperlukan. Sebab Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak dapat bersemuka dengan mahasiswa penerima bbiasiswa zakat, sehingga pembimbing daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak mengenali mahasiswa secara fizikal. Manakala cabaran yang terakhir ialah Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak dapat melakukan penilaian secara bersemuka dengan pihak universiti.³¹

Untuk agihan bbiasiswa zakat di masa hadapan, Baitulmaal Muamalat Indonesia memiliki empat rancangan. Rancangan yang pertama ialah mengagihkan bbiasiswa zakat dalam konteks pandemik. Rancangan yang kedua ialah dalam hal bimbingan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) akan menyesuaikan dengan kondisi pandemik covid 19, seperti membuat seminar dalam talian. Seterusnya ialah Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) akan melihat semula anggaran operasional bbiasiswa zakat semasa pandemik covid 19. Rancangan yang terakhir ialah Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) akan melihat semula sasaran bidang yang semula teknologi maklumat, ekonomi syariah dan pendidikan kepada potensi bidang yang lain dengan matlamat untuk pengedaran yang merata.³²

³¹ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

³² Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

4.4. Kesimpulan

Biasiswa Baitulmaal Muamalat ialah program agihan zakat di Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia yang diadakan oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mengagihkan daripada bahagian asnaf fakir dan miskin serta tidak mengagihkan daripada bahagian asnaf fi sabilillah. Biasiswa Baitulmaal Muamalat diberi kepada mahasiswa sarjana muda dari 20 Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia pada bidang pengajian teknologi maklumat, ekonomi syariah serta pendidikan. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) melakukan pemantauan dan penilaian kepada mahasiswa penerima manfaat biasiswa zakat secara berkala.

BAB 5

HAD AL-KIFĀYAH MAHASISWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

5.1. Pengenalan

Pada bab 5 ini akan menjelaskan mengenai objektif ketiga kajian ini, iaitu mencadangkan *had al-kifāyah* mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia dengan menganalisis perbelanjaan bulanan mahasiswa penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Secara rinci pada bab ini akan menjelaskan mengenai taburan demografi mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia, bentuk agihan zakat pendidikan di Baitulmaal Muamalat Indonesia, penggunaan wang zakat oleh mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia, perbelanjaan bulanan mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia serta cadangan *had al-kifāyah* mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

5.2. Taburan Demografi Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Informan daripada kajian ini ialah berasal dari empat universiti di Indonesia yang berkolaborasi dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Universiti tersebut ialah Universiti Negeri Jakarta (UNJ) yang dipilih kerana berada di bandar dan mewakili universiti kerajaan. Kedua ialah Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi yang dipilih kerana berada di bandar serta mewakili universiti bukan kerajaan. Manakala Universiti Halu Oleo dipilih kerana berada di luar bandar dan mewakili universiti kerajaan. Terakhir Universiti Amikom Purwokerto dipilih kerana berada di luar bandar serta mewakili universiti bukan kerajaan. Pengkaji telah menetapkan lima orang informan mewakili bagi setiap universiti.

Jadual 5.1: Profil Demografi Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Profil Informan	Bilangan (%)
Universiti	
<i>Universiti Negeri Jakarta</i>	5 (25)
<i>Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI)</i>	5 (25)
<i>SEBI</i>	
<i>Universiti Halu Oleo</i>	5 (25)
<i>Universiti Amikom Purwokerto</i>	5 (25)
Jantina	
<i>Lelaki</i>	10 (50)
<i>Perempuan</i>	10 (50)
Tempat Kediaman	
<i>Rumah Keluarga</i>	13 (65)
<i>Rumah Sewa</i>	7 (35)
Sumber Kewangan	
<i>Zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)</i>	20 (100)
<i>Biasiswa</i>	0 (0)
<i>Ibu Bapa</i>	11 (55)
<i>Bekerja Sambilan</i>	9 (45)

Sumber: Temu bual

Jadual 5.1 di atas menunjukkan profil demografi informan yang terlibat dalam temu bual yang dijalankan. Semua informan merupakan penerima zakat pendidikan daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) yang berasal dari empat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Indonesia yang berkolaborasi dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Oleh kerana bantuan yang diberikan itu tidak mencukupi untuk menampung semua keperluan mahasiswa, maka sebahagian besar mahasiswa didapati juga menerima bantuan dan pendapatan daripada sumber tambahan selain zakat, seperti ibu bapa dan bekerja sambilan. Hal tersebut seperti hasil dapatan kajian daripada Norly Marlia Kamaruddin, et al.¹ mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa ijazah sarjana muda daripada Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi di

¹ Norly Marlia Kamaruddin, Noor Azlin Mohd Kasim, Sarimah Ahmad dan Anis Suziana Safaruzaman, “Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi di Kolej Universiti Islam Melaka Melakukan Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian,” *Journal of Business Innovation* Vol. 6 (2021), 104 – 112.

Kolej Universiti Islam Melaka melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian. Dapatan kajian menyatakan bahawa mahasiswa Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian iaitu bagi mendapatkan sumber kewangan dan ingin mengisi masa lapang. Kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat mendorong mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi mengambil keputusan untuk bekerja sambil belajar. Masalah kewangan isi rumah mendesak mereka untuk mencari wang tambahan bagi menampung kehidupan mereka di univesiti bagi membayar sewa penempatan, belanja makanan serta membayar yuran pengajian.

Manakala untuk biasiswa selain daripada biasiswa zakat tidak ada mahasiswa yang mendapatkannya kerana daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) tidak membolehkan mahasiswa menerima biasiswa lain.

5.3. Bentuk Agihan Zakat Pendidikan di Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah program agihan zakat di Institusi Pengajian Tinggi di Indonesia yang diadakan oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Biasiswa ini diperuntukan bagi mahasiswa sarjana muda semester lima yang termasuk dalam asnaf fakir dan miskin. Berdasarkan maklumat yang diterima, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) hanya memberikan bantuan untuk tempoh dua tahun pengajian sahaja bagi mahasiswa, iaitu daripada semester lima sampai lulus pada semester lapan. Namun ada seorang mahasiswa daripada Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi yang dapat menamatkan pengajian pada akhir semester tujuh, sehingga hanya mendapatkan biasiswa selama tiga semester, iaitu informan 14 seperti dalam kenyataan berikut:

“Biasiswa itu diberikan sampai dengan semester lapan, tetapi alhamdulillah semester tujuh sudah selesai.”²

² Informan 14 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 2 Januari 2023.

Manfaat yang diterima oleh penerima biasiswa ialah dana pendidikan sesuai jumlah yuran pengajian dengan batas maksimum RM1,500 per semester bagi setiap mahasiswa, duit poket RM210 per bulan bagi setiap mahasiswa, serta bimbingan berkala. Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) menentukan jumlah dana pendidikan yang diberi dengan jumlah maksimum RM1,500 berdasarkan purata yuran pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. Apabila yuran yang dikenakan kurang daripada RM1,500, maka dibayarkan sesuai jumlah yuran mahasiswa tersebut. Namun apabila yuran mahasiswa melebihi daripada RM1,500, maka dibayarkan hanya RM1,500 dan selebihnya akan dibayar oleh mahasiswa.

Manfaat kedua yang diterima oleh mahasiswa ialah duit poket bulanan. Mahasiswa penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mendapatkan duit poket RM210 per bulan per mahasiswa yang dibayarkan melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke dalam akaun bank mahasiswa.

Manfaat seterusnya yang diterima oleh mahasiswa ialah ialah bimbingan berkala. Terdapat tujuh bimbingan yang diterima oleh penerima manfaat biasiswa. Bimbingan yang pertama ialah bimbingan kepimpinan. Bimbingan yang kedua ialah bimbingan ke-Islaman, iaitu Tahsin Al-Qur'an. Bimbingan yang seterusnya ialah bimbingan kesukarelawanan. Bimbingan yang keempat ialah bimbingan Ekonomi Syariah. Bimbingan yang kelima ialah bimbingan penulisan. Bimbingan yang seterusnya ialah bimbingan karakter. Serta bimbingan yang terakhir ialah penguatan institusi, iaitu pengenalan mengenai Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada mahasiswa.³

³ Temu bual dengan Encik Jahidin, Kepala Divisi Pendistribusian dan Pendayagunaan, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), di dalam talian *Zoom Meeting*, 13 April 2022.

5.4. Penggunaan Wang Zakat oleh Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal

Muamalat Indonesia (BMM)

Jadual 5.2: Penggunaan Wang Zakat oleh Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Jenis Keperluan/ Informan	Pendidikan	Keperluan Harian Selain Makanan	Makan Minum	Pengangkutan	Perlindungan
Inf. 1	✓				
Inf. 2		✓			✓
Inf. 3	✓	✓	✓	✓	
Inf. 4	✓		✓	✓	
Inf. 5	✓	✓		✓	
Inf. 6	✓		✓	✓	✓
Inf. 7	✓	✓			
Inf. 8	✓	✓	✓	✓	
Inf. 9	✓		✓		
Inf. 10	✓	✓	✓		✓
Inf. 11	✓	✓			
Inf. 12		✓	✓	✓	
Inf. 13		✓	✓		✓
Inf. 14	✓	✓			✓
Inf. 15	✓		✓	✓	
Inf. 16	✓		✓	✓	
Inf. 17	✓	✓		✓	✓
Inf. 18	✓	✓	✓		
Inf. 19	✓	✓	✓	✓	
Inf. 20	✓	✓	✓	✓	✓
Jumlah	17	14	13	11	7

Sumber: Olahan Pengkaji

Merujuk jadual 5.2, pola perbelanjaan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi bagi sampel pelajar di atas diperuntukan untuk makan dan minum, pendidikan, pengangkutan, perlindungan, keperluan harian selain makanan, pakaian dan kesihatan. Namun daripada

senarai perbelanjaan yang disenaraikan, mahasiswa tidak menggunakan duit zakat yang diterima pada dua keperluan, iaitu perbelanjaan pakaian dan perbelanjaan untuk kesihatan. Hal tersebut kerana mahasiswa-mahasiswa telah memiliki insurans daripada kerajaan dan di universiti terdapat klinik kesihatan yang percuma bagi mahasiswa⁴. Untuk pakaian, mahasiswa tidak memerlukan daripada duit poket yang diterima kerana tidak menjadi keperluan yang utama bagi mereka. Selain daripada itu, pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi tidak ada pakaian seragam yang harus disediakan oleh mahasiswa. Sehingga kos pakaian tidaklah diutamakan daripada duit poket yang diterima oleh mahasiswa.

Jadual 5.2 menunjukkan pola penggunaan duit poket yang diberi daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) oleh mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Daripada jadual di atas, dapat dilihat bahawa mahasiswa menggunakan duit poket daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk lima keperluan, iaitu pendidikan, keperluan harian selain makanan yang meliputi kos penjagaan diri serta kos untuk melanggan internet, makan dan minum, pengangkutan serta perlindungan.

Berpandukan daripada Jadual 5.2 di atas, seramai 17 orang mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi membelanjakan wang yang mereka terima daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk keperluan pendidikan bagi menyokong pengajian mereka. Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa untuk pendidikan ialah membeli buku rujukan pengajian, kos mencetak tugas, kos fotostat dan membeli alat tulis. Ini berdasarkan daripada respons yang diberikan oleh informan 4 seperti dalam kenyataan berikut:

“Selepas saya terima duit daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), saya gunakan untuk pendidikan, untuk keperluan pengajian saya dahulu.”⁵

⁴ “Berapa Biaya Pelayanan Kesehatan yang ditanggung Anggota?” laman sesawang *Gadjah Mada Medical Center*, dicapai 5 Disember 2023, <https://gmc.ugm.ac.id/biaya-pelayanan-gmc/>

⁵ Informan 4 (Pelajar Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 19 Januari 2023.

Perbelanjaan mahasiswa untuk pendidikan yang pertama ialah membeli buku rujukan pengajian seperti kenyataan yang diberikan oleh informan 11:

“Kalaupun peruntukan daripada duit poket yang diterima daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) biasa saya belikan buku untuk pengajian saya.”⁶

Perbelanjaan pendidikan oleh mahasiswa yang seterusnya ialah untuk mencetak tugas pengajian seperti kenyataan yang diberikan oleh informan 7:

“Duit poket daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) lebih banyak saya gunakan untuk mencetak tugas kerana untuk buat penyeliaan dengan pensyarah subjek pengajian.”⁷

Seramai 14 orang mahasiswa juga mengeluarkan perbelanjaan daripada duit poket yang diterima daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk melanggan internet bagi memuat turun material pengajian daripada pensyarah serta belanja keperluan penjagaan diri seperti sabun mandi, syampu, ubat gigi, sabun basuh baju dan pencuci pinggan. Ini berdasarkan daripada respons yang diberikan oleh informan 12 seperti dalam kenyataan berikut:

“Duit poket dari Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga saya gunakan untuk melanggan internet.”⁸

Respons yang sama diberikan oleh informan 3 seperti dalam kenyataan di bawah:

“Saya melanggan internet RM20 sebulan. Duit tu saya guna dari Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) bahagi.”⁹

Informan 5 turut memberikan respons seperti dalam kenyataan berikut:

“Saya belanja keperluan penjagaan diri guna duit dari Baitulmaal Muamalat Indonesia. Biasa saya belanja untuk sabun mandi, syampu dan ubat gigi dalam RM30 untuk satu bulan.”¹⁰

Seterusnya, seramai 13 orang mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi membelanjakan wang yang diterima daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

⁶ Informan 11 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 1 Januari 2023.

⁷ Informan 7 (Pelajar Universiti Halu Oleo), dalam temu bual bersama pengkaji, 5 Januari 2023.

⁸ Informan 12 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 1 Januari 2023.

⁹ Informan 3, (Mahasiswa Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Januari 2023.

¹⁰ Informan 5 (Mahasiswa Universiti Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 21 Januari 2023.

untuk keperluan makan dan minum. Hal tersebut seperti kenyataan yang diberikan oleh informan 12:

*“Biasanya duit poket daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) saya gunakan untuk membeli makan ketika pergi universiti.”*¹¹

Informan 16 turut memberi kenyataan seperti berikut:

*“Daripada duit poket Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) saya belanja untuk makanan dan minuman RM100 untuk satu bulan. Saya biasa beli makan dekat kedai makan di luar ataupun dekat kantin universiti.”*¹²

Informan 3 pula memberi kenyataan sepeti di bawah:

*“Semasa saya terima basiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), saya gunakan duit poket tu untuk belanja makan saya ketika pergi universiti. Biasa saya gunakan dari duit poket tu RM100 untuk belanja makan saya.”*¹³

Perbelanjaan mahasiswa daripada bantuan yang didapat yang seterusnya ialah perbelanjaan untuk pengangkutan. Seramai 11 orang mahasiswa membelanjakan wang yang diperolehi daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk keperluan pengangkutan. Bagi mahasiswa yang menggunakan kenderaan sendiri, iaitu motorsikal, maka perbelanjaan yang dikeluarkan ialah bagi tujuan mengisi minyak petrol kenderaan. Manakala mahasiswa yang tidak memiliki kenderaan sendiri, maka perbelanjaan yang dikeluarkan untuk pengangkutan adalah bagi membayar tambang pengangkutan awam ataupun tambang pengangkutan dalam talian. Hal tersebut seperti respon yang diberikan oleh informan 15 pada kenyataan di bawah:

*“Untuk pergi ke tempat pengajian biasa saya menggunakan motorsikal. Biasa satu bulan saya isi minyak petrol RM50 dari duit poket basiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).”*¹⁴

Informan 10 turut memberikan respons seperti dalam kenyataan berikut:

*“Pergi ke tempat pengajian biasa saya menggunakan pengangkutan awam. Untuk tambang pengangkutan awam tu saya guna duit poket daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia.”*¹⁵

¹¹ Informan 12 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 1 Januari 2023.

¹² Informan 16 (Mahasiswa Universiti Amikom Purwokerto), dalam temu bual bersama pengkaji, 3 Januari 2023.

¹³ Informan 3 (Mahasiswa Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Januari 2023.

¹⁴ Informan 15 (Mahasiswa Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 7 Januari 2023.

¹⁵ Informan 10 (Mahasiswa Universiti Halu Oleo), dalam temu bual bersama pengkaji, 7 Januari 2023.

Informan 16 pula memberikan respons seperti di bawah:

“Dari rumah pergi ke tempat pengajian saya menggunakan motorsikal. Untuk isi minyak petrol dan baiki motorsikal saya gunakan duit daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM).”¹⁶

Perbelanjaan mahasiswa daripada bantuan yang diterima daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) yang seterusnya ialah perlindungan bagi membayar sewa penempatan dan kos utiliti, iaitu bil air dan bil api. Seramai 7 orang mahasiswa yang menggunakan duit poket daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk perbelanjaan perlindungan seperti kenyataan yang diberikan oleh informan 14 dalam temu bual:

“Selepas dibantu oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) alhamdulillah sangat terbantu terutama dipembayaran rumah sewa.”¹⁷

Informan 2 turut memberikan respons seperti di bawah:

“Daripada duit poket yang saya dapat dari Baitulmaal Muamalat Indonesia, saya gunakan untuk membayar rumah sewa RM150 sebulan sekali dengan bil air dan bil api.”¹⁸

Informan 6 pula memberikan respons seperti di bawah:

“Kalau dari duit poket tu saya gunakan untuk membayar rumah sewa RM100 sebulan sekali dengan bil api dan bil air.”¹⁹

Secara umumnya, kos yang dikeluarkan oleh mahasiswa terbahagi kepada dua kategori, iaitu kos untuk sara hidup dan kos untuk pendidikan. Namun, pola penggunaan duit zakat daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga bergantung kepada keadaan dan status diri mahasiswa itu seperti jantina, bidang pengajian, sumber kewangan dan status penginapan mahasiswa sama ada di rumah keluarga atau rumah sewa.

Secara rumusannya, pola penggunaan duit zakat daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) oleh mahasiswa terdapat tiga pola penggunaan. Penggunaan yang

¹⁶ Informan 16 (Mahasiswa Universiti Amikom Purwokerto), dalam temu bual bersama pengkaji, 3 Januari 2023.

¹⁷ Informan 14 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 2 Januari 2023.

¹⁸ Informan 2 (Pelajar Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Januari 2023.

¹⁹ Informan 6 (Mahasiswa Universiti Halu Oleo), dalam temu bual bersama pengkaji, 5 Januari 2023.

pertama, peruntukan utama daripada duit zakat ialah untuk keperluan makan dan minum. Pola penggunaan yang kedua, peruntukan utama daripada duit zakat ialah untuk pendidikan. Manakala pola penggunaan yang terakhir, peruntukan utama daripada duit zakat ialah untuk perlindungan iaitu membayar rumah sewa dan utiliti.

5.5. Perbelanjaan Bulanan Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)

Penetapan *had al-kifāyah* yang tidak selayaknya akan menyebabkan asnaf mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi perlu mendapatkan sumber bantuan kewangan selain daripada institusi zakat. Antara tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk membantu Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) mengemaskini semula jumlah bantuan yang diberikan kepada asnaf mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi agar membantu mengurangkan tekanan yang dialami mahasiswa dalam memenuhi keperluan asasnya. Oleh kerana itu, penting untuk melihat terlebih dahulu perbelanjaan bulanan sebenar asnaf mahasiswa di Institusi pengajian Tinggi dalam Jadual 5.3:

Jadual 5.3: Perbelanjaan Sebenar Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (Bulanan)

Jenis Keperluan/ Informan	Makan Minum (RM)	Keperluan						Defisit	
		Pendidikan (RM)	Kesihatan (RM)	Pengangkutan (RM)	Perlindungan (RM)	Harian Selain Makanan (RM)	Pakaian (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Daripada Duit Zakat (RM)
Inf. 1	90	15	0	60	0	30	45	240	30
Inf. 2	210	0	8	15	135	30	45	443	233
Inf. 3	105	30	0	75	0	21	30	261	51
Inf. 4	165	42	12	60	0	20	0	299	89
Inf. 5	90	30	0	105	0	48	0	273	63
Inf. 6	270	15	0	60	90	36	30	501	291
Inf. 7	120	45	0	0	0	45	15	225	15
Inf. 8	120	45	0	90	21	45	0	321	111
Inf. 9	90	90	0	30	0	18	0	228	18
Inf. 10	120	0	0	30	120	60	30	360	150
Inf. 11	270	45	15	30	0	90	0	450	240
Inf. 12	105	60	0	30	0	45	0	240	30
Inf. 13	60	30	0	15	135	23	0	263	53
Inf. 14	270	45	15	15	66	41	0	452	242

Keperluan/ Informan	Jenis Keperluan/ Informan	Makan Minum (RM)	Keperluan						Defisit	
			Pendidikan (RM)	Kesihatan (RM)	Pengangkutan (RM)	Perlindungan (RM)	Harian Selain Makanan (RM)	Pakaian (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Daripada Duit Zakat (RM)
Inf. 15	105	60	23	45	0	65	0	298	88	
Inf. 16	90	30	0	90	0	30	6	246	36	
Inf. 17	180	30	0	45	83	60	15	413	203	
Inf. 18	150	30	0	36	0	42	6	264	54	
Inf. 19	135	45	0	60	0	30	0	270	60	
Inf. 20	180	60	15	36	90	45	0	426	216	

Sumber: Temu bual

Nota: 1. Nilai yang dipaparkan ialah setelah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM).

2. Nilai pertukaran: RM 1 = 3,233 IDR (Indonesia Rupiah).²⁰

3. Tertakluk kepada nilai pertukaran wang semasa.

4. Informan 1 hingga 10 merupakan mahasiswa Universiti Kerajaan.

5. Informan 11 hingga 20 merupakan mahasiswa Universiti Bukan Kerajaan.

6. Informan 1 hingga 5 merupakan mahasiswa Universiti Kerajaan penempatan bandar.

7. Informan 6 hingga 10 merupakan mahasiswa Universiti Kerajaan penempatan luar bandar.

8. Informan 11 hingga 15 merupakan mahasiswa Universiti Bukan Kerajaan penempatan bandar.

9. Informan 16 hingga 20 merupakan mahasiswa Universiti Bukan Kerajaan penempatan luar bandar.

10. Simbol defisit menandakan kekurangan jumlah tersebut perlu ditampung sendiri oleh mahasiswa.

²⁰ Laman sesawang <https://www.convertworld.com/id/mata-uang/indonesia/idr-myrl.html#700000>, dicapai 8 Jun 2023.

Jadual 5.3 menunjukkan perbelanjaan bulanan sebenar yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi yang merangkumi tujuh keperluan asas, iaitu makan dan minum, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, perlindungan, keperluan harian selain makanan, serta pakaian. Perbelanjaan yang ditunjukkan juga boleh menggambarkan keadaan sebenar mahasiswa-mahasiswa yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi. Ini kerana kaedah pemilihan informan kajian adalah berdasarkan lokasi universiti sama ada di bandar atau luar bandar, serta universiti kerajaan dan bukan kerajaan.

Dapatan daripada temu bual yang dijalankan menunjukkan semua informan memiliki perbelanjaan yang defisit daripada bantuan yang diberi yang biasa disebut dengan defisit belanjawan. Namun jumlah kekurangan tersebut adalah pelbagai mengikut tempat kediaman semasa pengajian. Defisit belanjawan yang ditampung oleh mahasiswa dapat dilihat pada Jadual 5.4 di bawah:

Jadual 5.4: Defisit Perbelanjaan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi berbanding Duit Zakat yang diterima.

No	Jumlah Defisit Perbelanjaan berbanding Duit Zakat yang diterima (RM)	Kekerapan
1	15 – 50	5
2	51 – 100	7
3	101 – 150	2
4	151 – 200	0
5	201 – 250	5
6	251 – 291	1

Sumber: Olahan pengkaji.

Jadual 5.4 menunjukkan defisit belanjawan yang ditampung oleh mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Daripada jadual di atas didapati bahawa mahasiswa paling ramai memiliki defisit belanjawan antara RM51 hingga RM100, iaitu seramai 7 orang. Mahasiswa-mahasiswa pada peringkat defisit belanjawan tersebut adalah mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga. Manakala mahasiswa yang memiliki defisit belanjawan

antara RM201 hingga RM250 adalah mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Hal tersebut disebabkan oleh para mahasiswa mengeluarkan kos untuk sewa penempatan dan juga memiliki perbelanjaan yang lebih tinggi pada perbelanjaan makan dan minum kerana para mahasiswa yang tinggal di rumah sewa kerap makan di luar.

Mahasiswa-mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga berdepan dengan defisit belanjawan yang sedikit berbanding mahasiswa/i yang tinggal di rumah sewa berikutan tidak perlu membayar sewa penempatan kerana tinggal bersama keluarga. Ini boleh dibuktikan seperti perbelanjaan yang dikeluarkan oleh informan 7 dan informan 9 yang merupakan perbelanjaan terendah antara mahasiswa-mahasiswa lainnya. Manakala hasil penelitian pengkaji terhadap perbelanjaan yang ditunjukkan oleh mahasiswa universiti kerajaan, universiti bukan kerajaan, penempatan bandar, serta penempatan luar bandar, menunjukkan kos pengeluaran yang hampir sama pada semua kategori perbelanjaan. Tidak ada perbezaan kos pengeluaran yang ketara antara mahasiswa universiti kerajaan dan universiti bukan kerajaan, serta mahasiswa penempatan bandar dan luar bandar.

Berpandukan daripada dapatan temu bual yang diperoleh, pola perbelanjaan mahasiswa untuk makan dan minum dipengaruhi oleh berapa kali mahasiswa makan sehari dan berapa kerap mahasiswa membeli makan di luar. Namun terdapat perbezaan yang ketara antara mahasiswa-mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dengan mahasiswa-mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Mahasiswa yang tinggal di rumah sewa lebih cenderung untuk kerap makan di luar berbanding mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga. Hal ini kerana mahasiswa/i yang tinggal di rumah keluarga, berpeluang makan di rumah. Malah ada di kalangan mereka yang membawa bekal dari rumah ke tempat pengajian. Ini berdasarkan daripada respons yang diberikan oleh informan 5 seperti dalam kenyataan berikut:

“Kalau pergi ke pengajian saya membawa bekal makan dan minum.”²¹

²¹ Informan 5 (Pelajar Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 21 Januari 2023.

Daripada duit poket yang diterima, peruntukkan bagi makan dan minum yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah RM60 sehingga RM135 sebulan. Informan 13 paling sedikit berbelanja makan dan minum, iaitu hanya RM60 sebulan atau RM2 sehari. Hal tersebut kerana mahasiswa tersebut hanya membeli lauk dan terkadang juga berkongsi dengan kawan. Untuk nasi informan 13 memasaknya di rumah sewa sehingga tidak banyak membeli makanan di luar.

Manakala perbelanjaan tertinggi untuk makan dan minum dikeluarkan oleh informan 6, informan 11 dan informan 14, iaitu sebanyak RM270 sebulan atau RM9 sehari. Hal itu kerana mahasiswa-mahasiswa tersebut kerap membeli makanan di luar dan tidak memasak di rumah sewa sehingga kos yang dikeluarkan untuk keperluan makan dan minum lebih banyak berbanding mahasiswa-mahasiswa lain. Dapatan daripada kajian ini selari dengan dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh Muhammad Zaid Nuriyanto et al.²² mengenai analisis pola perbelanjaan dan gaya hidup mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018 didapati bahawa mahasiswa yang tinggal di rumah sewa dan kerap makan di luar mengeluarkan perbelanjaan yang lebih tinggi dalam hal makanan berbanding mahasiswa lain yang memasak di rumah sewa.

Secara rumusannya, pola perbelanjaan mahasiswa untuk makan dan minum dipengaruhi oleh berapa kali mahasiswa makan sehari dan berapa kerap mahasiswa membeli makanan di luar. Bagi mahasiswa yang tinggal di rumah sewa dan kerap membeli makanan di luar, kos yang dikeluarkan untuk perbelanjaan makan dan minum lebih tinggi berbanding mahasiswa lain. Manakala mahasiswa yang memasak di rumah sewa, kos yang dikeluarkan untuk perbelanjaan makan dan minum adalah lebih rendah berbanding

²² Muhammad Zaid Nuriyanto, Zaenal Abidin, Alif Syahfiar, Fahrul Agil Firmansyah, Wawan Juli Fajar Rianto, Ica Prasetyono, Fahrizal Novan Pahlevi, Fahrudi Ahwan Ikhsan dan Fahmi Arif Kurnianto, “Analisis Pola Konsumsi dan Gaya Hidup Mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018,” *Jurnal Pembelajaran Geografi* Vol. 2, No. 2 (2019), 1 – 13.

mahasiswa lain. Bagi mahasiswa yang tinggal bersama ibu bapa atau keluarga pula, kos yang dikeluarkan untuk perbelanjaan makan dan minum adalah lebih rendah kerana ada masa mahasiswa makan di rumah yang disediakan oleh ibu bapa.

Seterusnya ialah dapatan kajian daripada kategori pendidikan. Berdasarkan dapatan dari temu bual, perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa untuk pendidikan ialah membeli buku rujukan pengajian, kos mencetak tugas dan fotostat dan membeli alat tulis. Untuk yuran pengajian, mahasiswa tidak mengeluarkan kos yuran pengajian kerana yuran pengajian sudah ditampung oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dan terus dibayarkan kepada universiti.

Daripada duit poket yang diterima, peruntukan bagi keperluan pendidikan yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah RM15 sehingga RM93 sebulan. Jumlah paling tinggi yang dibelanjakan oleh mahasiswa bagi keperluan pendidikan sebanyak RM93 sebulan iaitu oleh informan 9. Informan 9 mengeluarkan kos yang tinggi untuk pendidikan kerana membeli buku rujukan untuk pengajian. Seramai dua orang informan tidak membelanjakan wang mereka terhadap keperluan ini, iaitu informan 2 dan informan 10. Informan 2 tidak mengeluarkan kos untuk pendidikan kerana mahasiswa tersebut belajar di bidang kesenian muzik, sehingga tidak ada kos untuk mencetak tugas dan fotostat kerana pengajian lebih kepada praktikal. Untuk informan 10 tidak ada kos yang dikeluarkan untuk pendidikan kerana semasa pengajian berlaku pandemik covid-19 sehingga tidak ada kos yang dikeluarkan untuk mencetak tugas dan fotostat. Petikan jawapan tersebut adalah seperti di bawah ini:

“Masa terima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia, tidak lama terjadi pandemik Covid-19, sehingga tidak ada kos yang dikeluarkan untuk mencetak tugas dan fotostat kerana pengajian dilakukan dalam talian.”²³

Terdapat perbezaan pula antara perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang hanya memiliki satu sumber kewangan, iaitu biasiswa daripada Baitulmaal

²³ Informan 10 (Pelajar Universiti Halu Oleo), dalam temu bual bersama pengkaji, 18 Januari 2023.

Muamalat Indonesia (BMM) dengan mahasiswa yang memiliki lebih daripada satu sumber kewangan, iaitu daripada biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dan daripada ibu bapak mahupun bekerja sambilan. Mereka yang sumber kewangannya hanya daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kurang membelanjakan wang mereka untuk tujuan pendidikan kerana mereka harus membahagi dengan keperluan lain yang lebih utama. Manakala mahasiswa yang mendapatkan sumber kewangan selain daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM), mereka boleh membeli buku rujukan bagi menyokong pengajian mereka. Hal tersebut seperti kenyataan oleh informan 12:

“Biasanya duit poket dari Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) saya gunakan untuk membeli makan ketika pergi universiti, isi minyak motorsikal serta melanggan internet. Penggunaannya hanya itu. Kalau ada keperluan membeli buku rujukan, biasanya wangnya saya kumpul dahulu, diasingkan setiap bulannya. Setelah wang tu kumpul baru saya belanja buku.”²⁴

Secara rumusannya, pola perbelanjaan mahasiswa untuk pendidikan dipengaruhi oleh beberapa faktor, iaitu sumber kewangan serta keperluan terkait buku rujukan. Bagi mahasiswa yang membeli buku rujukan untuk pengajian, kos yang dikeluarkan untuk perbelanjaan pendidikan adalah lebih tinggi berbanding mahasiswa lain yang hanya fotostat materi pengajian, mencetak tugas dan membeli alat tulis. Ada pula mahasiswa yang tidak mengeluarkan sebarang kos untuk pendidikan.

Dapatan kajian yang seterusnya ialah daripada kategori kesihatan. Dapatan menunjukkan mahasiswa hanya membelanjakan kurang daripada RM20 sebulan untuk kesihatan mereka. Bahkan ramai juga mahasiswa yang tidak mengeluarkan langsung belanja untuk kesihatan. Hal tersebut kerana mahasiswa-mahasiswa tersebut telah memiliki insurans daripada kerajaan dan di universiti terdapat klinik kesihatan yang percuma bagi mahasiswa²⁵ serta hanya sebahagian yang melakukan perbelanjaan ubat,

²⁴ Informan 12 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji, 1 Januari 2023.

²⁵ Berapa Biaya Pelayanan Kesehatan yang ditanggung Anggota? laman sesawang *Gadjah Mada Medical Center*, dicapai 5 Disember 2023, <https://gmc.ugm.ac.id/biaya-pelayanan-gmc/>

vitamin atau makanan tambahan (*supplement*) yang dibeli. Ini berdasarkan daripada respons yang diberikan oleh informan 3 seperti dalam kenyataan berikut:

“Alhamdulillah tidak ada yang diperuntukan untuk kesihatan, kerana ada insurans dari kerajaan dan juga saya tidak ada membeli vitamin atau makanan tambahan (supplement).”²⁶

Namun ada mahasiswa yang mengeluarkan kos kesihatan bagi membeli ubat untuk sakit ringan seperti sakit demam seperti kenyataan informan 2 dalam temu bual:

“Eee ada ya, maksudnya kalau sakit berat tidak ada, tetapi kalau sakit ringan seperti demam saya belanja ubat di kedai atau pergi klinik kesihatan daerah dengan duit RM3 sampai dengan RM8.”²⁷

Sebahagian mahasiswa juga membuat perbelanjaan vitamin dan makanan tambahan (*supplement*) seperti madu, habatussauda dan multivitamin. Ini berdasarkan daripada respon yang diberikan oleh informan 15 seperti dalam kenyataan berikut:

“Oh ada kak, saya belanja habatussauda dan madu.”²⁸

Rumusan untuk kategori kesihatan ialah, majoriti mahasiswa tidak mengeluarkan kos untuk kesihatan kerana sudah memiliki insurans daripada kerajaan dan juga tidak mengalami sakit ataupun kecemasan. Namun ada pula beberapa orang mahasiswa yang mengeluarkan kos untuk kesihatan bagi tujuan membeli ubat sakit ringan dan juga vitamin dan makanan tambahan (*supplement*).

Kategori perbelanjaan mahasiswa yang seterusnya ialah pengangkutan. Pola perbelanjaan mahasiswa untuk kategori pengangkutan bergantung kepada jarak daripada tempat tinggal ke pusat pengajian, pengangkutan yang digunakan sama ada kenderaan milik sendiri atau pengangkutan awam serta kegiatan-kegiatan tambahan di luar universiti. Bagi mahasiswa yang menggunakan kendaraan milik sendiri, maka kos yang dikeluarkan untuk pengangkutan ialah kos untuk minyak petrol dan kos untuk membaiki kenderaan. Manakala mahasiswa yang tidak memiliki kenderaan, maka kos yang

²⁶ Informan 3 (Pelajar Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Januari 2023.

²⁷ Informan 2 (Pelajar Universiti Negeri Jakarta), dalam temu bual bersama pengkaji, 13 Januari 2023.

²⁸ Informan 15 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji 7 Januari 2023.

dikeluarkan ialah tambang pengangkutan awam pergi dan balik daripada rumah ke tempat pengajian.

Daripada duit poket yang diterima, peruntukan bagi keperluan pengangkutan yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah RM15 sehingga RM90 sebulan. Perbelanjaan tertinggi untuk pengangkutan ialah sebanyak RM105 oleh informan 5. Hal tersebut kerana mahasiswa tersebut tinggal di rumah yang jaraknya jauh daripada pusat pengajian dan setiap hari menggunakan pengangkutan dalam talian dan pengangkutan awam untuk pergi ke pusat pengajian menyebabkan kos perbelanjaan untuk pengangkutan menjadi tinggi.

Bagi mahasiswa yang tinggal di rumah sewa yang berhampiran dengan universiti, kebanyakan dari mereka lebih banyak berjalan kaki untuk pergi ke pusat pengajian. Adapun kos yang dikeluarkan untuk keperluan ini hanyalah untuk pergi keluar untuk mencari makanan atau belanja keperluan asas yang lain. Maka kos yang dikeluarkan untuk pengangkutan ialah lebih rendah berbanding mahasiswa lain, iaitu hanya dalam RM16 sebulan. Ini berdasarkan kepada respons dari informan 14 dalam temu bual:

*“Untuk pengangkutan saya jarang mengeluarkan kos kerana saya pergi ke tempat pengajian dengan berjalan kaki dari rumah sewa kerana rumah sewa saya berhampiran dengan tempat pengajian. Kalau ada aktiviti di luar baru saya pergi menggunakan pengangkutan awam.”*²⁹

Namun ada seorang informan yang tidak membelanjakan wangnya terhadap keperluan pengangkutan, iaitu informan 7. Tidak ada sebarang kos yang dikeluarkan untuk pengangkutan kerana mahasiswa tersebut berjalan kaki dari tempat tinggal ke pusat pengajian ataupun tumpang dengan kawan.

²⁹ Informan 14 (Pelajar Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Sebi), dalam temu bual bersama pengkaji 2 Januari 2023.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan daripada kajian Muhammad Zaid Nuriyanto et al.³⁰ mengenai analisis pola perbelanjaan dan gaya hidup mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018 didapati bahawa mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga mengeluarkan perbelanjaan pengangkutan yang lebih tinggi berbanding mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Bahkan sebahagian mahasiswa yang tinggal di rumah sewa tidak mengeluarkan langsung perbelanjaan untuk pengangkutan.

Secara rumusannya, kos yang dikeluarkan oleh mahasiswa untuk pengangkutan dipengaruhi oleh jarak tempat tinggal ke universiti serta aktiviti di luar. Bagi mahasiswa yang tinggal di rumah sewa yang berhampiran dengan universiti, perbelanjaan untuk pengangkutan adalah lebih rendah berbanding mahasiswa lain.

Seterusnya ialah perbelanjaan untuk keperluan perlindungan. Berdasarkan temu bual, yang termasuk dalam perlindungan ialah kos untuk sewa tempat tinggal, bil air dan bil api. Dari keseluruhan informan seramai dua puluh orang, hanya tujuh orang informan yang tinggal di rumah sewa. Manakala tiga belas informan lain tinggal di rumah ibu bapa, rumah saudara mara atau kolej kediaman.

Daripada duit poket yang diterima, peruntukkan bagi keperluan perlindungan yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah RM66 sehingga RM135 sebulan. Perbelanjaan tertinggi dilakukan oleh informan 2 dan 13 iaitu sebanyak RM135. Hal ini kerana bayaran sewa bagi rumah sewanya adalah paling tinggi iaitu sebanyak RM135 sebulan sekali dengan kos penyelenggaraan seperti bil air dan bil api. Manakala informan 8 hanya membelanjakan sedikit wang untuk keperluan ini iaitu hanya sebanyak RM21 untuk bil api berikutan tidak perlu membayar sewa penempatan kerana tinggal di rumah keluarga.

³⁰ Muhammad Zaid Nuriyanto, Zaenal Abidin, Alif Syahfiar, Fahrul Agil Firmansyah, Wawan Juli Fajar Rianto, Ica Prasetyono, Fahrizal Novan Pahlevi, Fahrudi Ahwan Ikhsan dan Fahmi Arif Kurnianto, “Analisis Pola Konsumsi dan Gaya Hidup Mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018,” *Jurnal Pembelajaran Geografi* Vol. 2, No. 2 (2019), 1 – 13.

Secara rumusannya, pola perbelanjaan mahasiswa terhadap perlindungan dipengaruhi oleh tempat tinggal mahasiswa semasa pengajian sama ada tinggal di rumah sewa atau tinggal di rumah keluarga. Bagi mahasiswa yang tinggal di rumah sewa, perbelanjaan terhadap perlindungan adalah lebih tinggi berbanding mahasiswa lain kerana membayar sewa penempatan, bil air dan bil api. Manakala mahasiswa yang tinggal dengan keluarga tidak perlu membayar sewa penempatan, bil air dan bil api kerana dibayar oleh keluarga. Namun ada pula mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga tetapi masih membayar bil api kerana mahasiswa tersebut tinggal sendiri.

Perbelanjaan mahasiswa yang seterusnya ialah keperluan harian selain makanan yang merangkumi keperluan penjagaan diri seperti sabun mandi, syampu, ubat gigi, sabun basuh baju, dan pencuci pinggan serta kos untuk melanggan internet. Daripada duit poket yang diterima, peruntukan bagi keperluan harian selain makanan yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah RM18 sehingga RM90 sebulan. Perbelanjaan tertinggi dikeluarkan oleh informan 11, iaitu sebanyak RM90 sebulan. Manakala informan 9 hanya membelanjakan sedikit wang untuk keperluan ini, iaitu RM18 untuk melanggan internet dan tidak ada belanja keperluan penjagaan diri kerana tinggal bersama keluarga masih belanja sekali dengan ibu bapa.

Secara rumusannya, pola perbelanjaan mahasiswa terhadap keperluan harian selain makanan dipengaruhi oleh berapa banyak mahasiswa belanja keperluan penjagaan diri dan berapa besaran pakej yang diambil untuk melanggan internet mengikut besaran *gigabyte* (GB). Bagi mahasiswa yang tinggal di rumah sewa, perbelanjaan untuk keperluan penjagaan diri adalah lebih tinggi berbanding mahasiswa lain kerana mahasiswa yang tinggal dengan keluarga keperluan untuk penjagaan diri masih belanja sekali dengan keluarga.

Perbelanjaan seterusnya yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah perbelanjaan pakaian. Majoriti mahasiswa telah membelanjakan sebanyak RM20 ke bawah untuk

belanja pakaian mereka. Adapun hanya seramai empat orang sahaja daripada jumlah keseluruhan dua puluh orang mahasiswa yang di temu bual mengeluarkan kos RM20 ke atas untuk membeli pakaian persatuan mahasiswa atau membeli tudung seperti respons yang diberikan oleh informan 1 seperti berikut:

“Saya membeli pakaian dari persatuan mahasiswa, berapa ya, saya tak pernah kira untuk bulanan, tetapi semasa pengajian saya punya 4 sampai dengan 5 pakaian persatuan mahasiswa.”

Hal tersebut seperti dapatan kajian daripada Faqih Purnomosidi, et al.³¹ mengenai perilaku pengeluaran ke atas mahasiswa Universiti Sahid Surakarta. Hasil kajian yang dijalankan kepada tujuh mahasiswa perempuan Universiti Sahid Surakarta melalui temu bual didapati bahawa mahasiswa kerap belanja pakaian kerana kehendak mereka, bukan sebab keperluan tetapi hanya untuk keselesaan dan kecantikan.

5.6. Cadangan *Had Al-Kifāyah* Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi

Jadual 5.5: Cadangan *Had Al-Kifāyah* Bulanan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang Tinggal di Rumah Keluarga

Bil.	Jenis Keperluan			Kos Belanja (RM)	Kos Belanja (Rp) ³²
1	Makan Minum			105	350,000
2	Pengangkutan			60	200,000
3	Pendidikan			45	150,000
4	Keperluan Makanan	Harian	Selain	45	150,000
5	Kesihatan			15	50,000
Jumlah				270	900,000

Sumber: Olahan pengkaji

Jadual 5.5 adalah cadangan *had al-kifāyah* bulanan bagi kos keperluan asasi mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang tinggal di rumah keluarga. Kaedah yang digunakan untuk membuat kiraan bagi cadangan *had al-kifāyah* bulanan ini adalah dengan menyusun secara tertib semua kos keperluan secara bulanan yang dikeluarkan

³¹ Faqih Purnomosidi, Sri Ernawati, Dhian Riskiana dan Jagad Banabsyah, “Perilaku Konsumtif Anak Kos Pada Mahasiswa Universitas Sahid Surakarta,” *Jurnal Talenta Psikologi* Vol. 11, No. 2 (Agustus 2022), 36 – 48.

³² Nilai pertukaran: RM1 = Rp 3,233 (Indonesia Rupiah), laman sesawang <https://www.convertworld.com/id/mata-uang/indonesia/idr-myrl.html#700000>, dicapai 8 Jun 2023.

oleh semua mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga kemudian diambil nilai tengah-tengah dari set nilai keperluan tersebut. Oleh itu, nilai kos belanja yang dicadangkan merupakan kos penengah ataupun disebut median daripada perbelanjaan bulanan semua mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga.

Perbelanjaan informan dibahagikan mengikut beberapa kategori keperluan, iaitu makan dan minum, pendidikan, pengangkutan, perlindungan, keperluan harian selain makanan serta kesihatan yang merupakan keperluan asasi seseorang. Nilai penengah perbelanjaan ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menentukan *had al-kifāyah* yang sesuai bagi mahasiswa kerana meliputi semua perbelanjaan yang merupakan keperluan asas *had al-kifāyah*.

Merujuk kepada jadual di atas, anggaran kos perbelanjaan yang paling besar yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga ialah kos untuk perbelanjaan makan dan minum. Nilai yang dicadangkan untuk keperluan makan dan minum mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang tinggal di rumah keluarga ialah RM105 kerana secara realitinya, setiap mahasiswa perlu membayar dengan harga yang sama untuk suatu jenis makanan dan minuman. Berpandukan data yang diperolehi daripada temu bual yang dijalankan, kos makan dan minum di luar bagi seorang mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga adalah sekitar RM3 hingga RM6 untuk sekali makan. Maka cadangan *had al-kifāyah* untuk makan dan minum mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga selama sebulan ialah RM105 mencukupi untuk mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga. Nilai tersebut bersamaan dengan 2 kali makan di rumah dan 1 kali makan di luar selama sehari.

Manakala untuk perbelanjaan tertinggi kedua mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga ialah untuk pengangkutan. Jumlah *had al-kifāyah* yang dicadangkan untuk pengangkutan mahasiswa sebanyak RM60 merupakan jumlah yang bersesuaian untuk semua mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga sama ada mahasiswa yang sibuk

aktiviti di luar mahupun mahasiswa yang hanya keluar untuk pergi dan balik ke universiti sahaja.

Keperluan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang tinggal di rumah keluarga yang seterusnya ialah keperluan pendidikan. Hasil analisis yang dijalankan terhadap dapatan temu bual yang dijalankan, didapati perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa untuk pendidikan ialah membeli buku rujukan pengajian, kos mencetak tugas, fotostat dan membeli alat tulis. Terdapat beberapa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa. Ada sebahagian mahasiswa yang membeli buku rujukan, mencetak tugas, fotostat, dan membeli alat tulis, ada pula mahasiswa yang tidak membeli buku rujukan dan hanya mengeluarkan perbelanjaan untuk mencetak tugas, fotostat dan membeli alat tulis. Tetapi ada pula mahasiswa yang tidak mengeluarkan sebarang kos untuk pendidikan. Maka cadangan *had al-kifāyah* untuk pendidikan mahasiswa selama sebulan ialah RM45 mencukupi untuk mahasiswa mencetak tugas, fotostat dan membeli alat tulis. Namun untuk membeli buku rujukan mahasiswa harus menampung sendiri kos tersebut atau mengasingkan sedikit duit poket untuk membeli buku rujukan di kemudian hari. Nilai yang dicadangkan adalah nilai penengah perbelanjaan pendidikan semua mahasiswa tanpa mengira penempatan mahasiswa sama ada di rumah keluarga ataupun penempatan rumah sewa. Hal tersebut kerana kos perbelanjaan untuk pendidikan adalah sama.

Analisis seterusnya ialah terhadap perbelanjaan keperluan harian selain makanan yang merangkumi penjagaan diri seperti sabun mandi, syampu, ubat gigi, sabun basuh baju dan pencuci pinggan serta kos untuk melanggan internet. Kos untuk keperluan penjagaan diri dan internet boleh dikategorikan sebagai keperluan yang boleh dikawal oleh mahasiswa, sebab besar atau kecil kos yang dikeluarkan bergantung kepada diri mahasiswa. Oleh itu, nilai *had al-kifāyah* yang dicadangkan untuk keperluan penjagaan diri dan melanggan internet ialah RM45 dianggap bersesuaian dengan kadar penggunaan

internet untuk tujuan pelajaran dan menghubungi keluarga. Penetapan anggaran tersebut dapat ditentukan kerana harga internet adalah mengikut pakej yang diambil bergantung berapa besar *gigabyte* (GB).

Keperluan untuk kesihatan merupakan kos yang paling rendah dicadangkan berbanding kos untuk keperluan lain. Walaupun kesihatan merupakan satu perkara yang penting, namun berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa majoriti mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi kurang mengeluarkan belanja untuk kesihatan mereka. Hal ini kerana mahasiswa-mahasiswa telah memiliki insurans daripada kerajaan dan di universiti terdapat klinik kesihatan yang percuma bagi mahasiswa³³. Sehingga cadangan *had al-kifayah* untuk kesihatan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi selama sebulan ialah RM15 dirasa cukup untuk membeli ubat sakit ringan bagi tujuan berjaga-jaga apabila berlaku kecemasan.

Kajian daripada Che Wan Maisarah, Hairunnizam Wahid dan Mohd Ali³⁴, serta kajian Fairus Muhamad Darus et al.³⁵ menyatakan bahawa kebanyakan mahasiswa hanya membelanjakan wang mereka untuk kesihatan kurang daripada RM20 sebulan. Bahkan terdapat juga sebahagian mahasiswa yang tidak mengeluarkan langsung belanja untuk kesihatan. Adapun bagi mahasiswa yang membelanjakan wang yang agak besar sebanyak RM50 keatas adalah disebabkan membeli makanan tambahan seperti ubat minda. Hasil analisis daripada kajian-kajian tersebut juga mendapati bahawa mahasiswa kurang membelanjakan wang mereka untuk tujuan kesihatan berkemungkinan kerana perbelanjaan untuk kesihatan telah termasuk dalam yuran pengajian.

³³ Berapa Biaya Pelayanan Kesehatan yang ditanggung Anggota?" laman sesawang *Gadjah Mada Medical Center*, dicapai 5 Disember 2023, <https://gmc.ugm.ac.id/biaya-pelayanan-gmc/>

³⁴ Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, "Pola Perbelanjaan Dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Di Kuala Terengganu, Terengganu," *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 21, No 2 (2018), 45 – 57.

³⁵ Fairus Muhamad Darus, Nur Hayati Abdul Rahman, Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri dan Siti Asmah Yunos, "Corak Perbelanjaan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang," (makalah, Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, 22-23 Oktober 2008), 1 – 5.

Jadual 5.6: Cadangan *Had Al-Kifāyah* Bulanan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang Tinggal di Rumah Sewa

Bil.	Jenis Keperluan			Kos Belanja (RM)	Kos Belanja (Rp) ³⁶
1	Makan Minum			180	600,000
2	Perlindungan			90	300,000
3	Pendidikan			45	150,000
4	Keperluan Makanan	Harian	Selain Makanan	45	150,000
5	Pengangkutan			30	100,000
6	Kesihatan			15	50,000
Jumlah				405	1,350,000

Sumber: Olahan pengkaji

Jadual 5.6 adalah cadangan *had al-kifāyah* bulanan bagi kos keperluan asasi mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi yang tinggal di rumah sewa. Kaedah yang digunakan untuk membuat kiraan bagi cadangan *had al-kifāyah* bulanan ini adalah dengan menyusun secara tertib semua kos keperluan secara bulanan yang dikeluarkan oleh semua mahasiswa yang tinggal di rumah sewa, kemudian diambil nilai tengah-tengah dari set nilai keperluan tersebut. Oleh itu, nilai kos belanja yang dicadangkan merupakan kos penengah ataupun disebut median daripada perbelanjaan bulanan semua mahasiswa yang tinggal di rumah sewa.

Perbelanjaan informan dibahagikan mengikut beberapa kategori keperluan, iaitu makan dan minum, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, perlindungan serta keperluan harian selain makanan yang merupakan keperluan asasi seseorang. Nilai penengah perbelanjaan ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menentukan *had al-kifāyah* yang sesuai bagi mahasiswa kerana meliputi semua perbelanjaan yang merupakan keperluan asas *had al-kifāyah*.

Merujuk kepada jadual di atas, anggaran kos perbelanjaan yang paling besar yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang tinggal di rumah sewa ialah kos untuk perbelanjaan

³⁶ Nilai pertukaran: RM1 = Rp 3,233 (Indonesia Rupiah), laman sesawang <https://www.convertworld.com/id/mata-uang/indonesia/idr-myrl.html#700000>, dicapai 8 Jun 2023.

makan dan minum kerana secara realitinya, setiap mahasiswa perlu membayar dengan harga yang sama untuk suatu jenis makanan dan minuman. Berpandukan data yang diperolehi daripada temu bual yang dijalankan, kos makan dan minum di luar bagi seorang mahasiswa yang tinggal di rumah sewa adalah sama seperti mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga iaitu sekitar RM3 hingga RM6 untuk sekali makan. Maka cadangan *had al-kifāyah* untuk makan dan minum mahasiswa yang tinggal di rumah sewa selama sebulan ialah RM180 mencukupi untuk mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Nilai tersebut bersamaan dengan 1 kali makan di rumah dan 2 kali makan di luar selama sehari.

Manakala untuk perbelanjaan tertinggi kedua oleh mahasiswa yang tinggal di rumah sewa ialah belanja untuk perlindungan. Hasil dapatan dan analisis yang dilakukan ke atas perbelanjaan untuk perlindungan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, harga sewaan yang dibayar oleh seorang mahasiswa ialah bergantung berapa jarak dari rumah sewa ke pusat pengajian dan suasana persekitaran rumah sewa. Maka nilai *had al-kifāyah* perlindungan yang dicadangkan untuk mahasiswa-mahasiswa yang tinggal di rumah sewa iaitu RM90 bagi bayaran sewa rumah dan utiliti seperti bil air dan bil api.

Hasil analisis yang dijalankan terhadap dapatan temu bual yang dijalankan, didapati perbelanjaan pendidikan yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang tinggal di rumah sewa adalah sama dengan mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga. Maka cadangan *had al-kifāyah* untuk pendidikan mahasiswa selama sebulan ialah RM45 mencukupi untuk mahasiswa mencetak tugas, fotostat dan membeli alat tulis. Namun untuk membeli buku rujukan mahasiswa harus menampung sendiri kos tersebut atau mengasingkan sedikit duit poket untuk membeli buku rujukan di kemudian hari.

Analisis seterusnya ialah terhadap perbelanjaan keperluan harian selain makanan yang merangkumi penjagaan diri seperti sabun mandi, syampu, ubat gigi, sabun basuh baju dan pencuci pinggan serta kos untuk melanggan internet. Oleh itu, nilai *had al-*

kifāyah yang dicadangkan untuk keperluan penjagaan diri dan melanggan internet ialah RM 45 dianggap bersesuaian dengan kadar penggunaan internet untuk tujuan pelajaran dan menghubungi keluarga. Penetapan anggaran tersebut dapat ditentukan kerana harga internet adalah mengikut pakej yang diambil bergantung berapa besar *gigabyte* (GB).

Seterusnya ialah analisis terhadap keperluan pengangkutan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa, mereka kurang mengeluarkan perbelanjaan untuk pengangkutan kerana rumah sewa mereka berhampiran dengan tempat pengajian, sehingga mereka lebih banyak berjalan kaki ke tempat pengajian. Oleh itu, jumlah *had al-kifāyah* yang dicadangkan untuk pengangkutan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa sebanyak RM30 merupakan jumlah yang bersesuaian untuk semua mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Walaupun tempat tinggal mereka berhampiran dengan pusat pengajian, namun terkadang mereka memiliki keperluan di luar dan juga untuk keluar untuk mencari makanan atau belanja keperluan asas yang lain.

Keperluan untuk kesihatan merupakan kos yang paling rendah dicadangkan berbanding kos untuk keperluan lain. Hal ini kerana mahasiswa-mahasiswa telah memiliki insurans daripada kerajaan dan di universiti terdapat klinik kesihatan yang percuma bagi mahasiswa³⁷. Sehingga cadangan *had al-kifāyah* untuk kesihatan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi selama sebulan ialah RM15 dirasa cukup untuk membeli ubat sakit ringan bagi tujuan berjaga-jaga apabila berlaku kecemasan.

Pada kajian ini pengkaji tidak mencadangkan *had al-kifāyah* untuk pakaian kerana dapatan daripada temu bual yang dijalankan, majoriti mahasiswa tidak mengeluarkan kos untuk perbelanjaan pakaian. Adapun sebahagian mahasiswa yang mengeluarkan kos untuk perbelanjaan pakaian ialah untuk membeli pakaian kehendak seperti pakaian persatuan mahasiswa. Hal ini selari dengan dapatan kajian daripada

³⁷ “Berapa Biaya Pelayanan Kesehatan yang ditanggung Anggota?” laman sesawang *Gadjah Mada Medical Center*, dicapai 5 Disember 2023, <https://gmc.ugm.ac.id/biaya-pelayanan-gmc/>

Faqih Purnomasidi, et al.³⁸ mengenai pola perbelanjaan pada mahasiswa Universiti Sahid Surakarta. Hasil kajian mendapati bahawa mahasiswa kerap memperuntukan pembelanjaan mereka untuk pakaian bagi memenuhi kehendak mereka, bukan disebabkan keperluan tetapi hanya untuk keselesaan dan kecantikan.

Selain daripada itu, pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi tidak ada pakaian seragam yang yang harus disediakan oleh mahasiswa. Sehingga kos pakaian tidak perlu ditampung oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) khususnya dan lembaga zakat lain umumnya.

Secara rumusannya, perbelanjaan tertinggi antara mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa adalah sama, iaitu pada keperluan makan dan minum. Hal tersebut kerana secara fitrahnya, makan dan minum merupakan keperluan paling asas untuk meneruskan hidup. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Noor Amira Syawani Abd Rahman, Mohd Rozaimy Ridzuan, Kong Lai Kuan, dan Ju Soon Yew mengenai impak pengeluaran mahasiswa kampus UiTM Raub terhadap ekonomi lokal yang mendapati majoriti mahasiswa membelanjakan wang mereka untuk makanan dan minuman.⁴⁰

Manakala untuk keperluan pengangkutan, mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga mengeluarkan perbelanjaan yang lebih tinggi dalam hal pengangkutan berbanding mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Hal ini kerana kebanyakannya rumah mereka jauh daripada tempat pengajian, sehingga kos yang dikeluarkan untuk pengangkutan menjadi besar. Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Muhammad Zaid

³⁸ Faqih Purnomasidi, Sri Ernawati, Dhian Riskiana dan Jagad Banabsyah, "Perilaku Konsumtif Anak Kos Pada Mahasiswa Universitas Sahid Surakarta," *Jurnal Talenta Psikologi* Vol. 11, No. 2 (Agustus 2022), 36 – 48.

⁴⁰ Noor Amira Syawani Abd Rahman, Mohd Rozaimy Ridzuan, Kong Lai Kuan, dan Ju Soon Yew, "The Impact of UiTM Raub Campus Upon Local Economy: A Study on Student's Expenditure," *GADING (Online) Journal for Social Sciences, University Teknologi Mara Cawangan Pahang* Vol. 22 (Special Issue) KONAKA (2018), 93 – 96.

Nuriyanto et al.⁴¹ mengenai analisis pola perbelanjaan dan gaya hidup mahasiswa Pendidikan Geografi Universiti Jember Angkatan 2018 yang mendapati bahawa mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga mengeluarkan perbelanjaan pengangkutan yang lebih tinggi berbanding mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Bahkan sebahagian mahasiswa yang tinggal di rumah sewa tidak mengeluarkan langsung perbelanjaan untuk pengangkutan kerana mereka banyak berjalan kaki untuk pergi ke tempat pengajian.

Menurut Patmawati agihan zakat yang disalurkan kepada asnaf bukanlah dianggap sebagai sesuatu usaha untuk menanggung semua yang diperlukan oleh asnaf.

Merujuk kepada analisis yang telah dihuraikan di atas, Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) perlu mengkaji semula kewajaran bentuk bantuan yang ditawarkan beserta jumlah bantuan yang telah diberikan kepada mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Jumlah bantuan duit poket yang diberikan untuk mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi ialah RM210 perbulan tanpa mengambil kira mahasiswa tersebut tinggal di rumah keluarga atau mengambil rumah sewa. Justeru itu, jumlah tersebut dilihat kurang bersesuaian dan tidak menepati dengan kehendak ekonomi semasa dan terutamanya lagi bagi mahasiswa yang tinggal di rumah sewa yang harus mengeluarkan kos untuk membayar sewa penempatan.

Tujuan bantuan zakat yang diberikan bukanlah bermakna ia mestilah dapat menampung semua kos pendidikan dan kos sara hidup yang diperlukan mahasiswa. Oleh yang demikian, setiap mahasiswa perlu memikirkan bagaimana cara untuk mereka menampung kekurangan yang dihadapi sama ada bekerja sambilan ataupun dibiayai oleh ibu bapa mahasiswa. Itulah realiti yang perlu dihadapi oleh golongan mahasiswa masa kini.⁴² Sungguhpun demikian, jumlah bantuan yang diberikan daripada sumber zakat

⁴¹ Muhammad Zaid Nuriyanto, Zaenal Abidin, Alif Syahfiar, Fahrul Agil Firmansyah, Wawan Juli Fajar Rianto, Ica Prasetyono, Fahrizal Novan Pahlevi, Fahrudi Ahwan Ikhsan dan Fahmi Arif Kurnianto, “Analisis Pola Konsumsi dan Gaya Hidup Mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018,” *Jurnal Pembelajaran Geografi* Vol. 2, No. 2 (2019), 1 – 13.

⁴² Patmawati Hj Ibrahim, “Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal,” *Jurnal Syariah* Vol. 16, No. 2 (2008), 1 – 23.

setidaknya dapat mengurangkan tekanan yang dialami mahasiswa pada masa ini. Berdasarkan semua penjelasan di atas, pengkaji mencadangkan agar jumlah bantuan kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi dibezakan berdasarkan penempatannya, sama ada tinggal di rumah keluarga ataupun tinggal di rumah sewa. Nilai bantuan duit poket yang dicadangkan untuk mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dinaikkan daripada RM210 sebulan kepada RM270 sebulan. Manakala mahasiswa yang tinggal di rumah sewa pula dinaikkan daripada RM210 sebulan kepada RM405 sebulan. Cadangan penambahan jumlah bantuan RM60 untuk mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dan RM195 untuk mahasiswa yang tinggal di rumah sewa adalah bersandarkan kepada analisis yang dibuat terhadap perbelanjaan bulanan mahasiswa.

Justifikasi cadangan penambahan sebanyak RM195 kepada mahasiswa yang tinggal di rumah sewa adalah kerana para mahasiswa yang tinggal di rumah sewa perlu mengeluarkan kos untuk perlindungan yang merangkumi bayaran sewa rumah dan juga kos utiliti, iaitu bil air dan bil api. Nilai yang dipaparkan setidaknya dapat membantu mahasiswa mengurangkan tekanan dalam memenuhi keperluan hariannya, keperluan pendidikannya dan keperluan perlindungannya. Justeru itu, penambahan sebanyak RM60 untuk mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dan sebanyak RM195 untuk mahasiswa yang tinggal di rumah sewa dijangka mampu untuk melengkapi keperluan pendidikan dan sara hidup mereka selama pengajian.

Secara rumusannya, cadangan *had al-kifāyah* mahasiswa dengan dibandingkan perbelanjaan bulanan sebenar asnaf mahasiswa di Institusi pengajian Tinggi ialah seperti dalam Jadual 5.7:

Jadual 5.7: Perbelanjaan Sebenar Mahasiswa Penerima Biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (Bulanan) Berbanding Cadangan *Had al-Kifāyah*.

Jenis Keperluan/ Informan	Makan Minum (RM)	Keperluan					Harian Selain Makanan (RM)	Pakaian (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Cadangan <i>Had al- Kifāyah</i> (RM)
		Pendidikan (RM)	Kesihatan (RM)	Pengangkutan (RM)	Perlindungan (RM)	(RM)				
Inf. 1	90	15	0	60	0	30	45	240	270	
Inf. 2	105	30	0	75	0	21	30	261	270	
Inf. 3	165	42	12	60	0	20	0	299	270	
Inf. 4	90	30	0	105	0	48	0	273	270	
Inf. 5	120	45	0	0	0	45	15	225	270	
Inf. 6	90	90	0	30	0	18	0	228	270	
Inf. 7	270	45	15	30	0	90	0	450	270	
Inf. 8	105	60	0	30	0	45	0	240	270	
Inf. 9	105	60	23	45	0	65	0	298	270	
Inf. 10	90	30	0	90	0	30	6	246	270	
Inf. 11	150	30	0	36	0	42	6	264	270	
Inf. 12	135	45	0	60	0	30	0	270	270	
Inf. 13	120	45	0	90	21	45	0	321	270	

Keperluan/ Informan	Jenis Makan Minum (RM)	Makan Minum (RM)	Keperluan				Harian Selain Makanan (RM)	Pakaian (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Cadangan <i>Had al- Kifayah</i> (RM)
			Pendidikan (RM)	Kesihatan (RM)	Pengangkutan (RM)	Perlindungan (RM)				
Inf. 14	210	0	8	15	135	30	45	443	405	
Inf. 15	270	15	0	60	90	36	30	501	405	
Inf. 16	120	0	0	30	120	60	30	360	405	
Inf. 17	60	30	0	15	135	23	0	263	405	
Inf. 18	270	45	15	15	66	41	0	452	405	
Inf. 19	180	30	0	45	83	60	15	413	405	
Inf. 20	180	60	15	36	90	45	0	426	405	

Sumber: Temu bual

Nota:

1. Nilai yang dipaparkan ialah setelah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM).
2. Nilai pertukaran: RM 1 = 3,233 IDR (Indonesia Rupiah).²⁰
3. Tertakluk kepada nilai pertukaran wang semasa.
4. Informan 1 hingga 13 merupakan mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga.
5. Informan 14 hingga 20 merupakan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa.

²⁰ Laman sesawang <https://www.convertworld.com/id/mata-uang/indonesia/idr-myrl.html#700000>, dicapai 8 Jun 2023.

5.7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pada bab ini telah dijelaskan secara terperinci pola perbelanjaan bagi mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa adalah dengan menggunakan tiga sumber kewangan, iaitu daripada bantuan zakat, ibu bapa serta kerja sambilan. Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa ialah dalam tujuh kategori keperluan asasi, iaitu makan dan minum, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, perlindungan, keperluan harian selain makanan serta keperluan pakaian. Cadangan *had al-kifāyah* perbelanjaan bulanan yang ditentukan adalah berdasarkan dapatan daripada penelitian terhadap dapatan temu bual kepada dua puluh orang mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

BAB 6 **RUMUSAN DAN CADANGAN**

6.1. Pengenalan

Lima bab terdahulu dalam disertasi ini telah membincangkan secara terperinci berkenaan permasalahan kajian dan objektif kajian, sorotan kajian terdahulu yang mendasari kerangka kajian ini, metodologi kajian yang diguna pakai dalam kajian ini serta hasil kajian berkenaan pelaksanaan program biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin dan juga analisis perbelanjaan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Bab keenam ini pula merupakan rumusan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Ia menyentuh dua perkara, iaitu rumusan keseluruhan kajian, cadangan terhadap institusi zakat serta cadangan untuk penyelidikan pada masa hadapan.

6.2. Rumusan Hasil Kajian

Pendidikan merupakan salah satu usaha untuk mewujudkan sumber manusia yang berkualiti dalam pembangunan nasional. Namun, perkara yang seringkali menjadi masalah kepada mahasiswa ialah masalah kewangan. Hal tersebut kerana mahasiswa belum bekerja, maka mereka belum memiliki pendapatan bulanan yang tetap untuk menyokong kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat. Umumnya, mereka hanya bergantung kepada biasiswa atau bantuan kewangan yang ditampung oleh ibu bapa. Disinilah zakat berperanan menjadi salah satu solusi bagi meringankan beban mahasiswa kerana hasil kutipan zakat juga akan disalurkan kepada mahasiswa-mahasiswa atas kapasiti sebagai golongan fakir atau miskin. Hal tersebut menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji dengan lebih terperinci berkaitan perkara tersebut. Kajian ini secara keseluruhannya mempunyai tiga objektif. Setiap objektif disertai dengan beberapa persoalan yang perlu dijawab menerusi kajian ini.

6.2.1. Konsep Agihan Zakat Pendidikan Menurut Pemikiran Sarjana Islam

Objektif pertama dalam kajian ini ialah membincangkan konsep pemikiran sarjana Islam tentang agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin. Bagi mencapai objektif kajian ini, terdapat soalan kajian yang ditimbulkan iaitu apakah pandangan sarjana Islam tentang agihan zakat pendidikan kepada asnaf fakir dan miskin? Persoalan ini terjawab menerusi sorotan yang dibuat ke atas karya-karya yang telah dilakukan dalam bab kedua kajian ini. Hasil penelitian daripada bab kedua kajian, didapati para fuqaha memiliki takrifan yang pelbagai mengenai asnaf fakir dan miskin serta kadar bantuan yang diberi. Secara rumusannya, perbezaan antara fakir dan miskin ialah harta yang dimiliki untuk memenuhi keperluan dirinya dan keluarga yang menjadi tanggungannya. Bagi golongan fakir, mereka memiliki harta yang tidak mencapai separuh keperluannya. Manakala bagi golongan miskin, mereka memiliki harta yang dapat memenuhi separuh atau lebih keperluannya.

Yūsuf al-Qaraḍāwī memberi pandangan, apabila seseorang mengkhususkan diri mencari ilmu, maka boleh diberi zakat untuk memenuhi keperluan belanja buku-buku atau untuk kepentingan agama dan dunianya. Hal ini kerana orang yang mencari ilmu faedah ilmunya itu bukan hanya untuk dirinya, tetapi juga untuk seluruh umat. Mereka berhak ditolong dengan harta zakat, kerana ia termasuk kategori orang yang memerlukan pertolongan kaum muslimin dan juga orang yang diperlukan oleh kaum muslimin itu sendiri kerana keilmuannya.

Selain daripada itu, dalam bab yang kedua turut diperbincangkan pula mengenai konsep *had al-kifāyah* untuk pendidikan. *Had al-kifāyah* ialah sebuah ukuran keperluan yang sangat asas. *Had al-kifāyah* bukan hanya keperluan yang asas sahaja, tetapi termasuk pula keperluan tambahan yang menjadi penyokong kelancaran hidup manusia. Dalam hal mahasiswa, maka *had al-kifāyah* ialah kadar keperluan asas serta keperluan tambahan bagi menyokong kehidupan dan pengajian mahasiswa. Terdapat tujuh

keperluan asas yang perlu disediakan oleh para mahasiswa bagi kelancaran kehidupannya semasa pengajian, iaitu makan dan minum, pendidikan, perlindungan, pengangkutan, keperluan harian, kesihatan serta pakaian.

6.2.2. Pelaksanaan Program Biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada Asnaf Fakir dan Miskin

Objektif kedua kajian ini pula adalah berhubung penelitian terhadap pelaksanaan program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin. Bagi mencapai objektif ini, persoalan kajian yang dikemukakan iaitu bagaimanakah kaedah pelaksanaan program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin? Persoalan ini terjawab menerusi analisis yang telah dijalankan dalam bab keempat kajian ini. Hasil analisis terhadap prosedur pelaksanaan program biasiswa oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) kepada asnaf fakir dan miskin, didapati syarat-syarat yang diletakkan oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) juga dilihat munasabah dan bersesuaian dengan apa yang telah dibahaskan oleh para fuqaha mengenai prinsip-prinsip yang perlu ada dalam agihan yang dijalankan. Syarat seperti mahasiswa berasal daripada keluarga fakir atau miskin sangat wajar diletakkan kerana agihan zakat untuk biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) diambil daripada bahagian asnaf fakir dan miskin. Selain itu, syarat purata nilai gred kumulatif minimum 3.0 juga antara syarat yang relevan bagi mengawal mahasiswa yang akan menerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) ialah mahasiswa yang memiliki prestasi akademik yang baik.

Terdapat empat peringkat pemilihan bagi setiap permohonan zakat di bawah kategori pendidikan Institusi Pengajian Tinggi sebelum ianya diagihkan kepada asnaf yang layak. Matlamat dilakukan pemilihan mahasiswa adlah agar agihan zakat pendidikan diberikan kepada asnaf yang layak sehingga matlamat dan manfaat daripada program biasiswa zakat dapat betul-betul diterima oleh mahasiswa yang memerlukan

bantuan dana pendidikan. Tahap yang pertama ialah pemilihan universiti yang berkolaborasi dengan Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dalam mengagihkan biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Tahap yang kedua pula ialah pemilihan penerima manfaat biasiswa. Selepas universiti membuat senarai pendek mahasiswa yang melepassi pemilihan dokumen, mahasiswa perlu menduduki temu duga dengan pihak Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) terlebih dahulu sebelum disenaraikan sebagai penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Tahap pemilihan yang terakhir ialah penandatanganan kolaborasi dan akad biasiswa antara Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dengan mahasiswa penerima manfaat.

6.2.3. *Had Al-Kifāyah* Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi

Objektif ketiga pula ialah berkaitan analisis perbelanjaan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) bagi mencadangkan *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. Bagi mencapai objektif ini, persoalan bagaimakah perbelanjaan mahasiswa penerima biasiswa Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM)? Apakah item *had al-kifāyah* yang relevan khusus kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi? Berapakah jumlah *had al-kifāyah* yang relevan kepada golongan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi? Persoalan kajian ini dapat dijawab melalui analisis yang telah dijalankan dalam bab kelima kajian ini. Berdasarkan keadaan semasa, mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi mengalami defisit sekiranya mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada sumber kewangan daripada Bitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) sahaja. Para mahasiswa menerima RM210 sebulan untuk duit poket dan RM1,500 per semester untuk bayaran yuran pengajian yang terus dibayar kepada universiti oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Manakala duit poket diberikan terus kepada para mahasiswa melalui kaedah pembayaran *Electronic Fund Transfer* (EFT) ke akaun bank mahasiswa setiap

bulannya. Jumlah bantuan yang diberi dilihat kurang bersesuaian dengan keadaan semasa mahasiswa terutama mahasiswa yang tinggal di rumah sewa.

Hasil dapatan kajian mendapati tidak ada perbezaan yang ketara antara perbelanjaan bulanan yang dikeluarkan oleh mahasiswa universiti kerajaan dengan mahasiswa universiti bukan kerajaan. Begitu pula dengan penempatan mahasiswa sama ada penempatan bandar ataupun penempatan luar bandar tidak nampak perbezaan perbelanjaan yang ketara. Namun perbezaan perbelanjaan tersebut nampak pada kelompok mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dengan kelompok mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Mahasiswa yang tinggal di rumah sewa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga kerana mereka harus membayar sewa penempatan.

Perbelanjaan informan dibahagikan mengikut beberapa kategori keperluan, iaitu makan dan minum, pendidikan, pengangkutan, perlindungan, keperluan harian selain makanan serta kesihatan yang merupakan keperluan asasi seseorang. Nilai penengah perbelanjaan ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menentukan *had al-kifāyah* yang sesuai bagi mahasiswa kerana meliputi semua perbelanjaan yang merupakan keperluan asas had kifayah.

Merujuk kepada analisis yang telah dijalankan, anggaran kos perbelanjaan yang paling besar yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga ialah kos untuk perbelanjaan makan dan minum. Manakala perbelanjaan tertinggi kedua mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga ialah untuk pengangkutan. Keperluan mahasiswa yang seterusnya ialah keperluan pendidikan. Hasil analisis yang dijalankan terhadap dapatan temu bual yang dijalankan, didapati perbelanjaan yang dikeluarkan oleh mahasiswa untuk pendidikan ialah membeli buku rujukan pengajian, kos mencetak tugas, fotostat dan membeli alat tulis. Perbelanjaan yang seterusnya ialah perbelanjaan untuk keperluan harian selain makanan yang merangkumi pejagaan diri seperti sabun

mandi, syampu, ubat gigi, sabun basuh baju dan pencuci pinggan serta kos untuk melanggan internet. Keperluan untuk kesihatan merupakan kos yang paling rendah yang dikeluarkan oleh mahasiswa berbanding kos untuk keperluan lain. Hal ini kerana mahasiswa-mahasiswa telah memiliki insurans daripada kerajaan dan di universiti terdapat klinik kesihatan yang percuma bagi mahasiswa. Oleh yang demikian, cadangan peningkatan jumlah bantuan daripada RM210 kepada RM270 sebulan untuk duit poket mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga adalah wajar dan realistik dengan keadaan semasa mahasiswa.

Manakala anggaran kos perbelanjaan yang paling besar yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang tinggal di rumah sewa ialah sama dengan mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga, iaitu kos untuk perbelanjaan makan dan minum. Adapun untuk perbelanjaan tertinggi kedua mahasiswa yang tinggal di rumah sewa ialah untuk perlindungan, iaitu bayaran untuk rumah sewa, bil air dan bil api. Keperluan mahasiswa yang seterusnya ialah keperluan pendidikan dan keperluan harian selain makanan. Sama halnya dengan mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga, keperluan untuk kesihatan merupakan kos yang paling rendah dikeluarkan oleh mahasiswa berbanding kos untuk keperluan lain. Oleh yang demikian, cadangan peningkatan jumlah bantuan daripada RM210 kepada RM405 sebulan untuk duit poket mahasiswa yang tinggal di rumah sewa adalah wajar dan realistik dengan keadaan semasa mahasiswa.

Hasil dapatan yang lain mendapati, perbelanjaan tertinggi yang dikeluarkan oleh mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga mahupun yang tinggal di rumah sewa adalah sama iaitu pada keperluan makan dan minum kerana secara fitrahnya manusia memerlukan makan dan minum untuk meneruskan kehidupannya. Manakala untuk perbelanjaan tertinggi kedua, terdapat perbezaan antara mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dengan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Bagi mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga, perbelanjaan tertinggi kedua ialah untuk pengangkutan. Hal

ini kerana kebanyakannya rumah mereka jauh daripada tempat pengajian, justeru kos yang dikeluarkan untuk pengangkutan menjadi besar. Manakala mahasiswa yang tinggal di rumah sewa, perbelanjaan tertinggi kedua ialah belanja untuk perlindungan. Mereka kurang mengeluarkan perbelanjaan pengangkutan kerana rumah sewa mereka berhampiran dengan tempat pengajian, sehingga mereka lebih banyak berjalan kaki ke tempat pengajian.

Pada kajian ini pengkaji tidak mencadangkan *had al-kifāyah* untuk pakaian kerana dapatan daripada temu bual yang dijalankan, majoriti mahasiswa tidak mengeluarkan kos untuk perbelanjaan pakaian. Adapun sebahagian mahasiswa yang mengeluarkan kos untuk perbelanjaan pakaian ialah untuk membeli pakaian kehendak seperti pakaian persatuan mahasiswa. Selain daripada itu, pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi tidak ada pakaian seragam yang harus disediakan oleh mahasiswa. Maka kos pakaian tidak perlu ditampung oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) khususnya dan lembaga zakat lain umumnya.

6.3. Cadangan

6.3.1. Institusi Zakat

Berdasarkan kepada perbelanjaan bulanan yang ditunjukkan oleh mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi, jumlah bantuan yang diberikan pada ketika ini perlu dinilai semula. Hal ini kerana majoriti mahasiswa mengeluarkan belanja melebihi daripada jumlah bantuan yang diberi. Pengkaji juga turut mencadangkan agar jumlah bantuan yang diberi kepada mahasiswa dibezakan berdasarkan penempatan mahasiswa sama ada mahasiswa yang tinggal di rumah keluarga dan mahasiswa yang tinggal di rumah sewa. Hal ini kerana item keperluan yang diambil kira oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) hanya untuk keperluan makan minum, pendidikan dan pengangkutan. Manakala mahasiswa yang tinggal di rumah sewa mereka perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk

sewa penempatan pula. Pengkaji juga mencadangkan agar Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) dapat mempertimbangkan untuk menggunakan cadangan yang telah dibuat oleh pengkaji dalam mengagihkan bantuan zakat pendidikan kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di masa hadapan.

6.3.2. Asnaf

Hasil dapatan yang ditemui, sebahagian mahasiswa berlebih dalam berbelanja. Oleh itu, para mahasiswa seharusnya perlu membuat perancangan kewangan dengan menekankan bagaimana cara hendak mengatur sumber-sumber kewangan yang didapat agar tidak berlaku pembaziran dalam setiap perbelanjaan yang dikeluarkan seterusnya dapat mengelakkan daripada masalah kewangan yang melampau. Selain itu, mahasiswa dinasihatkan agar berhemah dalam menggunakan wang zakat yang diterima kerana ia merupakan harta umat Islam yang perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya.

6.3.3. Kajian Masa Hadapan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memenuhi objektif dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Sungguhpun demikian, bukan bermakna kajian lain tidak perlu dilakukan. Sebaliknya, masih ada kajian-kajian lain yang boleh dilakukan berkaitan perbelanjaan mahasiswa penerima zakat pendidikan. Saranan-saranan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kajian yang dijalankan ini hanya memberi tumpuan kepada mahasiswa yang menerima biasiswa zakat daripada Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Oleh itu, kajian terhadap asnaf yang menerima zakat pendidikan daripada institusi zakat lain di Indonesia seperti BAZNAS pusat dan BAZNAS daerah juga perlu dijalankan bagi melihat perbelanjaan mahasiswa yang lebih menyeluruh.
2. Pemilihan informan untuk kajian ini adalah berdasarkan daripada laporan agihan zakat Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM) untuk pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi yang lebih terfokus kepada mahasiswa yang mengambil bidang

pengajian ekonomi syariah, teknologi maklumat dan pendidikan sahaja. Pada masa hadapan disarankan satu kajian yang berskala lebih besar boleh dijalankan seperti kajian mengenai sumbangan hasil kutipan zakat ke atas mahasiswa yang mengambil bidang sains, kejuruteraan dan lain-lain lagi.

3. Satu kajian juga boleh dirancang untuk menilai tahap keberkesanan bentuk-bentuk bantuan pendidikan yang diberikan oleh Baitulmaal Muamalat Indonesia (BMM). Hal ini kerana pemberian bentuk bantuan yang bersesuaian dengan keperluan asnaf dapat memberi kesan yang signifikan kepada mereka dengan diukur melalui tahap pencapaian akademik mahasiswa.

6.4. Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini menjelaskan bahawa kajian ini telah menjawab kesemua persoalan kajian dan mencapai tiga objektif yang ditetapkan. Penemuan-penemuan kajian juga menyumbang kepada pengembangan berkenaan zakat pendidikan. Namun begitu, masih terdapat lagi ruang-ruang penyelidikan yang boleh dikaji bagi memantapkan lagi kajian yang dilakukan dalam meluaskan lagi ilmu berkaitan zakat pendidikan sama ada secara teori atau praktikal.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Talib dan Hasan Ahmad, “Penilaian Kelayakan Asnaf Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Vol 1 (Juni, 2019), 23 – 41.
- Abdul Wasik, “Menelaah Kembali Prinsip Zakat Produktif (Upaya Mengubah Masyarakat Konsumtif Menuju Masyarakat Produktif),” *Jurnal Al Hukmi* Vol 1, No 2 (November 2020): 159 – 176.
- Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār Ibn Hazam, 2005.
- Abū Ishaq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Sharī’ah*. Beirut: Dār al-Ma‘ārif, t.t..
- Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawawī, *Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr, Maktabah al-Irshād Jiddah, t.t..
- Afton Ilman Huda, Anwar dan M. Hadi Makmur, “Analisis Pemanfaatan Beasiswa Tahun 2010 Oleh Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Jember,” *Artikel Ilmiah Hasil Penelitian Mahasiswa I* (1) (2013): 1 – 5.
- Ainun Faikah, Baharudin dan Safroni Isrososianto, “Analisis Penggunaan Dana Beasiswa Bidikmisi dan Dampaknya Terhadap Prestasi Belajar Mahasiswa Bidikmisi,” *Jurnal SOCIETY* Vol 10, No 2 (Desember 2019): 95 – 109.
- Aisyah Abdul Rahman dan Wajeeha Zulkifly, “Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 19, No 2 (2016): 85 – 94.
- Arif Rahman Hakim, Suyud Arif dan Hidayah Baisa, “Peran Zakat dalam Pembangunan Pendidikan di Kota Bogor (Studi Kasus Pendayagunaan Zakat Pendidikan Dompet Peduli Ummat Daarut Tauhid Cabang Bogor),” *Al-Infaq: Jurnal Ekonomi Islam* Vol. 5, No. 2 (September 2014): 243 – 272.
- Azizah Othman, Syarifah Md Yusof, Raziah Md Tahir, Norashidah Hashim dan Mardzelah Makhsin, “Kesan Bantuan Zakat Pendidikan Kepada Anak-anak Asnaf di Negeri Kedah,” *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy* Vol. 2, No. 2 (September 2020), 69 – 78.
- Azman Ab Rahman, Hasanah Abd. Khafidz, Zahari Mahad Musa, Irwan Mohd Subri, Nor Asiah Yaakub dan Siti Martiah Anwar, “Keperluan Kepada Skim Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat (SPH) atau Lifelong Learning untuk Fakir Miskin Menerusi Zakat,” *Proceeding of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia* (2017), 27 – 31.
- Azman Ab Rahman dan Siti Martiah Anwar, “Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia,” *Prosiding PERKEM* ke-9 (2014): 208 – 215.
- Azman Ab Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, Zulhilmi Mohamed Nor, “Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah,” *Jurnal Sains Insani* Vol 2, No 1 (2017): 48 – 53.
- BAZNAS, *Statistik Zakat Nasional 2018*. Bagian Liaison dan Pelaporan, 2019.

“BEM SI Minta Keringanan UKT Bagi Seluruh Mahasiswa,” laman sesawang *cnnindonesia.com*, dicapai 14 Maret 2021, <https://www.cnnindonesia.com/nasional/20200623162031-20-516558/bem-si-minta-keringanan-ukt-bagi-seluruh-mahasiswa>.

“Berapa Biaya Pelayanan Kesehatan yang ditanggung Anggota?” laman sesawang *Gadjah Mada Medical Center*, dicapai 5 Disember 2023, <https://gmc.ugm.ac.id/biaya-pelayanan-gmc/>

“Biaya Kuliah UKT Jalur SNMPTN Dan Ketentuannya 2022/2023,” laman sesawang *mamikos*, dicapai 28 September 2021, <https://mamikos.com/info/biaya-kuliah-ukt-jalur-snmptn-dan-ketentuannya/>.

Burhān al-Dīn Ibrāhīm al-Zarnūjī al-Ḥanafī, *Ta’līm Muta’allim*, t.t.p: Ma’had al-Islāmī al-Salafī, t.t.

Bustamil Arifin, “Penggunaan Beasiswa Bidikmisi Pada Mahasiswa FKIP UNTAN,” *Artikel Penelitian Universitas Tanjungpura* (2013): 1 – 20.

Che Wan Maisarah Che Wan Ismail, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor, “Pola Perbelanjaan Dan Cadangan Penentuan Haddul Kifayah Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Di Kuala Terengganu, Terengganu,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 21, No 2 (2018): 45 – 57.

Cicilia Larasati Rembulan dan Kuncoro Dewi Rahmawati, “Spending Pattern on Young Adult,” Proceeding The 2nd International Conference on Entrepreneurship 2015: 166 – 175.

Didin Hafidhuddin, M. Fuad Nasar, Teten Kustiawan, Irfan Syauqi Beik dan Hilman Hakiem, *Fiqh Zakat Indonesia*, Jakarta: Badan Amil Zakat Nasional, 2015.

Emie Sylviana Mohd Zahid, “Pengagihan Skim Bantuan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin Mengikut Konsep Had Kifayah,” 1 – 12.

Faqih Purnomasidi, Sri Ernawati, Dhian Riskiana dan Jagad Banabsyah, “Perilaku Konsumtif Anak Kos Pada Mahasiswa Universitas Sahid Surakarta,” *Jurnal Talenta Psikologi* Vol. 11, No. 2 (Agustus 2022), 36 – 48.

Haris Al Amin, “Pengelolaan Zakat Konsumtif dan Zakat Produktif (Suatu Kajian Peningkatan Sektor Ekonomi Mikro dalam Islam),” *Jurnal Ekonomi dan Bisnis* (2015), 1 – 15.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Hadīth Bulūgh al-Marām*, t.t.p: Dār al-Qabsi, 2014.

Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin Umar bin Kathīr bin Ḍū bin Dar‘ al-Qursyī al-Baṣarawī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Riyāḍ: Dār Ṭaybah lil Nasyr wa al-Tawzī’, 1999.

Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Jeddah: Dār al-Ṣādir, t.t, 5/225-6.

Ibrāhīm al-Bājūrī, *Hāshiyah al-Bājūrī*, Beirut: Dar Kutub al-Islāmiyyah, 1999, 1:282.

Ida Shaheera Bakhtiar, Mohd Haizal Jamaluddin, Muhammad Aizi Mat Salim dan Muhammad Noor Harun, “The Students Spending Patterns on Non-Academic Items Towards Food and Beverage Lead to Poor Financial Management,” *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, Volume 470: 60 – 62 .

Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji, *Manual Pengurusan Agihan Zakat*, Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, 2007.

John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, London: SAGE Publications, Inc, 2009.

“Kajian UKT – BEM KM Sekolah Vokasi UGM,” laman sesawang *studylibid*, dicapai 24 Januari 2021, <https://studylibid.com/doc/121351/kajian-ukt---bem-km-sekolah-vokasi-ugm>.

Kanting Sechaba Thobejane dan Olawale Fatoki, “Budgeting and Spending Habits of University Students in South Africa,” *Gender and Behaviour* Vol. 15, No. 3 (2017): 9414 – 9423.

Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin, dan Saharudin Ramli, “Had Al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis,” *International Journal of Humanities Technology and Civilization* Vol. 2, No 1 (2017): 34 – 44.

Mohamad Aidil Firdaus Selamat, “Corak Perbelanjaan Penerima Zakat Pendidikan Luar Negara di Bawah Majlis Agama Islam Johor,” (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2022).

Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Azman Ab Rahman, “Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP),” *JFatwa* Vol. 17, No. 2 (2019): 141 – 173.

Mohd Azrin Abd Rahim, Norliana Ahmad Shah, Ida Farina Muhd Yunus dan Norjiah Muslim, “Tahap Kesederan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Peranan Unit Zakat di Negeri Selangor,” *2nd International Conference on Zakat, Tax, Waqf and Economic Development 2022 (ZAWED2022)* (Disember 2022), 1 – 17.

Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Najahuddin Lateh, Mohd Muhaizam Md Ishak, Muhammad Naim Anasat dan Mohd Nabil Hilmie, “Impak Agihan Zakat Pendapatan Dalam Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,” *Proceedings Borneo Islamic International Conference* Vol. 13 (2022), 113 – 118.

Muhammad Āmīn bin Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār*, Beirut: Dār al-Fikr, 1992, 2: 262.

Muhammad bin Yazīd al-Rubā‘ī al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, t.tp: Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 2009.

Muhammad Choirin, Nono Hartono, Hidayaneu Farchatunnisa dan Arwa Violaditya Rasasoceta, “Pengembangan Optimalisasi Zakat BUMN untuk Program Beasiswa,” *Policy Brief* (Jun 2022).

Muhammad Mujid al-Dīn al-Fīrūzābādī, *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, Beirut: Dār al-Jail, t.t, 4/386.

Muhammad Nawawī bin ‘Umar al-Jāwī al-Bantānī, *Kāsyifah al-Sajā Sharḥ Safrīnah al-Najā*. t.tp: Dār Ibnu Ḥazm, 1875.

Muhammad Shawqī al-Fanjārī, al-Islām Wa al-Tawāzun al-Iqtisādī Bayna al-Afrād Wa al-Duwāl, t.tp: Wizārat al-Awqaf, 2010.

Muhammad Tho'in, "Pembentukan Pendidikan Melalui Sektor Zakat," *Jurnal Al-Amwal* Vol. 9, No. 2 (2017): 162 – 175.

Muhammad Zaid Nuriyanto, Zaenal Abidin, Alif Syahfiar, Fahrul Agil Firmansyah, Wawan Juli Fajar Rianto, Ica Prasetyono, Fahrizal Novan Pahlevi, Fahrudi Ahwan Ikhsan dan Fahmi Arif Kurnianto, "Analisis Pola Konsumsi dan Gaya Hidup Mahasiswa Pendidikan Geografi Universitas Jember Angkatan 2018," *Jurnal Pembelajaran Geografi* Vol. 2, No. 2 (2019), 1 – 13.

Muslim bin Hajjaj, *Sahīh Muslim*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd, 2010.

Norly Marlia Kamaruddin, Noor Azlin Mohd Kasim, Sarimah Ahmad dan Anis Suziana Safaruzaman, "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi di Kolej Universiti Islam Melaka Melakukan Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian," *Journal of Business Innovation* Vol. 6 (2021), 104 – 112.

Nurul Afifah Hasan, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, "Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia," dalam *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohd Taqiuddin Mohamad. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015.

Nurul Azma Abu Bakar, Norashidah Hashim, Azizah Othman, Raziah Md Tahir, dan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan, "Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan," *International Journal of Islamic Business* Vol. 7, No. 1 (Jun 2022), 60 – 75.

Patmawati Hj Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal," *Jurnal Syariah* Vol. 16, No. 2 (2008), 1 – 23.

Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2020, Permendikbud RI No. 25 Tahun 2020.

Preevetha Suresh dan Lai Wei Sieng, "Tingkah Laku Pelajar Universiti dalam Penggunaan, Perbelanjaan dan Pelaburan," *Journal of Business Management and Accounting* Vol. 13, No. 1 (Januari 2023), 129 – 152.

Puskas BAZNAS, *Kajian Had Kifayah 2018*, Jakarta Pusat: Pusat Kajian Strategis Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), 2018.

Qhoirun Putri Rahayu dan I Made Suwanda, "Pola Penggunaan Beasiswa Bidikmisi Pada Mahasiswa di Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Surabaya Angkatan Tahun 2011," *Jurnal Kajian Moral dan Kewarganegaraan* Vol 3, No 3 (2015): 1160 – 1174.

Royal Bank of Scotland, "Student Living Index July 2020," *Royal Bank of Scotland* (Julai 2020), 38.

Rubayah Yakob, Amir Asyraf Husni Nizad, Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah dan Roziana Baharin, "Indeks Sara Hidup Pelajar: Kajian Kes di Kolej Pendidikan Antarbangsa (INTEC)," *Jurnal Personalia Pelajar* 21 (1) (2018): 11 – 18.

Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman, dan Hairunnizam Wahid, “Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia,” *Jurnal Personalia Pelajar* Vol 18, No 2 (2015): 33 – 44.

Shandi Irma Kharismayanti, “Pola Penggunaan Dana dan Gaya Hidup Mahasiswa Penerima Beasiswa Bidikmisi di Fakultas Ekonomi Universitas Negeri Yogyakarta,” *Jurnal Pendidikan dan Ekonomi* Vol 6, No 4 (2017): 400 – 410.

Shihāb al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Niāyah al-Muhtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003, 3:119.

Siti Rahmah dan Jumi Herlita, “Manajemen Pendistribusian Zakat di Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) Provinsi Kalimantan Selatan,” *Jurnal Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah* Vol. 18, No. 1 (2019): 13 – 26.

Siti Roedah Md Jemary, “Pendekatan Humanistik: Teori Hirarki Keperluan Maslow,” (makalah, Kertas Kerja Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak, Universiti Pendidikan Sultas Idris, 2017), 1 – 10.

Siti Zalikha, “Pendistribusian Zakat Produktif dalam Perspektif Islam,” *Jurnal Ilmiah Islam Futura* Vol. 15, No. 2 (Februari 2016): 304 – 319.

Sugiyono, *Metode Penelitian Pendidikan Pendekatan Kuantitatif, Kualitatif, dan R&D*. Bandung: Penerbit Alfabeta, 2015.

Sumarno, Gimin dan Syakdanur Nas, “Dampak Biaya Kuliah Tunggal Terhadap Kualitas Layanan Pendidikan,” *Kelola Jurnal Manajemen Pendidikan* Vol. 4 No. 2 (Juli – Desember 2017): 184 – 194.

“UKT Tak Transparan, Ribuan Mahasiswa Unri Demo Rektorat,” laman sesawang *Okezone*, dicapai 24 Januari 2021, <https://news.okezone.com/read/2013/10/08/373/878576/uqt-tak-transparan-ribuan-mahasiswa-unri-demo-rektorat>.

“Wabah PHK Akibat Covid-19,” laman sesawang *Katadata*, dicapai 14 Maret 2021, <https://katadata.co.id/ariayudhistira/infografik/5e9a66d0e897f/wabah-phk-akibat-covid-19>.

Willya Rahma Nesya, Zulfa Eff Uli Ras dan Totoh Andayono, “Tinjauan Pemanfatan Beasiswa Bidikmisi dalam Keberlangsungan Studi Mahasiswa di Fakultas Teknik Universitas Negeri Padang,” *Jurnal CIVED* Vol 2, no 2 (Juni 2014): 420 – 427.

Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Filsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1973.